

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 20

Selasa

9 Disember 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 32)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 71)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 9 Disember 2014**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan status siasatan JAKIM terhadap program "*I Want To Touch A Dog*" dan setakat mana penguatkuasaan undang-undang di bawah JAKIM mampu membendung anasir-anasir yang kerap menghina institusi dan syariah Islam di negara ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

*Ke mana terbangnya helang,
Kalau tidak ke langit yang tinggi,
Kalau tidak kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian,
Tidak saya sampai ke mari... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad pada 16 Disember 2014 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan dengan program "*I Want To Touch A Dog*" dan tindakan untuk bendung aktiviti yang menghina institusi syariah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka terhadap sebarang usaha yang bertujuan untuk menghina agama Islam. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa dari semasa ke semasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri bagi menangani dan memantau penyebaran sebarang budaya serta fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam di negara ini.

Berkenaan program "*I Want To Touch A Dog*", JAKIM telah memanggil penganjur program pada 6 November 2014 bagi mendengar penjelasan berkenaan penganjuran program tersebut. Menurut penganjur objektif, penganjuran program adalah untuk mengatasi rasa takut kepada anjing dan mendedahkan tatacara pengendalian anjing dalam keadaan kecemasan. Program juga telah menyediakan khidmat sertu ataupun samak di tapak program.

Walau bagaimanapun, penganjur tidak dapat mengawal keadaan kerana pengunjung yang begitu ramai. Ini apa yang telah dijelaskan oleh pihak penganjur. Dalam pertemuan tersebut, penganjur telah diberikan amaran agar tidak mengulangi penganjuran program yang boleh menimbulkan keresahan awam pada masa akan datang. Pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri akan memantau program-program anjuran beliau. Penganjur juga telah buat permohonan maaf secara terbuka pada 25 Oktober 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam aspek penguatkuasaan undang-undang terhadap pihak-pihak menghina agama Islam di negara ini, Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, telah memperuntukkan hal-hal berkaitan agama Islam termasuklah undang-undang jenayah syariah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri khususnya Jabatan Agama Islam Negeri. Dalam konteks kes "*I Want To Touch A Dog*", negeri Selangor adalah pihak berkuasa di dalam kes ini. Selain itu, kerajaan melalui JAKIM juga sentiasa bekerjasama dengan semua pihak melaksanakan program-program intervensi seperti seminar, kursus dan bengkel yang melibatkan masyarakat awam, pelajar-pelajar daripada institusi pengajian tinggi awam dan badan bukan kerajaan yang berkaitan. Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang cukup jelas. Persepsi masyarakat pada hari ini melihat JAKIM masih lagi lemah dan sering kali gagal bertindak tegas khususnya dalam menguatkuasakan undang-undang dan hukum yang berkaitan dengan Islam.

Soalan tambahan saya, apakah terdapat sebarang cadangan atau kajian untuk meminda akta sedia ada agar JAKIM lebih bertaring khususnya dalam memastikan kesucian agama Islam ini dapat terus dipertahankan dari serangan golongan liberal, anti hadis, Syiah dan sebagainya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Puan Shahanim. Sebagaimana yang telah saya perelaskan sebentar tadi bahawa sebagaimana menurut Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan, sebenarnya peruntukan tindakan-tindakan ataupun segala tindakan yang berkaitan dengan undang-undang adalah bidang kuasa di peringkat negeri masing-masing dan khususnya ialah Majlis Agama Islam yang undang-undang itu dikuatkuasakan. Bagi pihak JAKIM, sememangnya sebagaimana harapan seluruh masyarakat, kita sebagai pihak yang mengkoordinasikan semua majlis agama telah memohon supaya tindakan-tindakan segera untuk dibuat ke atas pencemaran dan juga penyelewengan-penyelewengan yang berkaitan dengan agama yang tentunya amat memberikan tamparan sensitiviti kepada masyarakat umat Islam.

Oleh kerana kita memerlukan kerjasama yang begitu tinggi dengan pihak kerajaan negeri yang menjadi penguat kuasa agama, kita amat mengharapkan supaya dalam masa yang sama koordinasi ini dapat dilaksanakan dan tindakan-tindakan segera bagi membendung supaya tidak berlakunya sensitiviti dan juga pelanggaran terhadap ajaran agama Islam. Terima kasih.

■1010

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan dengan baik dan jelas kepada kita. Soalan tambahan saya ialah bentuk-bentuk yang sering berlaku, penghinaan sebagaimana yang terdapat di sini institusi dan syariat Islam. Jadi saya hendak tengok bentuknya, mungkin berapa banyak, bagaimana bentuk yang telah dikenal pasti yang menghina agama Islam sama ada daripada orang Islam sendiri ataupun *non Muslim*. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Kalau kita merujuk dalam lingkungan kebelakangan ini pelbagai bentuk yang digunakan dalam konteks sama ada disengajakan ataupun semacam tidak disengajakan. Akan tetapi ia berlaku termasuk di kalangan orang Islam dan juga yang bukan Islam.

Kerajaan memerhati dan melihat perkembangan ini berdasarkan daripada laporan-laporan Majlis dan juga daripada JAKIM itu sendiri. Ini merupakan perkara-perkara hasil rentetan daripada pandangan-pandangan yang melihat Islam ini secara liberal dan begitu juga pandangan yang melihat secara pluralisme dan ajaran-ajaran yang melihat agama itu hanyalah hak individu yang tidak ada kaitan dengan pihak-pihak tertentu.

Sedangkan golongan ini gagal memahami dan melihat bahawa peruntukan Perlembagaan yang telah pun dipersetujui secara bersama sejak dari awal kemerdekaan dahulu, pembinaan kepada Perlembagaan itu meletakkan dalam Perkara 3, Islam sebagai agama Persekutuan. *Islam is the religion of the Federation*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Islam agama Persekutuan, bukan sekadar rasmi tetapi Persekutuan. Dalam erti kata, ini meletakkan Islam pada kedudukan yang begitu tersendiri dalam konteks negara.

Namun kadang-kadang semangat kepercayaan dan juga keyakinan kepada Perlembagaan ini semacam untuk diletakkan dalam keadaan yang mengasingkan peruntukan Perlembagaan tersebut. Hasilnya menyebabkan berlakunya sensitiviti dan juga serangan-serangan seperti ini.

Jadi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, kerajaan akan sentiasa bekerjasama dengan Majlis-majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri untuk melihat ruang-ruang yang boleh tindakan-tindakan yang boleh dibuat sebagai bentuk pengajaran hasil daripada provokasi yang begitu tinggi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua bukan persoalan kerana kita melihat bahawa untuk menyebelahi mana-mana pihak tetapi kerajaan ingin melihat keharmonian, perpaduan, ketenteraman, semangat kebersamaan, sayang dan cinta negara ini, ia tidak luntur disebabkan oleh sebab satu dua pihak yang ingin melihat kekacauan dalam konteks negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah usaha pihak Kementerian dalam memastikan harga ayam turun semula ke paras sekitar RM5-RM6 sekilogram berikutan harga barang yang lain meningkat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif, soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, ayam merupakan antara barangan makanan utama di negara ini untuk menjadikan sumber protein yang pertama. Harga ayam dalam pasaran sentiasa mengalami perubahan akibat faktor penawaran dan permintaan pengguna dan tertakluk kepada pasaran.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan harga barangan ini dalam pasaran sentiasa stabil dan bekalan yang mencukupi, pihak kementerian telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut Yang Berhormat:

- (i) kementerian sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pengeluar ayam seperti Persekutuan Persatuan Penternak-penternak Malaysia untuk berbincang bagi memastikan bekalan ayam dalam pasaran sentiasa mencukupi dan harganya berada pada paras yang munasabah;
- (ii) dalam menentukan tindakan yang lebih berkesan bagi menyekat aktiviti mencatut ataupun pengambilan keuntungan yang tidak munasabah, tindakan kita mengeluarkan notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada pihak yang terlibat boleh dilaksanakan sekiranya kita mendapati ada mana-mana pihak yang cuba mencatut atau mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya;
- (iii) kita melaksanakan kawalan harga secara perundangan melalui Skim Kawalan Harga Musim Perayaan untuk menyekat kenaikan harga barang yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Contohnya skim ini kita laksanakan semasa perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Keamatan dan Hari Gawai dan yang akan datang ini ialah Hari Krismas sebelum 25 Disember ini;
- (iv) kementerian juga turut mengadakan perbincangan serta rundingan dengan kementerian dan juga agensi lain yang berkaitan dengan industri pengeluaran dan juga pemasaran ayam iaitu Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan iaitu FAMA dan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi kita selesaikan isu-isu berkaitan dengan bekalan ayam di pasaran; dan
- (v) kita juga menjalankan kerjasama rapat dengan persatuan pengguna dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO untuk kita menasihatkan pengguna-pengguna agar menjadi pengguna yang bijak dalam memilih barangan keperluan serta membuat perbandingan harga sebelum pengguna membuat pembelian.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan harga ayam ini, ada ayam daging, ada ayam kampung dan juga ada ayam Ipoh. Jadi kalau ikut ketiga-tiga jenis ayam ini harganya juga berbeza-beza. Kalau ayam kampung kita tidak kontrol sangat, ayam Ipoh lagi tidak kontrol. Jadi ketiga-tiga jenis ayam ini memang makanan bukan sahaja di musim perayaan. Mungkin pihak kementerian kena melihat jangan tindakan penguatkuasaan bermusim.

Sedangkan cuti sekolah ini pastinya banyak kenduri ataupun majlis-majlis perkahwinan, ini juga perlu dikontrol. Jadi jangan sahaja kontrol kawasan macam pasar raya besar sedangkan di kampung, ayam sekarang ini RM8, RM10.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif: Ini saya hendak beritahu *environment*, persekitaran dahulu baru soalan saya apakah tindakan kementerian yang dibuat setakat hari ini sampai ke akar umbi? Tindakan ini tidak boleh dibuat pada musim perayaan sahaja. Itu soalan saya.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, penguat kuasa kita ada dua dari segi tindakan dan juga pemeriksaan. Pertamanya dalam Ops Harga. Ops Harga ini seperti Yang Berhormat sebut tadi ia akan berlaku sepanjang masa tanpa ada musim. Keduanya ialah dari segi penguatkuasaan semasa musim perayaan.

Jadi dalam musim perayaan ini, dalam tempoh yang telah pun kita tetapkan. Jadi kalau untuk Ops Harga ini sepanjang tahun. Jadi ia tidak bermusim sama ada musim perayaan yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi Ops Harga seperti Yang Berhormat kehendaki ini, sepanjang tahun daripada Januari 2014 hinggalah semalam, 8 Disember kita telah mengadakan lebih daripada 1,865,039 pemeriksaan. Ini jumlah pemeriksaan premis yang kita buat sepanjang tahun daripada Januari sehingga Disember. Jumlah amaran yang kita bagi 20 dan notis di bawah seksyen 21, 93. Jumlah keseluruhan kes yang telah kita ambil ialah 5,840 kes.

■1020

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan nilai rampasan yang kita buat sepanjang tahun daripada awal Januari, berjumlah RM1,210,321.49 lebih dari satu juta nilai rampasan yang kita buat. Keseluruhan kompaun yang kita dapat sebanyak RM319,730. Jadi ini membuktikan bahawa tindakan-tindakan ini kita ambil daripada awal Januari hinggalah 8 Disember bukan sahaja di musim-musim perayaan. Akan tetapi kalau dalam musim perayaan Yang Berhormat, pada Tahun Baru Cina, Pesta Keamatan yang saya sebut tadi, Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali, sebanyak 231,000 pemeriksaan telah kita buat. Itu dalam tempoh hari-hari yang telah ditetapkan semasa Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Jadi lebih daripada 231 pemeriksaan yang kita buat. Tindakan undang-undang, banyak, 766, rampasan juga lebih daripada 52,000. Jadi itu dari segi tindakan-tindakan yang telah kita ambil.

Yang Berhormat juga sebut mengenai dengan harga. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga telah membuat pemeriksaan mendapat kerjasama dengan pihak MoA untuk memastikan supaya

pemeriksaan harga-harga ayam ini kita buat pada tiap-tiap hari. Pada awal bulan Disember ini, kalau contoh di Negeri Sembilan, harga di kawasan Kuala Pilah yang kita pantau ialah RM7.47. Di kawasan Seremban RM7.27. Di Port Dickson RM7.21, ini dari segi daerah pro rata harga ayam di seluruh negeri kita buat pemantauan pada tiap-tiap hari sama ada di pasar-pasar besar ataupun di pasar raya yang terdapat di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan penternakan ayam di Malaysia ini telah pun dikelolakan oleh satu-satu kaum yang mana menguasai perniagaan ini. Apakah kementerian sedar bahawa perkara ini menyusahkan kementerian untuk mensabitkan harga ayam ini. Apakah tindakan daripada kementerian untuk mewujudkan persaingan kepada mereka yang mana ini akan menentukan, harga ini boleh di *competitiveness* dengan izin dalam perniagaan ini yang boleh membuat harga ini turun.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim di atas soalan tambahan. Seperti yang saya sebut pada awal tadi Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pengeluar-pengeluar ayam di seluruh negara melalui Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak yang terdapat. Perbincangan ini kita adakan dari semasa ke semasa untuk memastikan pertama ialah bekalan pengeluaran daripada penternak-penternak ini mencukupi. Keduanya, kita hendak pastikan supaya pemborong, harga yang diberi kepada pemborong yang membeli daripada penternak ini mesti harga yang telah dipersetujui di antara kementerian. Kawalan ini sentiasa kita lakukan supaya daripada pemborong, ia akan pergi kepada peruncit di pasar-pasar.

Jadi sebab itu perbincangan ini kita adakan dengan penternak, pemborong supaya peruncit-peruncit ini dapat menjual dengan harga yang sepatutnya seperti apa yang telah ditetapkan oleh kementerian. Contohnya kalau musim-musim perayaan ini, permintaan begitu tinggi. Jadi sebab itu pada musim-musim perayaan ini tidak termasuklah pada cuti sekolah, kenduri perkahwinan dan sebagainya tetapi pada musim-musim perayaan, semua musim perayaan ini kita buat skim kawalan harga dan perbincangan hendak memastikan supaya bekalan itu mencukupi. Bila bekalan mencukupi dan melebihi dan kita boleh menstabilkan harga runcit di pasar-pasar di seluruh negara. Terima kasih.

3. Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah pelajar matrikulasi yang berasal dari sekolah rendah Tamil untuk lima tahun yang lepas.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Timbalan Menteri Pendidikan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia adalah menyediakan banyak pilihan program kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar-pelajar SPM ini dibenarkan memilih tempat belajar yang lebih sesuai dengan minat dan masa hadapan pelajar itu sendiri seperti kita ada menyediakan program persediaan yang mana merangkumi *foundation*, matrikulasi dan juga asasi. Manakala ada program untuk Tingkatan

6 dan juga program peringkat sijil dan diploma yang merangkumi kolej komuniti, politeknik, institusi pendidikan tinggi swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin dijelaskan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia tidak melihat latar belakang sekolah rendah pelajar dalam permohonan mahupun pemilihan. Sebaliknya, pemilihan pelajar ke program matrikulasi adalah berdasarkan 90% untuk bumiputera dan 10% untuk bukan bumiputera dan selain daripada itu melepasi syarat am seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) umur tidak lebih daripada 20 tahun pada 1 Januari tahun pengambilan;
- (iii) calon SPM semasa; dan
- (iv) mendaftar dan mengambil mata pelajaran SPM tertentu mengikut jurusan permohonan.

Yang Berhormat, setiap tahun permohonan pelajar lepasan SPM ke program matrikulasi melebihi 100,000 orang. Sebagai contoh, bagi tahun 2010 – 104,770 pemohon; tahun 2011 – 105,077 pemohon; pada tahun 2012 – 111,757 pemohon; tahun 2013 – 109,150 pemohon; dan pada tahun 2014 – 108,531 pemohon. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa pelajar-pelajar kaum India akan ditawarkan 1,500 tempat di kolej-kolej matrikulasi negara, berapakah bilangan pelajar yang memenuhi tempat tersebut dan apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan tempat-tempat diisi dengan sepenuhnya.

Kedua, ramai pelajar sekolah rendah Tamil yang mendapat keputusan yang cemerlang di peringkat UPSR tidak dapat mengekalkan prestasi baik mereka apabila mereka ke sekolah menengah kebangsaan. Apakah langkah yang boleh diambil untuk membendung masalah ini. Juga, adakah integrasi kaum serta interaksi dengan guru berbilang kaum yang kurang baik menyebabkan penurunan prestasi tersebut. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat untuk membangkitkan sebenarnya dua soalan yang begitu tepat dan kena pada masanya. Dengan izin Yang Berhormat, saya akan menjawab kedua-dua soalan tersebut. Pada masa yang sama saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Kebangsaan Jabatan Kebajikan Masyarakat ke Dewan yang mulia ini Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Seperti mana yang kita sedia maklum Yang Berhormat Senator, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai satu agenda untuk membantu semua rakyat Malaysia tanpa melihat agama, latar belakang mereka. Pada tahun 2012, beliau telah mengumumkan bahawa beliau akan menawarkan 1,500 tempat untuk pelajar-pelajar India. Dari tahun tersebut, kita telah menawarkan lebih daripada 1,500 tempat.

■1030

Contohnya pada pengambilan tahun 2012/2013 kita telah memberi tawaran kepada 1,539 pelajar. Pada pengambilan 2013/2014 kita telah memberi tawaran kepada 1,850 pelajar. Pada tahun

2014/2015 kita telah memberi tawaran kepada 1,856 pelajar. Walaupun janjinya kita menawarkan 1,500 tetapi kita memberi tawaran yang lebih daripada 1,500 untuk memastikan lebih ramai lagi pelajar-pelajar dapat mengambil jurusan matrikulasi untuk melanjutkan pelajaran mereka ke IPTA.

Dalam aspek yang kedua, yang mana Yang Berhormat menanyakan sama ada pelajar-pelajar cemerlang UPSR apabila mereka pergi ke sekolah menengah mungkin ada kemerosotan. Mungkin ada tetapi Yang Berhormat, kurikulum yang diajar di sekolah menengah memberi satu platform atau satu agenda yang sama kepada semua pelajar. Kita sentiasa membantu bukan sahaja kementerian malah badan-badan bukan kerajaan telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk memastikan anak-anak ini terus memberi pencapaian atau mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan mereka apabila mereka berada di sekolah menengah.

Kita dapati kebanyakan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dapat mengekalkan kecemerlangan mereka sampai ke IPTA. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, apabila saya sendiri membuat lawatan ke IPTA, IPTS di seluruh negara. Apabila saya menanyakan soalan kepada pelajar-pelajar kaum India, berapa ramai di sini daripada SJK(T)? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 50% anak-anak yang belajar di IPTA merupakan pelajar-pelajar daripada SJK(T). Ini menunjukkan pencapaian yang sama kerana sistem pendidikan yang diberi kepada semua sekolah adalah sama. Saya amat gembira dengan pencapaian ini dan saya pasti ada banyak lagi yang kita dapat laksanakan untuk menambahbaikkan pencapaian ini.

Aspek yang kedua, integrasi kaum yang telah ditekankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pembinaan model integrasi dalam kalangan murid pelbagai kaum yang mengikuti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan ataupun RIMUP telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan RIMUP dalam membentuk modal integrasi di kalangan murid pelbagai kaum dan telah melibatkan 271 buah sekolah di tujuh buah negeri.

Dapatan kajian itu Yang Berhormat, menunjukkan peningkatan modal integrasi secara keseluruhan iaitu sebanyak 30.17%. Peningkatan modal integrasi mengikut jenis sekolah pula adalah seperti berikut:

- (i) Bagi SJK(T) meningkat sebanyak 38.1%;
- (ii) SK meningkat sebanyak 30%; dan
- (iii) SJK(C) meningkat sebanyak 25.29%.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Senator, Program RIMUP dikaji semula untuk memastikan aktiviti yang dirancang dapat dimanfaatkan oleh semua murid. Malahan, di bawah anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025, beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat tertentu untuk melahirkan masyarakat harmonis dengan mengukuh dan memperluas Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan atau RIMUP melalui 2016 bagi menyediakan platform interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan latar belakang sosial ekonomi.

Secara terperinci Tuan Yang di-Pertua, anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025. beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat harmonis melalui:

- (i) memperkukuhkan pendidikan sivik dengan menjadikan perkhidmatan komuniti sebagai pra syarat untuk tamat persekolahan menjelang 2017;
- (ii) memperkukuhkan pendidikan Islam dan moral dengan memberi fokus ke atas nilai dan falsafah-falsafah agama utama menjelang 2017;
- (iii) memperkembangkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan dan penyertaan murid dalam aktiviti sukan, kelab dan badan beruniform; dan
- (iv) mengukuh dan memperluaskan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan. Mulai 2016 bagi menyediakan platform interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan latar belakang sosioekonomi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri dikatakan tidak ada perbezaan tetapi pandangan saya sahaja tentang pelajar daripada SRJK(T) dan SRJK(C) ini memanglah ada kelemahan dalam Bahasa Kebangsaan. Bila mereka pergi ke sekolah menengah di mana semua mata pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan.

Jadi, memanglah ada kekurangan untuk mereka untuk mencapai keputusan yang bagus. Jadi, adakah apa-apa langkah seperti SRJK(T) dan SRJK(C), sebelum pergi ke sekolah menengah mesti pergi ke RIMUP dahulu seperti masa saya. Jadi, adakah apa-apa itu akan diambil dan apa-apa langkah yang lebih baik untuk membantu pelajar-pelajar tersebut memperbaiki Bahasa Kebangsaan mereka? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu kelas peralihan. Tuan Yang di-Pertua, kelas peralihan merupakan satu rancangan khusus yang mana diadakan di sekolah menengah yang berfungsi sebagai perantaraan untuk melicinkan proses peralihan bahasa pengantar daripada bahasa ibunda di sekolah rendah kepada Bahasa Kebangsaan di peringkat sekolah menengah. Ia bertujuan untuk membolehkan murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau SJK(T) atau SJK(C) mampu menguasai Bahasa Malaysia dengan sebaiknya sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di sekolah menengah, membolehkan murid berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dengan lebih baik serta memupuk semangat kewarganegaraan dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Keputusan mengadakan kelas peralihan ini adalah berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib 1960 yang kemudiannya diterima pakai berikutan daripada akta itu. Akta pendidikan telah dipinda dan berkuat kuasa mulai tahun 1961 di mana semua murid SJK(C) dan SJK(T) dikehendaki mengikuti kelas peralihan selama setahun. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, berdasarkan kepada surat bertarikh 14 Oktober 2010 bertajuk Kemasukan Murid-murid

SJK(C) dan SJK(T) ke Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan tanpa melalui kelas peralihan bagi sesi persekolahan 2019. Menyatakan bahawa murid-murid yang lulus sekurang-kurangnya gred 'C' bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam UPSR atau Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) di tahap 2 dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik Bahasa Melayu diberi kelonggaran dan terus naik ke Tingkatan 1 tanpa mengikuti kelas peralihan.

Maksudnya di sini, masih ada peluang untuk mereka menambah baik kepada pelajar-pelajar yang tidak mendapat gred 'C', 'B' atau 'A'. Kepada yang lain, mereka masih melalui proses kelas peralihan untuk memahami dan menggunakan Bahasa Malaysia, kita membantu mereka memperkasakan bahasa Malaysia di kelas peralihan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh manakah syarikat-syarikat konsesi yang mengurus sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan kawasan mematuhi syarat pengasingan sampah sarap dan sisa-sisa pepejal (kitar semula) untuk kesejahteraan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri. Nampaknya kita amat bertuah hari ini sebab saya nampak ada beberapa orang Menteri penuh yang hadir. Jadi, ini amat memberangsangkan dan menjadi penyeri Dewan kita untuk hari ini. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1040

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengasingan sisa di sumber telah pun diperkenalkan oleh kerajaan melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun Akta 672 iaitu di bawah seksyen 74. Bagi melaksanakan peruntukan dalam akta ini, peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ataupun skim bagi pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah tahun 2011 telah dikuatkuasakan di mana seksyen 14(2) menyatakan nyata dengan jelas keperluan penghuni premis untuk mengasingkan sisa.

Sehingga November 2014, syarikat-syarikat konsesi yang menguruskan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam telah pun melaksanakan sistem kutipan tiga kali seminggu iaitu dua kali seminggu untuk kutipan sisa isi rumah dan satu kali seminggu untuk kutipan sisa pukal atau pun sisa kebun, taman dan barangan yang boleh dikitari semula berdasarkan *Key Performance Indicator* ataupun KPI yang telah ditetapkan di bawah perjanjian konsesi. Pelaksanaan sistem kutipan ini hanya bagi kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta 672 ini.

Bagi tujuan tersebut pihak syarikat konsesi telah pun menyediakan kenderaan pengangkut yang bersesuaian dan membekalkan tong kepada pemilik-pemilik premis di kawasan konsesi masing-masing. Bagi premis jenis *landed*, dengan izin, penduduk akan meletakkan sisa yang boleh dikitar semula dalam beg plastik atau bekas yang hendak dibuang dan diletakkan di tepi tong sahaja. Bagi premis *non landed* ataupun bertingkat seperti *flat* dan *apartment* pula, penduduk perlu membawa turun

sisa yang boleh dikitarikan semula dan meletakkannya di rumah sampah yang disediakan untuk dikutip oleh syarikat konsesi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem pengasingan di sumber ini secara mandatori bermula pada bulan September 2015. Selaras dengan ini program-program berbentuk pendidikan akan dilaksanakan secara lebih intensif dan peraturan-peraturan yang berkaitan akan disediakan sebagai panduan pelaksanaan sistem pengasingan di sumber tersebut. Bagi memperkukuhkan pelaksanaan strategi tersebut, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah menyediakan pelan tindakan komprehensif pengurusan sisa pepejal tahun 2015 hingga tahun 2020. Antara strategi utama pelan ini adalah:

- (i) mentransformasikan minda masyarakat melalui pendidikan dan peningkatan kesedaran terhadap kebersihan persekitaran dan pengurusan sisa pepejal;
- (ii) menggalakkan masyarakat untuk melaksanakan amalan 3R dalam kehidupan seharian melalui pendidikan dan strategi komunikasi media yang berkesan;
- (iii) penambahbaikan kemudahan fasiliti dan teknologi pengurusan sisa pepejal;
- (iv) mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk mempromosikan 3R untuk masa hadapan yang mampan;
- (v) peningkatan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengurusan sisa pepejal; dan
- (vi) penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPI adalah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian bagi memastikan mutu perkhidmatan dan prestasi kutipan sisa pepejal yang diberikan oleh syarikat konsesi memenuhi piawai dan kualiti kerja yang ditetapkan. Penggunaan KPI adakan mewujudkan sistem yang seragam dan memudahkan kerajaan memantau dan menilai perkhidmatan yang diberikan oleh konsesi. Setiap ketidakpatuhan KPI, kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilakukan oleh syarikat konsesi akan dikenakan mata demerit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita maklum bahawa risiko pelupusan sampah secara pembuangan terbuka akan membawa kepada pencemaran sama ada pencemaran air mahupun pencemaran udara. Air melalui resapan air. Udara melalui gas yang dilepaskan ke udara. Pertanyaan saya ialah sejauh ini, berapakah jumlah tapak pelupusan sampah yang *sanitary*, yang mesra alam di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator. Saya bersetuju bahawa memang ada risiko dan juga permasalahan kalau kita melonggokkan sampah secara terbuka seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, bukan semua negeri-negeri yang telah mengambil,ewartakan atau menggunakan Akta 672 ini. Pulau Pinang contohnya tidak di bawah akta ini, Selangor, Kelantan, Perak dan juga negeri Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, setiap negeri mempunyai mekanismenya tersendiri tetapi di negeri-negeri yang mengambil kira Akta 672 itu akan di bawah pengurusan dan juga *scrutiny*, dengan izin, oleh PPSPPA.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejauh ini tapak sampah *sanitary* adalah lapan dan kita sedang berusaha, setiap kali, setiap tahun kita memang sama ada *upgrade*, dengan izin, tapak-tapak pelupusan sampah yang tidak *sanitary* ini kepada *sanitary* ataupun menutup terus tapak-tapak yang sudah tidak lagi berfungsi dengan baik ataupun sudah terlalu *full capacity*, dengan izin, dan membuka tapak-tapak *sanitary* yang baru. SOP kita ialah kita tidak akan membuka lagi tapak-tapak pelupusan sampah yang tidak *sanitary*.

Namun dalam konsep untuk mengurus sisa pepejal ini, dia bukan sahaja berkenaan dengan tapak Yang Berhormat tetapi juga pengurusan kutipan dan juga pelupusannya itu dan tapak pelupusan *sanitary* bukan satu-satunya opsyen yang terbaik ataupun opsyen yang ada di tangan kita. Kita juga mempunyai cara lain. Peningkatan kitar semula adalah satu perkara yang perlu kita tingkatkan. Yang keduanya ialah pengurangan penggunaan barangan *consumption* di tahap isi rumah supaya sisa pepejal yang dihasilkan oleh isi rumah itu dapat dikurangkan.

Jadi ini adalah satu program yang komprehensif dan memakan masa yang panjang dan kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan semua negeri di seluruh Malaysia ini untuk memastikan pengurusan ini dapat dijalankan dengan baik. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawabnya. Dalam lawatan saya baru-baru ini bersama Timbalan dan Tuan Yang di-Pertua di mana di Argentina, di Uruguay melihat bahawa tong sampah di merata tempat ada penutupnya. Jadi di sini tong sampah terbuka. Bila terbuka itu sisa makanan, saya tidak hairanlah apabila tikus besar daripada kucing sekarang ini di Kuala Lumpur sendiri. Jadi satu lagi cadangan saya supaya stor-stor di tepi jalan sepatutnya kementerian patut beri *guideline* supaya kita tidak tahu bahawa sumber air daripada mana, minyak dibuang di mana. Jadi minta satu *guideline* pada stor-stor yang tepi jalan. Kadang-kadang stor haram dan sebagainya.

Jadi satu lagi pemandangan yang tidak baik dan juga taraf kesihatan yang dipersoalkan. Lepas itu, satu lagi pasar malam di tepi jalan ini. Patut kementerian juga perlu melihat perkara ini. Sebab di tepi jalan itu amat berbahaya, lalu lalang di mana kereta sekarang ini, kereta banyak sekarang, tidak macam dulu. Dulu mungkin bolehlah diadakan pasar malam di tepi jalan tetapi sekarang ini banyak kereta. Jadi ini menyebabkan keselamatan rakyat dan juga taraf kesihatan dan pemakanan itu. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Pertama sekali ialah kebersihan ini amat penting dan memerlukan penglibatan semua pihak. Namun untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi itu adalah di bawah *jurisdiction* PBT ataupun pihak berkuasa tempatan yang mana ianya diselenggarakan oleh mereka dan sudah tentu kerajaan negeri juga bertanggungjawab.

Bagi pihak kami pula, memang banyak garis panduan yang telah dibuat Tuan Yang di-Pertua. Soal tentang kebersihan, soal tentang bagaimana untuk mengurus fungsi-fungsi PBT dan sebagainya, kebenaran dan pelesenan dan sebagainya. Kita sentiasa bekerjasama dengan pihak PBT untuk

memastikan mereka menguatkuasakan undang-undang kecil dan juga peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sendiri oleh PBT tersebut.

■1050

Yang Berhormat, walaupun kementerian saya namanya adalah Kementerian Kerajaan Tempatan tetapi oleh kerana struktur perlembagaan kita itu memberikan kuasa sepenuhnya kepada PBT dan kerajaan negeri maka fungsi kementerian kami, kementerian ini ialah untuk memberikan garis panduan dan nasihat kepada PBT dan sebagainya. Terpulanglah kepada PBT untuk menguatkuasakan perundangannya dan cadangan untuk tong-tong sampah ini ditutup adalah cadangan yang baik dan saya kira kebanyakan memang semua pun tong-tong yang disediakan adalah mempunyai penutup cuma masalahnya sama ada ditutup atau tidak oleh pengguna ataupun di pasar-pasar dan juga di tempat-tempat *hawkers stall* ini, dengan izin.

Oleh sebab itu ini memerlukan penglibatan semua pihak Tuan Yang di-Pertua. Ianya tidak boleh dibebankan kepada PBT ataupun kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat. Sebenarnya sampah ini perlu diuruskan secara holistik mengikut tatacara yang sepatutnya dan dianggap sebagai satu tanggungjawab kepada semua rakyat Malaysia sebab kalau dibuang satu sampah dikutip, satu sampah dibuang dikutip oleh PBT saya kira tidak ada satu PBT dalam dunia ini yang mampu untuk menyelesaikan semua masalah. Sebab itu saya ambil maklum tentang isu tong-tong sampah yang perlu ditutup dan untuk soalan kedua tadi ialah berkenaan dengan *jurisdiction* PBT itu saya akan teruskan kementerian tingkatkan nasihat dan juga bantuan kepada PBT untuk melaksanakan undang-undang yang dibuat oleh mereka sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjawab saya benarkan lagi satu soalan tambahan. Silakan Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Soalan bonus, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri demi untuk hendak melaksanakan 3R ini dengan berkesan adakah kementerian bercadang daripada sekarang kalau ada pemaju-pemaju perumahan hendak membangunkan projek mereka disyaratkan melalui semua PBT kena luluskan dengan bersyarat bahawa masuk sekali pakej 3R. Jadi pelaksanaannya saya rasa lebih mudah dan sementara itu kementerian boleh pula memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang belum terlaksana projek 3R ini. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Cadangan yang diberikan itu amat baik sekali tetapi saya jangkakan soalan ini lebih kepada infrastruktur dalam kawasan perumahan tersebut. Maksudnya ada rumah sampah dan kemudian sistem pelupusan sampah itu lebih teratur, setiap tingkat katalah di *apartment* itu ada bilik sampah dan sebagainya. Itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memang telah pun dibincangkan dengan pemaju-pemaju perumahan, malah pemaju-pemaju perumahan yang ada sekarang ini pun memang memberikan perkhidmatan ataupun *design* seperti begitu. Kalau kita tengok *apartment* sekarang ini memang ada rumah-rumah sampah dan sebagainya.

Akan tetapi Yang Berhormat Senator sudah tentu *facility* seperti ini hanya tinggal *facility* sahaja kalau tidak mendapat kerjasama daripada penduduk di kawasan taman tersebut. *This is our biggest problem*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai masalah dari segi sikap dan setiap kali saya kecewa tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya selalu teringat apa yang dikatakan oleh negara seperti Jepun, negara-negara maju yang mempunyai kitar semula yang agak tinggi *it took then 40 years- 50 tahun* untuk mengubah sikap masyarakat mereka untuk mengamalkan sistem kitar semula dan sistem pelupusan sampah yang begitu baik. Kita masih lagi merangkak tetapi kita kena belajar daripada kesilapan mereka dan kita kena cepat untuk mengakui bahawa sampah yang ada sekarang di negara kita ini sudah pun kita mencapai tahun 2020, 30,000 tan sehari.

Ini adalah anggaran yang kita jangkakan untuk tahun 2020. Dalam kategori ini kita awal, enam bulan, lima tahun lebih awal daripada jangkakan bahawa sampah itu telah pun dijana sebanyak begitu. Cuma yang mungkin menjadi persoalannya nanti Yang Berhormat Senator ialah kos untuk mengurus sisa pepejal ini. Saya dapati kosnya agak tinggi. PBT sendiri pun kadang-kadang tidak mampu apatah lagi Kerajaan Persekutuan sekarang ini telah mengambil alih semula sistem ini. Mungkin di masa akan datang, bukan sekarang Tuan Yang di-Pertua tetapi sudah tentu rakyat terpaksa juga untuk menanggung sedikit sebanyak kos ini dengan mungkin menggunakan sistem bil secara langsung seperti juga bil elektrik dan sebagainya.

Maknanya kita akan menggunakan mekanisme di mana bil sisa pepejal yang dilupuskan ini yang dikutip ini akan terus dibilkan kepada tuan rumah dan isi rumah. Dengan cara ini kita boleh memberikan tanggungjawab yang lebih besar kepada rakyat supaya mereka menghargai dan kita akan berbincang dengan PBT bagaimana untuk melaksanakan. Bukan sekarang tetapi dalam tahun-tahun yang akan mendatang sebagai salah satu cara untuk kita mengurus kutipan ini dengan lebih sistematik lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas segala jawapan itu tadi.

5. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk menilai semula elaun Sub Kepakaran bagi Anggota Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia agar ianya sesuai dengan keadaan masa kini dan pengurusan aspek keselamatan dan ancaman Negara yang semakin kompleks.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan tidak menyediakan elaun sub kepakaran kepada Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia. Namun begitu kerajaan memberi elaun kepada pegawai dan anggota ATM dan PDRM yang merupakan insentif dan penghargaan terhadap pegawai dalam menjalankan tugas berdasarkan kepada kemahiran, skop dan juga fungsi-fungsi perkhidmatan.

Dalam pada itu kerajaan dari masa ke semasa membuat penambahbaikan termasuk mengkaji dan menimbang kenaikan kadar elaun tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Antara elaun yang diperuntukkan ialah bayaran insentif menyelam, bayaran insentif pasukan atau gerak khas, Bayaran Insentif Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Bayaran Insentif Pasukan Khas Udara (PASKAU).

Manakala bagi PDRM antara elaun yang diperuntukkan adalah Bayaran Insentif Pasukan Gerak Am, Bayaran Insentif Pasukan Gerak Khas, Bayaran Insentif Pembersihan Jerangkap Samar dan Bayaran Insentif Penyiasatan serta lain-lain lagi. Terima kasih.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya ada lagi soalan tambahan saya ialah adakah jadual gaji bagi tentera dan polis telah diselaraskan sama dengan jadual gaji minimum dan maksimum penjawat awam lantikan SPA yang berkuat kuasa 1 November 2013 dan disetarakan dengan mata gaji penjawat awam mengikut gred lantikan dan tangga gaji baru.

Saya juga mohon penjelasan mengapa graduan ijazah sarjana muda diberikan pangkat Inspektor dalam PDRM yang setara dengan diploma dan bergaji maksimum RM5,800 lebih, sedangkan rakan mereka di JPA mendapat Gred 41 dan mendapat gaji maksimum lebih daripada RM8,000. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini khusus saya akan jawab secara bertulis sebelum 4 petang hari ini sebab Yang Berhormat tanya ini ialah elaun insentif dan bukan gaji sebab kita tengah membuat beberapa penyelarasan dan kita sedar tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu berhubung dengan jawatan yang dahulunya kita masukkan dengan SPM selepas itu ada perubahan kena ada diploma atau *degree*. Contohnya inspektor polis sekarang kena ada *degree*, padahal tahun yang sebelum itu dia cuma SPM sebagai contoh ataupun diploma. Jadi saya akan jawab secara bertulis. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun ada bersama sudah pasti dia akan menambah baik jawapan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri janji harus ditepati. Kita akan tunggu jawapan secara bertulis Yang Berhormat Menteri sebelum pukul 4 petang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebelum pukul 3 petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum pukul 3 petang, bertambah baik respons dia.

■1100

6. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, di manakah peranan Kementerian dalam membendung kenaikan harga rumah yang begitu tinggi di Pulau Pinang.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani dan Yang Berhormat Senator Hajah Puan Mariany binti Mohammad Yit bertarikh 15 Disember 2014. Ketiga-tiga soalan ini menyentuh berkenaan perkara yang sama iaitu harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya peningkatan harga rumah di negara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti permintaan dan penawaran, lokasi, kos tanah, kos buruh, kos bahan binaan serta kemudahan yang disediakan oleh pemaju. Faktor migrasi dari luar bandar ke bandar menyebabkan permintaan perumahan yang tinggi dan faktor ini turut

menyumbang kepada peningkatan harga rumah di semua kawasan bandar terutamanya di kawasan ibu negeri bagi negeri-negeri seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

Ingin saya berkongsi di sini bahawa masalah harga rumah yang melambung tinggi ini bukan sahaja fenomena di negara Malaysia sahaja, malah masalah harga rumah turut membelenggu negara-negara lain di rantau Asia seperti Filipina, Indonesia, Thailand dan Taiwan. Masalah pelaburan yang berlebihan dan juga aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah sekiranya tidak ditangani dengan baik akan menyebabkan gelembung pasaran hartanah akan pecah ataupun *property bubble burst*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Norliza Abdul Rahim, berdasarkan laporan indeks harga rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ataupun NAPIC, indeks harga rumah bertingkat tinggi di kawasan pulau pada suku kedua tahun 2014 adalah 256.4%. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 156.4% berbanding tahun 2000. Manakala di Seberang Prai pula, indeks harga rumah bagi kategori rumah yang sama adalah sebanyak 158% iaitu peningkatan sebanyak 58% berbanding tahun 2000.

Untuk keseluruhan negara, laporan yang dikeluarkan oleh pihak NAPIC menunjukkan kadar kenaikan purata harga rumah bagi suku kedua tahun 2014 adalah sebanyak 6.6%. Kadar kenaikan ini menunjukkan penurunan sebanyak 5% sekiranya dibandingkan dengan kadar kenaikan purata harga rumah bagi tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu suku kedua tahun 2013 iaitu sebanyak 11.6%. Maknanya di suku kedua tahun 2013, kenaikan purata harga rumah 11.6%, untuk suku tahun kedua tahun ini hanyalah 6.65%.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penurunan kadar purata harga rumah ini adalah kesan daripada langkah-langkah proaktif *cooling measures*, dengan izin, dan diimbangi dengan langkah-langkah fiskal yang telah diambil oleh kerajaan untuk menstabilkan harga rumah di pasaran. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) meningkatkan kadar cukai keuntungan harta tanah ataupun CKHT;
- (ii) meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;
- (iii) meningkatkan ketulusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli;
- (iv) melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *developer interest bearing scheme* (DIBS) dengan izin;
- (v) sebagai langkah tambahan, garis panduan mengenai *loan to value* (LTV) 70% juga telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi mengurangkan spekulasi daripada mereka yang membeli lebih daripada dua rumah di mana mereka ini hanya akan mendapat pinjaman sebanyak 70% manakala 30% lagi perlu ditanggung sendiri.

Bagi memastikan golongan berpendapatan pertengahan dan rendah tidak ketinggalan atau tercicir dalam memiliki rumah sendiri, kerajaan akan terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan bekalan perumahan mampu milik melalui pelbagai agensi kerajaan. Antaranya ialah Skim MyHome oleh Kementerian saya, Program Perumahan Rakyat ataupun PPR oleh Kementerian saya sendiri, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) oleh Perbadanan PR1MA Jabatan Perdana Menteri, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia ataupun PPA1M dan Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB.

Kerajaan akan terus mengawasi kenaikan harga rumah dan jika perlu, daripada semasa ke semasa akan menggunakan langkah-langkah fiskal tambahan untuk mencari keseimbangan dalam pasaran dan memastikan harga hartanah tidak melambung pada kadar yang tidak sihat yang akan membebankan pembeli rumah. Selain itu, Majlis Perumahan Negara yang telah diwujudkan kerajaan juga akan terus memantau industri perumahan dan membangunkan strategi serta pelan tindakan secara holistik bagi memastikan industri ini terus berkembang secara positif dan memberi kebaikan kepada keseluruhan rakyat di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kerana ramai Menteri yang hadir pada hari ini dan tahniah khusus kepada Kementerian Perumahan kerana kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri hadir pada pagi ini. Itu menunjukkan betapa pentingnya isu perumahan. *[Tepuk]*

Kepada Kementerian Perumahan, yang ingin saya nyatakan dalam Dewan ini adalah di Pulau Pinang ini bukan hanya kita ada rumah mampu milik tetapi kita banyaknya rumah mampu tengok sahaja disebabkan harga rumah di Pulau Pinang ini menjangkau melebihi RM400,000 ke atas walaupun keluasannya hanyalah seluas 800 ke 900 kaki persegi sahaja. Jadi saya merasakan ini satu fenomena yang amat membahayakan dan tidak membantu rakyat. Saya rasa Menteri Perumahan juga baru-baru ini ada membuat kenyataan di mana agensi pusat ingin membina perumahan mampu milik tetapi tidak mudah mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri.

Jadi soalan saya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan audit perumahan di peringkat kementerian bagi tujuan mengaudit polisi perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan dasar perumahan negeri Pulau Pinang ini ditadbir urus dengan baik dan tidak rakus untuk membina rumah mewah yang dijual kepada rakyat asing yang kesannya dapat dilihat pada hari ini? Keduaanya, bolehkah tindakan diambil oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri yang dilihat lebih mesra pemaaju berbanding mesra rakyat dalam soal perumahan untuk membela rakyat?

Saya ingin bertanya kepada kementerian juga sebab sekiranya ada agensi-agensi pusat seperti PERDA atau JKP yang berhasrat untuk membina rumah mampu milik, bolehkah mereka ini diberi satu laluan mudah ataupun wujudkan satu *one-stop centre* di peringkat negeri untuk memproses pelan-pelan rumah kos rendah dan dipantau kelulusannya oleh Kementerian Perumahan? Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Pertama sekali saya ucapkan ribuan terima kasih atas penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator kepada saya. Saya sendiri pun tidak tahu

Timbalan saya hadir pada hari ini. Saya kata hari ini biar dia rehat, saya yang datang tetapi kerana komitmen Yang Berhormat Timbalan Menteri saya, dia datang juga hari ini. Saya ucapkan juga terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat Menteri, ada perasaan timbang rasa itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Pertama sekali, saya ingin memberi pandangan beginilah. Perumahan ini tidak perlu dipolitikkan, isu perumahan. Apa yang berlaku di Pulau Pinang, dan saya bercakap ini secara ikhlas sebab sudah tentu isu perumahan ini adalah sebahagian daripada bidang kuasa kementerian saya sendiri, tetapi apa yang kita lihat di Pulau Pinang, memang dulu kalau kita masih ingat lagi Yang Berhormat Senator, tahun 2008, kerajaan yang ada sekarang ini mengatakan kita tukar kerajaan dahulu kerana harga rumah tidak dapat dikawal, terlalu tinggi, antara sebab kenapa kerajaan dahulu kononnya perlu ditukar. Akan tetapi apa yang kita lihat sekarang ini, kerajaan yang sekarang ini pun tidak mampu untuk mengawal harga rumah di Pulau Pinang dan saya tidak akan menyalahkan keseluruhannya kepada kerajaan negeri sebab ada faktor pasaran dan sebagainya. Akan tetapi, hujah untuk menukar kerajaan yang dahulu itu mungkin kita boleh gunakan sekaranglah juga. Ha, itu satu cadangan sayalah kepada Yang Berhormat Senator sebab tak berapa betul.

Yang keduanya, soal tentang kelulusan. Saya dapati di Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengambil keputusan untuk mewujudkan apa yang dipanggil *State Planning Committee*, Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) di mana semua kelulusan yang dahulunya diluluskan oleh PBT, sekarang ini kalau ada kaitan dengan projek Kerajaan Persekutuan, mesti diluluskan oleh SPC, dan SPC ini pula dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri.

■1110

Ini permasalahan kita. Dahulu kebenaran merancang dan sebagainya itu dibuat di peringkat PBT. Jadi, tidaklah banyak birokrasi sangat sebab boleh berurusan terus dan mereka pun mampu sejak beberapa tahun ini mengurus segala jenis permohonan perumahan di Pulau Pinang. Akan tetapi keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewajibkan semua projek Kerajaan Persekutuan mesti melalui SPC menyebabkan banyak projek Perumahan Kerajaan Persekutuan ini agak lambat untuk diluluskan. Saya tidak tahu, saya tidak mahu buat spekulasi kenapa SPC tidak meluluskan 10,000 unit rumah yang hendak dibina oleh PERDA dan juga JKP.

Kalau ikut saya, saya ada teori saya sendiri. Saya minta supaya Yang Berhormat Ketua Menteri supaya tidak terlalu mempolitikkan keadaan sebab walaupun betul bukan semuanya 10,000 itu adalah rumah mampu milik, tetapi walaupun ada keuntungan yang dibuat daripada rumah yang agak mahal itu berasaskan pasaran, keuntungan itu kembali kepada syarikat ini, syarikat yang khusus untuk membina rumah mampu milik dan kita menggunakan keuntungan itu untuk membina lebih banyak lagi rumah di Pulau Pinang. Ingat, JKP dan PERDA membuat rumah di tanah Kerajaan Persekutuan, dana Kerajaan Persekutuan.

Kita ada 30,000 senarai pemohon di Pulau Pinang yang memerlukan rumah ini. Jadi kita tidak mahu unsur-unsur politik yang tidak mempunyai sempadan ini dimasukkan dalam pertimbangan untuk meluluskan lesen-lesen untuk JKP dan PERDA. Saya ingin minta bantuan kalau boleh menyeru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meluluskan kerana 10,000 ini penting dan kita mempunyai *list* yang agak panjang. Kemudian untuk membantu memantau pembangunan perumahan di Pulau Pinang ini, kita telah mewujudkan satu majlis yang dipanggil Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Kita akan bermesyuarat juga pada Disember 16 ini dan wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan berada dalam jawatankuasa tersebut dalam majlis tersebut dan di situlah kita ingin memperincikan dan menyelaraskan semua dasar yang telah dibuat di peringkat Pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri. Saya mintalah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk meluluskan RM10,000 itu. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang begitu terperinci oleh Menteri Perumahan, *one of my favorite* Menteri. Sebab dalam bidang saya pun, saya hendak keluar dari Pulau Pinang sedikit pada negara lain. Seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, kenaikan harga rumah ini bukan sahaja masalah negeri Pulau Pinang tetapi ia, kenaikan harganya sama sahaja di bandar-bandar besar.

Misalannya mengikut perangkaan ahli-ahli profesional, kenaikan harga di Kuala Lumpur dalam masa lima tahun yang lalu ialah di antara 10% hingga 15% setahun. Pandangan saya ialah salah satu daripada sebabnya ialah masalah spekulasi. Soalan tambahan saya ialah meminta Yang Berhormat Menteri memberitahu adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pembayaran RPTG istimewa pula untuk pembelian rumah yang kedua dan seterusnya. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya kena juga memberikan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri sebab beliau juga banyak memberi input yang begitu baik kepada kementerian berkenaan dengan isu-isu hartanah, sebab ini kemahiran beliau dan kita selalu berbincang.

Tuan Yang di-Pertua, isu spekulasi untuk perumahan di negara kita ini memanglah satu fenomena yang agak mencabar. Terlalu banyak *property guru* di luar sana yang ingin memberikan satu gambaran kepada rakyat Malaysia bahawa cara yang paling cepat untuk kaya di negara ini ialah untuk bermain spekulasi perumahan. Sebab itu saya selalu tekankan kepada *property guru*, ini dengan izin, bahawa mereka tidak boleh menggunakan *investment* dalam rumah ini sebagai satu spekulasi.

Kalau hendak spekulasi, pergilah saham ke pergilah mana-mana *instrument-instrument* pelaburan yang lain. Akan tetapi perumahan ini begitu sensitif dan begitu kritikal untuk rakyat negara kita ini ianya tidak sepatutnya tidak digunakan untuk *instrument* spekulasi. Walau bagaimanapun, banyak cara yang telah kita telah luluskan atau lancarkan untuk wujudkan untuk menangani isu spekulasi ini Tuan Yang di-Pertua.

Antara lainnya seperti mana yang dikatakan oleh Tan Sri tadi iaitu RPGT atau *Real Property Gains Tax*, dengan izin. Buat masa ini RPGT ini memang telah pun dinaikkan dalam bajet yang lepas,

bukan tahun ini, untuk tahun depan. Tahun ini, bajet tahun 2014. Kalau saya tidak- ada informasi tadi. RPGT ini telah pun diubah untuk menjadi lebih tinggi lagi dari tahun sebelumnya iaitu dalam tempoh tiga tahun untuk individu, 30% akan dikenakan kalau rumah itu dijual dalam tempoh tiga tahun.

Dalam tahun keempat akan dikenakan cukai 20%, dalam tahun kelima 15% dan kalau tahun keenam seterusnya 0%. Jadi ini adalah satu *instrument*. Walau bagaimanapun, RPGT ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa oleh KPKT dengan perbincangan dengan Bank Negara Malaysia. Saya merasakan sudah wujud sekarang ini trend di mana kenaikan harga rumah itu lebih perlahan Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sentuh tadi, sekarang ini kenaikan harga rumah secara puratanya di negara kita hanyalah lebih kurang 5.6%.

Kadar kenaikan purata harga rumah bagi suku kedua tahun 2014 adalah 6.6% sahaja berbanding tahun lepas 11.6%. Kurang 5%, bermakna kenaikan harga rumah sekarang ini dalam keadaan yang perlahan yang lebih mampan.

Saya ingin tambah satu poin sebelum saya habiskan hujah saya ini Tuan Yang di-Pertua, suah tentu di Malaysia ini agak unik sedikit. Saya mungkin berada dalam keadaan dilema Tuan Yang di-Pertua, 70% rakyat Malaysia mempunyai rumah. Hanya lebih kurang 30% yang menyewa dan mungkin tinggal dengan keluarga atau pun tinggal di rumah-rumah syarikat, kuarters kerajaan dan sebagainya, berek tentera, berek polis dan sebagainya.

Sebanyak 70% rakyat Malaysia ini setiap hari berdoa supaya harga naik Tuan Yang di-Pertua. Sebab mereka mahukan aset mereka itu naik. Sebab itu kerajaan terpaksa berhati-hati untuk tidak mengganggu-gugat kedudukan dan juga status perumahan di negara kita ini. Kalau kita terlalu agresif menangani setiap isu, kita takut bahawa harga itu merudum dan akan menyebabkan masalah yang jauh lebih besar. Sebab itu dilema saya ialah untuk memastikan harga rumah itu naik dengan cara lebih mampan. Kerana sebenarnya 70% rakyat Malaysia memang mahukan harga itu naik supaya aset-aset mereka ini dapat nilai yang lebih tinggi. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Soalan saya tentang rumah mampu milik. Orang yang layak untuk membeli rumah tersebut ialah golongan kiranya miskin sedikit. Golongan ini sukar, susah hendak dapat pinjaman bank. Sebab mereka tidak membayar cukai taksiran, cukai *income tax*, iaitu keperluan untuk bank. Soalan saya kalau orang ini yang layak tidak boleh membeli rumah tersebut, jadi tujuan baik kerajaan mengadakan skim rumah tersebut, tujuan baik itu terjejas. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri?

■1120

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator. Akan tetapi saya mempunyai pandangan agak berbeza sedikit. Saya kira di negara kita ini, kita tidak melihat bahawa menyewa rumah itu sebagai satu *option*, dengan izin. Akan tetapi kalau kita lihat di negara-negara lain Yang Berhormat, menyewa rumah itu adalah sebagai satu opsyen untuk *for you to stay*, dengan izin. Bukan semua orang mampu untuk membeli rumah dan kita mesti melihat skim menyewa rumah ini sebagai salah satu opsyen yang boleh digunakan oleh rakyat ini untuk mendapatkan rumah yang selesa.

Ada kebbaikannya juga skim menyewa ini Yang Berhormat Senator. Bagi mereka yang baru bekerja contohnya, kalau mereka menyewa selain daripada membeli, mereka mempunyai *flexibility*, dengan izin. Contohnya kalau mereka sekarang ini bertugas di Kuala Lumpur dan mereka menyewa. Kemudian ada satu tawaran yang baik di Johor Bahru, mereka boleh berpindah dengan cepat tanpa memikirkan, saya sudah membeli rumah di Kuala Lumpur dan tawaran yang dibuat oleh syarikat di Johor Bahru itu terpaksa ditolak. Jadi pada awal karier, kerjaya seseorang itu mungkin ada baiknya mereka mengambil kira bahawa menyewa itu juga ialah satu peluang atau opsyen yang *viable* dengan izin, kepada mereka.

Keduanya Yang Berhormat Senator, buat masa ini, *the overwhelming consideration* dengan izin, oleh Bank Negara ialah untuk mengurangkan hutang isi rumah. Kita mempunyai kadar isi rumah yang agak tinggi dan pinjaman perumahan adalah salah satu komponen yang agak tinggi. Jadi kita bagi laluan kepada Bank Negara untuk mengambil tindakan yang sepatutnya, untuk mengawal kadar kenaikan yang begitu mendadak dalam skop pinjaman perumahan- *sorry*, hutang isi rumah ini.

Oleh sebab itu dalam beberapa bulan ini, kementerian saya telah pun berbincang dengan Bank Negara untuk memikirkan beberapa kaedah yang lain. Walaupun Bank Negara cuba untuk mengetatkan syarat ini, kita mungkin boleh memberikan peluang kepada mereka ingin membeli rumah kos rendah dengan pertamanya, ini cadangan sahaja, belum lagi diputuskan tetapi saya maklumkan kepada Yang Berhormat juga.

Pertamanya mungkin dengan memberikan lesen-lesen pinjaman yang berada di dalam kementerian saya, lesen peminjam wang kepada syarikat-syarikat besar seperti syarikat insurans, syarikat koperasi yang mempunyai dana yang cukup besar untuk membolehkan mereka memberikan pinjaman perumahan yang khusus kepada perumahan kos rendah. Ini kerana mereka mempunyai kewangan yang cukup besar dan lesen itu hanya dikeluarkan oleh kementerian saya. Sekarang ini lesen itu di bawah *jurisdiction* kementerian saya.

Keduanya ialah, kalau Bank Negara bersetuju, kita wujudkan Bank Perumahan yang khusus untuk menangani isu-isu tentang pinjaman perumahan ini. Akan tetapi saya rasa Bank Negara tidak begitu berminat untuk lesen bank perumahan buat masa ini.

Ketiganya ialah untuk kita mewajibkan kepada bank-bank komersial ini sekurang-kurangnya 10% daripada portfolio pinjaman perumahan mereka itu mesti diberikan kepada rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah. Itu sedang dalam perbincangan kita supaya mereka yang berada dalam kategori *low income earner* ini mempunyai peluang untuk mendapatkan pinjaman perumahan.

Akan tetapi idea tadi untuk memberikan lesen peminjam wang itu adalah satu idea baru sedang difikirkan oleh kementerian saya sama ada boleh atau tidak dengan kebenaran Bank Negara. *Insyallah* kita akan terus membantu rakyat untuk mendapatkan perumahan yang lebih selesa. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebelum saya mengemukakan soalan saya, suka dimaklumkan bahawa rombongan yang berada bersama kita pada pagi ini ialah daripada dua buah sekolah daripada kawasan Parlimen Pagoh iaitu kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. [*Tepuk*] Pertamanya Sekolah

Kebangsaan Paya Redan dan yang keduanya Sekolah Kebangsaan Durian Chondong. Kawasan Datuk Hajah Noriah, Johor. Orang Sabah mana hendak tahu Durian Chondong.

7. Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapakah bilangan siswa dan siswazah yang menganggur. Nyatakan statistik penganggur mengikut kaum, umur dan mengikut bidang pengajian.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Sumber Manusia]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Saya pun Datuk, sama hendak meraikan tetapi Datuk sudah lebih awal daripada saya. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah SWT, kepada Tuhan kerana kadar pengangguran di negara kita saban hari semakin menurun. Kini saya kira lebih kurang, kita anggarakan lebih kurang 2.8% kadar pengangguran di negara kita. Dalam erti kata lain, negara kita ialah negara guna tenaga penuh.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan kementerian amat prihatin terhadap masa depan graduan ataupun siswazah di negara kita ini. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menjalankan program bagi membantu siswazah yang menganggur mendapat pekerjaan melalui program penempatan pekerjaan. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja sehingga 5 November 2014, terdapat 160,970 orang pencari kerja aktif di kalangan graduan daripada IPTA, IPTS dan IPT luar negara yang belum mendapat pekerjaan atau masih menganggur atau dengan kata yang lain, aktif mencari pekerjaan. Dalam masa yang sama, Jabatan Tenaga Kerja juga telah berjaya menempatkan seramai 47,559 siswazah ke dalam pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data kajian pengesanan graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2013, bilangan siswazah yang menganggur adalah seramai 53,282 orang yang terdiri daripada 18,640 lelaki dan 34,642 perempuan. Sementara statistik mengikut kumpulan etnik bagi bilangan siswazah menganggur adalah sebanyak 80.28% bertaraf bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu, bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang Asli manakala 19.72% bertaraf bukan bumiputera yang terdiri daripada etnik Cina, India dan lain-lain.

Bagi tahun 2013, peratusan tertinggi siswazah menganggur adalah daripada kumpulan umur antara 21 tahun hingga 25 tahun iaitu 88.91% atau 47,378 orang diikuti dengan kumpulan umur antara 26 tahun hingga 30 tahun sebanyak 8.54% atau 4,549 orang. Peratusan bagi kumpulan umur 20 tahun dan ke bawah ialah sebanyak 1.56% atau pun 888 orang. Selebihnya adalah dalam kumpulan umur 31 tahun ke atas iaitu sebanyak 1% ataupun 531 orang. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kegagalan siswa dan siswazah mendapat pekerjaan walaupun memiliki ijazah menimbulkan tanda tanya ramai orang. Adakah mutu siswa dan siswazah amat rendah sehingga tidak mampu menarik minat pihak syarikat-syarikat atau adakah bidang yang dipelajari di universiti tidak memenuhi syarat yang dikehendaki pasaran pekerjaan kerana ada pendapat mengatakan kesilapan memilih kursus di pusat-

pusat pengajian tinggi ialah punca pengangguran siswa dan siswazah. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya hendak jelaskan sedikit dari segi bidang-bidang pengajian yang agak tentang pengangguran ini. Kita lihat dalam kadar pengangguran mengikut bidang pengajian, bidang sastera dan sains sosial telah mencatatkan kadar tertinggi iaitu 43.3% ataupun 23,000 orang lebih. Diikuti bidang teknik sebanyak 24.5% ataupun lebih daripada 13,000 orang dan bidang sains sebanyak 20.2% iaitu 10,000 lebih. Seterusnya adalah bidang teknologi maklumat dan komunikasi seramai 4,000 lebih orang dan pendidikan 2,000 lebih yang berjumlah 12% seperti mana ada dalam jadual saya ini.

■1130

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, saya kira kualiti pendidikan di negara kita sebenarnya cukup baik dan bukanlah itu menyebabkan pengangguran berlaku di negara kita ini. Juga saya maklumkan bahawa pada dasarnya pengangguran siswazah melibatkan mereka yang mencari kerja buat pertama kali dan pengangguran golongan ini dikenal sebagai *frictional unemployment*, dengan izin, yang didefinisikan sebagai pencari kerja buat pertama kali, transisi antara kerja. Maknanya mereka baru habis pendidikan dan hendak cari kerja. Pengangguran ini kebiasaannya dalam tempoh jangka pendek atau sementara dan wujud di dalam semua negara. Jadi maknanya sebenarnya pengangguran berlaku ini kerana sebahagian daripada mereka adalah mereka yang tamat pengajian dan dalam transisi untuk mencari pekerjaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Suka saya maklumkan bahawa pengangguran dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu pengangguran aktif dan pengangguran tidak aktif. Pengangguran aktif termasuk mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Jadi kita hendak katakan secara tepat kadar pengangguran entiti sangat kita tidak boleh *handle* Yang Berhormat Senator. Pengangguran tidak aktif adalah seperti berikut:

- (i) mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan yang kita buat selama ini;
- (ii) kerana percaya tidak terdapat pekerjaan ataupun tidak berkelayakan;
- (iii) mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk;
- (iv) mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan. Ini pun kita anggap boleh dikatakan menganggur juga tetapi mereka mencari pekerjaan; dan
- (v) mereka yang telah cari pekerjaan sebelum minggu rujukan. Maknanya mereka belum dapat lagi dan ada di antara mereka ini kita juga anggap sebagai penganggur kerana mereka dalam proses meningkatkan pengajian mereka.

Daripada saya kualiti pendidikan bahkan kualiti anak-anak di negara kita tidak kurang hebatnya, sebab itulah mereka boleh bersaing bukan sahaja di peringkat Asia dalam *World ASEAN Skills Competition* seperti yang mana kita lakukan, bahkan juga di peringkat antarabangsa dalam *World Skills Competition*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan yang kedua, saya silakan soalan tambahan iaitu Dato' Mohd. Suhaimi.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa anak-anak kita, siswazah-siswazah kita tidak mendapat pekerjaan kerana terlalu ramai orang-orang luar yang memasuki negara kita khususnya daripada Bangladesh, Indonesia dan Myanmar. Saya mempunyai saudara yang mana mereka menyatakan bahawa baru-baru ini ada sebuah syarikat yang telah memberi kursus kepada orang-orang asing ini untuk menjadi pemandu, *driver*. Maknanya anak-anak kita hendak jadi *driver* pun susah dan *driver* ini pula akan berada dengan kita selama 24 jam satu hari. Kita diminta menyediakan bilik di dalam rumah kita untuk hendak menyenangkan kita. Kalau kita balik kerja, letih, isteri kita sakit pukul 3 pagi, pukul 3 pagi lah *driver* ini akan bawa mereka.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar perkara ini sedang berlaku di dalam negara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau tanya saya sebagai anak tempatan Malaysia, saya katakan memang ramai pekerja asing di negara kita ini. Secara tepat mungkin kalau saya sebutkan mungkin lebih kurang dua juta orang, itu mungkin kita akan selaraskan balik dengan Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Kita mempunyai 14 negara sumber Tuan Yang di-Pertua yang membekalkan pekerja-pekerja ini. Jadi usaha dibuat oleh kerajaan Yang Berhormat Senator. Bagaimana kita hendak menarik pekerja-pekerja tempatan ini? Walaupun kadar pengangguran kita anggap rendah di negara kita iaitu sebanyak 2.8%, akan tetapi pada saya adalah menjadi tanggungjawab kita semua, bagaimana kita boleh menarik, mencari jalan untuk memastikan supaya anak-anak muda kita ini dapat mengambil alih tempat yang diisi oleh pekerja asing ini.

Kita lihat sahaja di hotel-hotel, lihat sahaja di kedai-kedai makan cukup ramai tetapi apa lah usaha yang harus kita buat dalam memastikan pengisian ini? Jadi tentang teksi ini, saya-latihan yang dibuat itu mungkin Yang Berhormat Senator kita akan lihat, siasat. Bahkan saya kira oleh kerana ramainya pekerja asing di negara kita, mereka ini perlu dilatih. Begitu juga dengan gaji, walaupun kita laksanakan gaji minimum tetapi pembayaran gaji terpaksa kita buat seperti mana juga gaji yang bayar kepada pekerja tempatan. Kalau di Semenanjung RM900, di Sabah, Sarawak dan Labuan RM800 maka kita mesti bayar kepada mereka. Jadi sudah tentulah oleh kerana pekerja ini akan bekerja maka latihan mesti kita beri kepada mereka. Cuma bagi saya Yang Berhormat Senator memanglah kita kena cari jalan supaya tempat-tempat yang sepatutnya dilakukan oleh pekerja tempatan ini dapat kita serahkan kepada anak-anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua banyak program yang telah kita buat tetapi kita harap supaya anak-anak muda kita mengambil, menyambut seruan kerajaan, seruan kementerian dan kita semua untuk mengambil alih tempat-tempat yang diisi oleh pekerja luar ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan pertanyaan nombor 8 Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon.

8. Tuan Chong Sin Woon minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian dalam membaik pulih Program Mengenal Pasti Bakat (TID) untuk mencari bakat baru dan muda dalam bidang sukan serta dilatih sebagai atlet bertaraf antarabangsa.

Tuan Khairy Jamaluddin [Menteri Belia dan Sukan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Institut Sukan Negara telah melaksanakan Program Mengenalpasti Bakat bermula tahun 2007. Murid Tahun 1 akan diuji daripada segi *anthropometric*, kuasa kelunturan, ketangkasan, kepantasan dan kekuatan. Sehingga Oktober 2014 seramai 26,817 orang atlet muda telah dipilih dari 260,365 orang yang disaring pengenalpastian bakat sejak tahun 2007. Seterusnya atlet yang dipilih akan dilatih di bawah program multilateral untuk mencapai asas-asas yang kukuh melalui sukan olahraga gimnastik dan renang serta diterapkan dengan elemen-elemen sains sukan sehingga menjadi atlet-atlet yang berjaya.

Kementerian sentiasa mengambil langkah penambahbaikan secara berterus bagi program ini untuk memastikan kesinambungan yang berterusan. Antaranya penambahbaikan melalui kerjasama seperti Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan Yayasan Kebajikan Atlet yang akan bekerjasama dalam melaksana program pengenalpastian dan pembangunan bakat akar umbi di seluruh negara termasuklah kawasan luar bandar secara sistematik dan tersusun.

Jalinan kerjasama ini akan memperluaskan tapak pencarian bakat melalui penggunaan kaedah saintifik dan teknologi. Ini sejajar dengan prinsip pendekatan NBOS yang menekankan *low cost, high impact* dan *rapid implementation*, dengan izin. Mulai tahun 2015 seramai 100,000 murid Tahun Satu akan menjalani ujian saringan bakat yang melibatkan 7,756 sekolah rendah. Menjelang tahun 2019, bilangan ini akan ditingkatkan secara berfasa sehingga 500,000, bakat yang akan disaring di seluruh negara. Kementerian juga akan memastikan data atlet yang diperoleh oleh program TID disimpan secara sistematik melalui sistem MyTID. Sistem ini adalah sistem berpusat bermula dari akar umbi sehingga ke peringkat atlet elit, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Chong untuk soalan tambahan.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bagaimana program *FIT* Malaysia yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri dapat membantu memperkasakan program TID ini? Sekian.

Tuan Khairy Jamaluddin Terima kasih Ahli Yang Berhormat. salah satu masalah yang negara kita menghadapi dari sudut pencapaian sukan adalah pengenalpastian bakat yang tidak menyeluruh. Apabila kita melihat kepada pembangunan sukan negara kita ini sudah pasti kita mengikut satu struktur piramid. Di mana asas atau pun *based* piramid itu mestilah *based* piramid yang lebih luas di mana kita dapat mencari bakat-bakat muda daripada peringkat akar umbi yang dapat kita latih dan dapat kita kenal pasti untuk menjadi atlet elit di puncak piramid tersebut.

■1140

Akan tetapi masalahnya adalah daripada segi penglibatan rakyat kita dalam sukan dan juga kecergasan. Umum mengetahui bahawa Malaysia mendahului negara-negara ASEAN yang lain dalam kita menghidap penyakit kencing manis, obesiti, masalah jantung, *hypertension* dan sebagainya. Antara sebab kita mempunyai kadar penyakit *non-communicable disease*, dengan izin, yang tinggi adalah disebabkan kita tidak mempunyai budaya bersukan, budaya kecergasan dan kita tidak ada penglibatan yang menyeluruh di peringkat akar umbi dalam bidang sukan daripada usia yang muda.

Salah satu asas program FiT Malaysia adalah bakat sukan yang mana gerakan ini diharap untuk kita memperluaskan *base* yang saya sebutkan tadi. Dengan *base* yang lebih luas, puncak piramid sukan kita iaitu atlet-atlet elit dapat diperkukuh dan diperkasa selari dengan objektif program pengenalpastian bakat yang saya sebutkan tadi. Program FiT Malaysia juga berteraskan *inclusivity* yang mana Kementerian Belia dan Sukan menggalakkan penyertaan daripada semua lapisan umur termasuk anak-anak kecil di bawah umur 12 tahun. Kita kena terima hakikat bahawa selagi kita tidak ada budaya bersukan, kita tidak akan menjadi negara bersukan. Hari ini pencapaian sukan kita banyak bergantung kepada satu atau dua bakat luar biasa dan bukannya daripada penyertaan yang menyeluruh di peringkat akar umbi.

Kalau kita bandingkan dengan negara-negara bersukan yang lain seperti negara Australia, New Zealand, hatta Jepun, Korea Selatan dan UK, mereka mempunyai penglibatan sukan daripada peringkat akar umbi yang menyeluruh dan *base pyramid* mereka itu amat luas sekali. Kita banyak bergantung kepada sekolah sukan, kita banyak bergantung kepada sistem saringan daripada MSSM. Sebab itu kita telah menggubal satu program iaitu FiT Malaysia yang berjalan selari dengan Program MyTID ataupun *My Talent Identification* yang saya sebutkan tadi dalam jawapan pertama saya yang mana bukan hanya kita buat saringan terhadap ataupun kepada pelajar-pelajar Tahun 1, 200,000 orang sampai 500,000 orang menjelang tahun 2020 tetapi kita gerakkan satu program kecergasan untuk kita jadikan sukan dan kecergasan sebagai satu budaya hidup bagi masyarakat ataupun bagi rakyat Malaysia.

Selagi kita tidak dapat menjadikan *sports* sebagai *culture*, maka ia akan ada kesan kepada prestasi atlet elit kita. Sebab atlet elit kita seperti mana yang saya sebutkan tadi sekarang ini datang *base* ataupun asas *pool* yang terlalu kecil. Sebab itulah kita jauh ke belakang daripada segi pencapaian sukan kita di peringkat yang tertinggi disebabkan kita tidak ada penyertaan yang sistematik dan menyeluruh daripada peringkat akar umbi. Itulah tujuan kita mengadakan FiT Malaysia supaya ini menjadi budaya, ibu bapa, keluarga dan seluruh rakyat Malaysia menganggap bahawa kecergasan dan

sukan itu bukan hanya untuk kesihatan kita tetapi untuk budaya kita untuk kita melahirkan lebih ramai lagi atlet di peringkat elit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Yahaya.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mana yang kita tahu, atlet sensasi negara, Datuk Lee Chong Wei didapati bersalah menggunakan *dexamethasone*, is a type of steroid medication dalam Sampel 'A' dan 'B' air kencing semasa Kejohanan Badminton Dunia di Copenhagen 2014. Apakah peranan ISN dan Unit Anti-Doping dalam perkara ini dan siapa yang menyuntik *medication* ini? Adakah ia kurang daripada tempoh yang dijangkakan untuk hilang dalam badan atlet ini sebelum Kejohanan Badminton Dunia?

Keduanya, saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Menteri. Kita kalah bola 2-1 tetapi perangai penyokong kita di luar kawalan kita. So, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri khususnya kementerian untuk peristiwa-peristiwa sedemikian tidak akan berulang pada masa-masa akan datang? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Datuk Yahaya atas dua soalan penting tadi. Pertamanya, soalan yang berkenaan dengan pemain badminton nombor satu dunia iaitu Yang Berbahagia Datuk Lee Chong Wei. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan sedikit sebanyak latar belakang berkenaan dengan kes *doping* yang dihadapi oleh Datuk Lee Chong Wei dan juga memberi sedikit penjelasan kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Datuk Lee Chong Wei didapati bersalah daripada segi ujian *doping* yang telah dibuat pada 30 Ogos selepas perlawanan separuh akhir Piala Kejohanan Dunia di Copenhagen apabila ujian air kencing beliau telah diuji oleh pihak *Badminton World Federation*. Ini adalah ujian yang biasa dibuat terutamanya di kejohanan-kejohanan besar. Kedua-dua sampel, sampel pertama yang dikenali sebagai Sampel 'A', sampel kedua dikenali sebagai Sampel 'B' diuji di sebuah makmal yang telah ditauliahkan oleh *World Anti-Doping Agency* di Norway. Kedua-dua sampel telah didapati bahawa ada kesan *dexamethasone* yang merupakan satu *substance* yang datang daripada keluarga *glucocorticoids steroid* yang digunakan untuk pemulihan. Ini adalah satu *substance* yang tidak boleh dikategorikan sebagai *performance enhancing*.

Ia adalah *substance* yang digunakan untuk pemulihan. Dalam kod WADA ataupun dalam peraturan *World Anti-Doping Agency* ada dua senarai. Satu senarai *substance* yang langsung tidak boleh dibenarkan, satu lagi senarai *substance* ataupun bahan yang boleh digunakan di luar pertandingan. *Dexamethasone* ini tersenarai dalam senarai yang kedua. Maksudnya ia dibenarkan di luar pertandingan. *It is allowed out of competition*, dengan izin daripada Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini bukanlah *substance* yang ada *outright banned* ataupun tidak dibenarkan langsung oleh *World Anti-Doping Agency*.

Mengikut laporan dan juga rekod perubatan yang ada pada Institut Sukan Negara, Datuk Lee Ching Wei disuntik dengan *dexamethasone* pada 17 Julai iaitu lebih daripada sebulan sebelum beliau diuji di Copenhagen. Mengikut pandangan pakar-pakar sains dan juga pakar-pakar *doping*, kita

dimaklumkan bahawa *dexamethasone* ini *metabolize* ataupun boleh dikeluarkan daripada badan, sistem darah dan sistem kencing atlet itu dalam tempoh masa tidak melebihi dua minggu. Jadi, kita sebenarnya telah merujuk kepada rekod, itulah kali terakhir yang telah diberi *dexamethasone* sempena dengan rawatan yang diberi kepada Datuk Lee Chong Wei di sebuah klinik swasta yang memberi pengkhususan kepada sukan yang menjadi klinik rujukan biasa ISN. ISN tidak mengendalikannya rawatan yang diberi kepada Datuk Lee Chong Wei iaitu *stem cell therapy* dan beliau dihantar ke klinik tersebut untuk mendapat *stem cell therapy*. Antara suntikan yang diberi pada 17 Julai itu adalah *dexamethasone* sebagai satu usaha untuk meringankan ataupun memudahkan *stem cell therapy* itu dibuat terhadap beliau.

Jadi pada waktu dan masa ini, kita masih lagi mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan untuk kita kemukakan kepada perbicaraan yang akan dijalankan oleh *Badminton World Federation*. Pada asalnya *Badminton World Federation* telah kemukakan tarikh 8 Disember untuk perbicaraan ini berlaku tetapi kita telah minta sedikit masa untuk kita siapkan segala dokumen dan hujah-hujah untuk kita jelaskan bahawa suntikan ini diberi kepada Datuk Lee Chong Wei atas sebab pemulihan, *rehabilitation* dan tidak ada kena-mengena dengan *performance enhancing*.

Sebenarnya kalau kita melihat kepada *literature*, dengan izin, yang ada berkenaan dengan *doping*, *dexamethasone* ini sebenarnya menjadi antara satu *substance* yang banyak dipertikaikan sama ada masih lagi perlu ada dalam WADA code ataupun senarai WADA ataupun tidak disebabkan ramai atlet menggunakannya untuk *rehabilitation*, untuk pemulihan tetapi akhirnya boleh mengambil risiko tersangkut dalam ujian *doping* seperti mana Datuk Lee Chong Wei.

Buat masa ini, tidak ada apa-apa yang saya boleh tambah sebab kita hendak sediakan pertahanan ataupun kita hendak sediakan hujah-hujah untuk mempertahankan Datuk Lee Chong Wei dalam perbicaraan yang bakal diadakan kelak dan saya harap bahawa kita akan buat yang terbaik untuk menunjukkan bahawa sebenarnya *dexamethasone* ini telah pun diberikan kepada Datuk Lee Chong Wei bukan atas apa-apa niat untuk memberi suntikan daripada segi prestasi tetapi sebenarnya dalam konteks *in the process of rehabilitation*. Itu yang pertama.

■1150

Kedua, yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan peristiwa dua malam sudah di Stadium Shah Alam, semalam saya telah keluarkan kenyataan bahawa ini adalah satu tindakan yang tidak mencerminkan budaya Malaysia. Satu tindakan ganas yang dilakukan oleh segelintir penyokong yang hadir di Stadium Shah Alam. Saya sendiri hadir dan saya sendiri nampak Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada perlawanan di antara Malaysia dan Vietnam. Sudahlah atas padang kita kalah. Di luar padang pula ada samseng. Satu keadaan yang begitu menyedihkan sekali dan mengecewakan.

Saya sendiri telah memohon maaf kepada penyokong-penyokong Vietnam yang dikenakan tindakan ganas daripada segelintir kecil daripada penyokong-penyokong Malaysia. Saya telah menghubungi Duta Vietnam semalam untuk menyampaikan perkara yang sama kepada beliau. Saya bertindak sebegitu rupa sebab utamanya sudah pasti apabila kita salah kita kena mengakui bahawa kita

salah dan kita keluarkan permohonan maaf kepada penyokong tersebut sebab jelas mereka diserang oleh segelintir daripada penyokong kita, yang pertama.

Kedua, tindakan pantas perlu diambil sebab pada hari Khamis ini kita akan main di Vietnam. Kita akan main di Hanoi. Sepertimana yang kita semua tahu bahawa dalam *Facebook* sendiri sudah keluar bermacam-macam ancaman dan ugutan terhadap penyokong kita, pasukan kita dan pegawai kita yang akan pergi ke Hanoi. Mereka tidak faham konteks apa yang berlaku di Shah Alam. Mereka hanya melihat kepada gambar-gambar yang sekarang ini tersebar luas dalam media sosial. Mereka anggap bahawa ini adalah tindakan keseluruhan penyokong-penyokong Malaysia terhadap penyokong-penyokong Vietnam. Jadi, saya kena jelaskan. Kalau saya tidak keluarkan penjelasan dengan cepat ia akan mengundang risiko tinggi kepada keselamatan penyokong, pemain dan juga pegawai-pegawai kita yang akan ke Hanoi pada hari Khamis.

Jadi saya telah maklumkan kepada duta Vietnam semalam bahawa pertamanya, kita amat kesal dan mohon maaf kepada apa yang berlaku. Kedua, saya sendiri telah berhubung dengan Timbalan Ketua Polis Negara semalam untuk minta supaya polis bertindak cepat dan proaktif terhadap apa yang telah berlaku.

Oleh sebab saya tengok ada laporan semalam bahawa penyokong Vietnam tidak buat laporan polis tetapi saya maklum kepada Timbalan IGP bahawa apabila gambar-gambar telah tersebar luas tidak perlu kita tunggu untuk laporan polis dibuat. Gambar-gambar tersebar luas, nama mereka yang terlibat pun sudah pun dikenal pasti di dalam media sosial. Jadi polis telah- Timbalan IGP telah janji untuk mengambil tindakan yang proaktif supaya mereka yang terlibat dalam tindakan ganas ini diambil tindakan secepat mungkin.

Apa yang kita boleh buat untuk masa yang akan datang ini, soalan Yang Berhormat tadi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya jawab panjang lebar sedikit sebab ini isu penting. Pertamanya, saya telah mohon kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia supaya mereka yang dikenal pasti bertindak ganas *hooligan*, dengan izin, tidak dibenarkan seumur hidup masuk ke dalam stadium sebab telah jelas terbukti bahawa mereka bertindak dengan ganas. Kalau negara-negara lain, kalau di *United Kingdom* tahun 80-an dan tahun 90-an ada masalah *hooliganism*, mereka tidak berkompromi langsung. Mereka *dibanned* seumur hidup daripada pergi ke stadium. Kita terpaksa ambil tindakan yang drastik seperti itu.

Kedua, polis sepertimana yang saya sebutkan tadi mestilah proaktif untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat dalam serangan terhadap penyokong-penyokong Vietnam. Ketiga, kita harus melihat dengan peraturan dan SOP keselamatan di Stadium. Oleh sebab saya sendiri melihat bahawa kawasan yang ada penyokong Vietnam itu senang dicerobohi oleh penyokong-penyokong daripada Malaysia yang telah menyerang mereka. Maknanya *barrier* yang ada untuk menjaga keselamatan penyokong-penyokong Vietnam itu tidak berkesan pada malam tersebut. Jadi, saya akan melihat dengan PDRM dan FAM, bagaimana kita dapat memperketat lagi kawalan-kawalan supaya kita tidak berulang insiden-insiden tersebut.

Ini juga termasuk kawalan keselamatan, masuk ke stadium yang mana penyokong-penyokong telah bawa macam-macam, *flare* dan bunga api, suar dan sebagainya yang tidak dibenarkan di bawah

FIFA ataupun di bawah peraturan AFC, FAM dan sebagainya. Ini adalah pengajaran bagi kita. Akan tetapi bagi saya untuk masa sekarang yang penting adalah pertamanya adalah kita ambil tindakan terhadap mereka yang telah bertindak ganas. Kedua, kita cuba menjamin keselamatan penyokong-penyokong kita, pasukan kita yang akan ke Hanoi pada hari Khamis ini untuk perlawanan balas Piala AFF tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sendiri datang menjawab dan saya menggalakkan lebih ramai Menteri akan menjawab untuk dapatkan jawapan yang lebih baik dan berkesan. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan yang kesembilan. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

9. Dr. Syed Husin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, penjelasan berhubung dakwaan pertemuan 60 Bahagian UMNO dengan Ketua Polis Negara serta Peguam Negara pada 14 Ogos 2014 untuk membincangkan tindakan-tindakan di bawah Akta Hasutan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Timbalan Menteri Dalam Negeri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini bahawa Menteri Dalam Negeri pun telah menunggu daripada awal pagi lagi dan kami berdua duduk di sini sejak awal lagi tetapi Menteri terpaksa balik ke pejabat oleh kerana kunjungan hormat daripada luar negara. Jadi saya terpaksa betul-betul mewakili Yang Berhormat Menteri menjawab pada pagi ini. Saya pun minta terima kasih Yang Berhormat Menteri saya juga datang pada pagi inilah.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, saya nampak tadi dia datang. Maknanya kesungguhan dia itu kita terimalah.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi soalan nombor 9 ini sebenarnya *it is the biggest number in digits, number.* Jadi persoalan dan jawapannya pun penting juga pada negara. Ini adalah jawapan berbangkit daripada soalan kenapa Ahli-ahli UMNO 60 orang berjumpa dengan pihak AG dan IGP pada 14 Ogos tahun 2014.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, perlu saya menjelaskan bahawa parti UMNO itu sendiri, melihat pada sudut komposisi dia sebagai parti yang terbesar negara dan juga mewakili bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini. Jadi, terdapat persepsi-persepsi yang tertentu mengatakan bahawa apabila orang Melayu dituduh, dia cepat datang ke mahkamah dan didapati bersalah di mahkamah. Akan tetapi apabila orang lain yang tuduh nampaknya kes ini tergendala dan tidak dapat kesalahan di mahkamah. Jadi ini menunjukkan satu persepsi yang salah pada pandangan kerajaan. Jadi itulah jawapan kepada soalan ini, amat penting kepada semua pihak bahawa tidak berlaku *selective persecution* dalam kerajaan.

Jadi bagi menjawabnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa pertemuan di antara 60 Bahagian UMNO dengan Ketua Polis Negara serta Peguam Negara pada 14 Ogos adalah bagi membincangkan mengenai persepsi masyarakat yang saya sebutkan tadi bahawa seolah-olah terdapat tindakan

pendakwaan terpilih iaitu mengenakan orang Melayu dan bumiputera sahaja. Ini tidak betul, oleh Jabatan Peguam Negara hingga menyebabkan banyak kes-kes tertangguh serta tidak selesai iaitu kes-kes kena kepada orang lain yang tidak selesai.

Pertemuan tersebut juga adalah bagi mendapatkan penjelasan tentang undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan membuat kenyataan berbau hasutan iaitu Akta Hasutan 1948. Jadi ini juga untuk memperjelaskan apakah kesalahan-kesalahan yang boleh dikatakan hasutan. Apakah kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dikatakan hasutan. Dengan ini amat penting bagi semua orang politik mengetahuinya kerana kalau tidak ada penjelasan yang khusus daripada pihak yang mengetahui secara mendalam dalam sudut ini maka persepsi kita, semua perkara hasutan ini boleh dibawa di bawah Akta Hasutan.

Jadi juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan maka tidak pernah timbul isu di mana pertemuan tersebut adalah untuk membincangkan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil di bawah Akta Hasutan 1948 seperti mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator. Bahkan pihak Jabatan Peguam Negara juga telah menegaskan bahawa keputusan pengemukaan pertuduhan di mahkamah adalah berdasarkan kepada fakta kes itu sendiri dan keterangan yang wujud dan ada di dalam kertas siasatan dalam suatu kes dan bukannya dalam desakan ataupun pengaruh mana-mana pihak termasuk kerajaan memerintah, jauh lagi daripada mana-mana politik termasuklah parti UMNO itu sendiri tidak boleh mendesak dan AG tidak akan terdesak oleh kerana permintaan orang-orang politik. Ia adalah berasaskan kes, kesalahan, bukti yang ada di bawah di dalam kertas siasatan yang dimajukan oleh pihak polis kepada Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang terakhir sekali Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kebetulan banyak tindakan yang telah diambil terhadap beberapa orang di bawah akta ini telah berlaku selepas perjumpaan ini. Saya ingin mendapat tahu sama ada ini secara kebetulan ataupun memang hasil desakan ini dilaksanakan. Itu satu. Keduanya saya hanya hendak mengucapkan terima kasih atas jawapan yang jelas dan terima kasih juga kerana ada seolah-olah satu janji bahawa tidak akan berlaku *selective prosecution*. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan kebetulan dan sebagainya itu proses penyiasatan oleh pihak polis adalah macam biasa dan begitu juga proses penilaian oleh pihak AG ke atas kertas-kertas penyelidikan itu juga sebagai biasa.

Bagi memperjelaskan perkara ini Tuan Yang di-Pertua saya sebutkan di sini di antara 379 kes yang telah diterima oleh pihak polis, ada 88 kes masih dalam siasatan dan 29 kes telah dirujuk kepada pendakwa raya untuk mengambil tindakan khusus. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, ini juga kadang-kadang menimbulkan satu persepsi, 109 kes yang ada kertas siasatan dan kembalikan

untuk siasatan lanjut. Tuan Yang di-Pertua cukup mengetahui sudut ini. Makna dia 29 *plus* 109 itu telah dirujuk kepada DPP.

Akan tetapi yang 109 itu dikembalikan oleh DPP kepada pegawai penyiasat untuk penjelasan lanjut. Ini sebenarnya telah berlaku. Maknanya kes-kes dibawa kepada *Attorney General* atau peguam Negara itu memang telah menunjukkan bahawa proses penyiasatan, proses penjelasan ini akan berterusan dan kalau ada dilihat pada satu-satu masa itu kes-kes ini banyak terkeluar, itu adalah sebenarnya secara kebetulan ataupun mungkin kita tidak mendapat fakta-fakta yang tertentu.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya berjanji, bagi pihak kerajaan kita tidak akan membuat *selective prosecution* padahal tadi baru saya memberitahu kepada pegawai saya kalau *you* buat *selective prosecution* ataupun membawa kes yang tidak tentu akan menjadi kemenangan kepada pihak kerajaan ataupun kes itu kurang lebih sahaja dibawa ke mahkamah itu bukan *prosecution* namanya itu *persecution* nama dia. Jadi perbezaan *prosecution* dengan *persecution* ini berbeza. Negara-negara yang tidak mengamalkan demokrasi mungkin menggunakan *persecution* tetapi negara kita demokrasi mengguna *prosecution* berlandaskan penilaian kes dan bukti yang ada pada kita. *Insya-Allah* kita akan tetap berpendirian sedemikian yang kita tidak akan membuat *selective prosecution*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekian tamatnya majlis ataupun soal lisan yang boleh kita selesaikan pada hari ini. Sekarang saya mempersilakan urus setia untuk selanjutnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”
[8 Disember 2013]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Norliza menyambung perbahasan yang telah pun terpaksa kita tamatkan semalam. Sila teruskan.

12.04 tgh.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menerima nasib berbahas selama dua hari dan sebenarnya bukan senang dari *gear* empat hendak turun kepada

gear satu macam mana yang dialami oleh Dato' Khairudin. Akan tetapi *insya-Allah* akan saya habiskan masalah-masalah yang ingin kita bawa ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya berhenti sewaktu isu penswastan tapak pangkalan TUDM di Teluk Air Tawar. Sebagaimana yang saya telah maklum kepada Dewan yang mulia ini, tapak seluas 400 hektar iaitu 1,000 lebih ekar ini akan dipindahkan ke Ara Kuda, sebuah tanah yang dimiliki oleh PERDA seluas 1,000 hektar lebih di mana tanah ini telah digazet untuk dibina perumahan kos rendah.

Jadi, rasionalnya kenapa kita hendak pindahkan pangkalan TUDM ini yang jauh jaraknya dari Teluk Air Tawar ke Ara Kuda ini kurang daripada 20 kilometer dan tapak yang hendak dipindah ini pula tanah dia berbukit-bukit, yang mana kita tahu kalau hendak buat *airport* ini patut kena tanah yang datar, rata. Jadi, saya tidak tahu kenapa di bawah Kementerian Pertahanan, benda ini ingin diswastakan dan dijadikan satu projek perumahan bercampur.

Yang dibimbangkan oleh rakyat Pulau Pinang khususnya, terdapat 22 kampung Melayu di atas tapak TUDM sedia ada ini. Cuba Ahli-ahli Dewan bayangkan sekiranya penswastan ini berlaku, impaknya penghijrahan 22 kampung Melayu, penghijrahan Melayu yang amat besar keluar daripada Daerah Teluk Air Tawar ini ke satu kawasan yang lain. Jadi, saya rasa ini tidak harus kita laksanakan sebab segi rasional yang saya beritahu tadi kenapa kurang daripada 20 kilometer tanah berbukit hendak buat *airport* sedangkan *airport* itu sudah elok berada di situ dan melibatkan perpindahan kaum Melayu, orang-orang Melayu.

Seterusnya saya difahamkan tapak ini akan dibina perumahan mewah. Jadi kita tidak mahu kawasan ini dinaikkan. Katakanlah satu ekar kita boleh bina 30 unit rumah. Kalau seribu ekar, 30,000 rumah mewah. Kalau 30,000 ribu ini rumah mampu milik, saya rasa bolehlah juga kita pertimbangkan. Maknanya kita dapat menyelesaikan masalah perumahan di Pulau Pinang. Akan tetapi saya difahamkan bukan rumah mampu milik ianya rumah-rumah mewah kerana tapak ini berhadapan dengan laut. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kami sebagai rakyat Pulau Pinang termasuk pemimpin Pulau Pinang amat berasa gusar dan mohon kepada kementerian untuk memberi penjelasan sama ada, adakah ini akan berlaku.

Kita tidak mahu seperti kalau kita tengok pembinaan Iskandar di Johor Bahru. Setelah dibangunkan kepada rumah-rumah mewah, mana boleh rakyat kita membeli. Kita masih belum sampai ke tahap kemampuan untuk membeli rumah-rumah pada kadar harga berjuta ringgit. Jadi saya rasa apabila kita ingin membangun tanah-tanah persekutuan, kajian harus dilaksanakan oleh kementerian dan pastikan kepentingan rakyat kita utamakan. Jadi ini adalah isu yang saya rasa amat kritikal...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Norliza ini, walaupun saya ini memang '07' tapi saya sudah lama meninggalkan Pulau Pinang dari tahun 80-an. Cuma saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, apa benar kah di Pulau Pinang ini ada satu akta di mana Ketua Menteri boleh mengarahkan— ini pembangunan rumah mewah.

Jadi kalau syarat untuk membangunkan rumah mampu milik, kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk memindahkan rumah mampu milik itu ke tempat lain. Jadi di situ tidak perlu diadakan rumah mampu milik. Semua rumah mewah, mampu milik boleh dipindahkan ke tempat lain. Benar atau tidak? Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Khairudin. Tidak apa, sudah lama pindah pun tetapi masih prihatin. Saya ingin komen memang betul. Sekiranya dia ingin membuat pembangunan rumah mewah di kawasan itu, dia boleh membuat rumah mampu milik di daerah lain, di kawasan lain luar daripada kawasan itu. Ada kalanya tanah yang dia bina rumah mewah ini di tanah bandar tetapi rumah mampu milik atau *low cost* itu disuruh dibina di kawasan Seberang atau Balik Pulau. Di kawasan-kawasan yang agak luar bandar, di pinggir bandar.

Jadi apa jadi kepada rakyat-rakyat yang tinggal di bandar, yang bekerja di bandar tidak lagi mampu untuk tinggal di bandar. Terpaksa mereka ini keluar ke kawasan-kawasan luar bandar. Jadi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Megat kelmarin, saya tidak tahu sama ada adakah satu agenda khusus ingin mengusir rakyat-rakyat keluar daripada kawasan-kawasan yang *prime area* ini. Jadi itu juga amat membimbangkan kita.

Bukan itu sahaja Yang Berhormat. Ada juga sekiranya tidak boleh bagi rumah kos rendah, boleh bayar, buat bayaran untuk unit setiap kos rendah yang tidak dilaksanakan mereka boleh membuat bayaran pada kadar tertentu dan bayaran itu dibuat kepada satu tabung. Jadi saya difahamkan tabung itu telah dikutip banyak dan sehingga kini saya belum nampak walau satu rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun kutipan telah pun dibuat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara isu-isu yang saya rasa amat membimbangkan di Pulau Pinang dan saya harap Kementerian Pertahanan dapat memberi jawapan kepada persoalan saya tadi.

■1210

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit di bawah Kementerian Wanita dan Keluarga iaitu mengenai isu elaun kebajikan. Kalau kita lihat pada masa ini, kita sentiasa membahaskan- kita telah membahaskan isu gaji minimum iaitu RM900 pada setiap pekerja. Akan tetapi, kita belum lagi membahaskan, saya rasa dah lama kita tak membahaskan mengenai peningkatan elaun kebajikan.

Kalau kita lihat sekarang kos saraan hidup bagi rakyat di Malaysia ini adalah satu masalah yang amat ketara dan harus diberi perhatian. Kita juga berterima kasih pada kerajaan kerana telah mengambil beberapa insentif untuk membantu rakyat kita dengan memberi BR1M, memberi elaun kebajikan saraan hidup dan pelbagai lagi untuk mengurangkan kekangan beban hidup pada rakyat. Akan tetapi, persoalannya sekarang kalau kita lihat elaun kebajikan sekiranya RM300, kita bagi kepada ibu tunggal dan ada kalanya elaun OKU yang agak rendah bagi saya berbanding dengan kadar harga barangan yang semakin meningkat.

Kalau kita tengok orang yang menerima BR1M, orang yang menerima BR1M ini ada kalanya dia datang bawa kereta *Mercedes* tetapi dia ambil BR1M. Kita pun tak tahu dia betul kah, dia susah atau dia senang. Sebab BR1M ini kita kira daripada kadar pendapatan gaji isi rumah dia. Akan tetapi,

kita tak pernah melawat tengok keadaan kehidupan dia. Sedangkan yang menerima elaun kebajikan ini dah pasti Jabatan Kebajikan melawat rumah dia, dah memang tengok dia betul-betul susah, baru mereka ini diberi elaun kebajikan.

Jadi saya merasakan ada kalanya niat dan hasrat kerajaan untuk membantu rakyat adalah amat baik tetapi pelaksanaannya harus dilihat semula. Ada kalanya daripada bagi BR1M pada orang yang lebih berkemampuan, lebih baik kita tambahkan elaun kebajikan ini kepada rakyat kita yang lebih memerlukan.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Wanita bilakah kali terakhir elaun kebajikan ini dibuat kajian semula. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian sama ada apakah tindakan yang diambil sama ada kementerian bercadang untuk buat semakan kepada penerima-penerima BR1M yang ada kalanya daripada kalangan yang saya rasa lebih daripada mampu dan tidak perlu kita bantu dari segi BR1M...

Dato' Dr. Johari bin Mat: *[Bangun]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sedikit?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh Yang Berhormat? Ini saya nak menyentuh mengenai dengan BR1M inilah. Yang Berhormat, saya nak tanya memang orang suka dapat BR1M ini Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, ada di kalangan walaupun tak semua, di kalangan penerima-penerima ini, depan ambil, belakang mengata. Jadi, orang ini saya nak tanya dengan pihak yang berkenaan, adakah pihak yang berkenaan tahu perkara ini? Kalau dia tahu, apa tindakan selanjutnya dengan mereka yang saya maksudkan sebentar tadi.

Biasanya kalau kita dah ambil barang, kita ucap terma kasih. Ini tak. Dia hentam lagi dekat belakang, dia mengata lagi Perdana Menteri. Akan tetapi, waktu duit itu nak disampaikan, dia dulu yang datang. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sebelum- boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Norliza yang memberi saya untuk mencelah sedikit ya. Saya dengar tadi daripada perbincangan perbahasan di mana orang-orang miskin tadi bantuan mereka dalam sekitar RM300 dan sebagainya. Kemudian keperluannya mungkin lebih daripada itu. Ertinya mereka tetap terus di dalam kemiskinan. Begitu juga orang-orang kurang upaya. Jadi saya melihat perkara ini sangat ketara.

Maknanya walaupun kita kerajaan memberi bantuan, tetapi pihak kerajaan tidak mampu meningkat atau mengeluarkan daripada kemiskinan. Ertinya mereka terus berada dalam kontak itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat untuk mengatasi hal ini?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Okey, yang pertamanya saya ingin menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Noriah tadi. Saya rasa itu yang tadi

saya nyatakan. Kita perlu melihat semula mekanisme untuk pemberian BR1M ini. Sama ada perlukah kita lantik pasukan khas atau letakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengkaji penerima BR1M ini sama ada mereka layak kah tidak.

Sekiranya bagi mereka BR1M itu bukan satu keperluan, satu bonus saja, maka perasaan nak berterima kasih itu tak adalah. Kecuali kalau dia betul-betul susah, dia perlukan BR1M itu maka dia retillah nak terima kasih dekat kita. Jadi kita kena lihat balik penerima BR1M ini perlu kita buat siasatan supaya pelaksanaan itu dapat dijalankan dengan lebih efektif dan berkesan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Johari. Memang untuk membasmi kemiskinan bukanlah satu dengan izin, *overnight* punya tugas. Ia memerlukan masa dan saya rasa kerajaan kita juga amat prihatin dan banyak usaha yang telah dilaksanakan. Akan tetapi, pada masa yang sama kos bebanan hidup juga semakin meningkat. Jadi kalau kita menuju negara membangun, saya rasa ini adalah kesan-kesan sampingan yang perlu kita hadapi. Maknanya, itu yang saya cadangkan agar kita harus mengkaji semula elaun kebajikan supaya kita dapat minimumkan tahap kemiskinan bagi negara kita Malaysia.

Okey, terima kasih. Saya harap saya dapat menjawablah soalan Yang Berhormat Senator tadi. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh isu MAS. Jadi saya rasa MAS akan melaksanakan *exercise*. Ramai rakan kita telah berdebat untuk memberhentikan 6,000 pekerja MAS disebabkan kerugian yang dialami saban tahun. Jadi, saya cuma ingin bertanya sedikit sebab sewaktu saya dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur pergi balik ini menaiki MAS, jadi berjumpa dengan beberapa pegawai MAS dan juga kakitangan MAS yang mereka amat kecewa dan gusar mengenai pemberhentian 6,000 petugas MAS ini.

Jadi saya ingin bertanyalah kepada kementerian sekiranya kita ingin melaksanakan *exercise* memberhentikan pekerja-pekerja MAS ini, saya ingin mencadangkan adakah MAS bercadang untuk menubuhkan satu pasukan khas bagi menangani isu berkaitan Kesatuan Pekerja-pekerja Sistem Penerbangan Malaysia dan cadangan penstrukturan semula MAS. Namun, ianya sepatutnya dibuat secara tertutup.

Saya rasa langkah ini penting dan adakah pentadbiran MAS akan adakan pertemuan dengan kesatuan bagi membincangkan perkara ini? Mereka perlu terangkan apa yang berlaku dan mengusulkan satu cadangan yang adil untuk kesatuan. Sekurang-kurangnya kesatuan akan faham jika mereka terpaksa berhenti kerja untuk kebaikan syarikat. Jadi jika pekerja itu diberhentikan, kenalah kita membayar pampasan. Jadi saya rasa untuk menjamin masa depan petugas-petugas MAS ini, pampasan ini haruslah juga dibincangkan dengan kesatuan sekerja supaya ianya mendapat jumlah yang saya rasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Saya rasa MAS tidak seharusnya mencari jalan untuk memberhentikan tanpa memberi pampasan. Oleh sebab saya ingin menceritakan mengenai dua kes yang diceritakan oleh saya, oleh kesatuan sekerja. Maknanya, salah satunya ada seorang wanita yang mengandung dan dia bekerja di MAS. Pada tahun 2010, dia terpaksa mengambil cuti, MC, cuti sakit agak kerap dan cuti ini tidak diambil dari klinik panel MAS. Cuma persoalan saya kenapa tahun 2010 kes ini berlaku tetapi disebabkan nak

berhentikan pekerja MAS ini, tahun 2014 dia ini diberhentikan tanpa sebarang pampasan. Jadi saya rasa tidak adillah.

Kalau kita nak ambil tindakan, patut tahun 2010 dia buat kesalahan itu, tahun 2010 lah kita ambil tindakan. Kenapa tahun 2010 dia buat kesalahan, tetapi tahun 2014 yang kita ambil tindakan. Jadi ini adakah salah satu cara kepada MAS untuk melarikan diri daripada membayar pampasan kepada wanita ini? Jadi saya rasa ada dua kes. Satu lagi pun serupa. Dia mengambil *emergency leave* pada tahun 2012, tetapi wanita ini diberhentikan tanpa pampasan pada tahun 2014. Jadi saya harap kejadian ini tidak harus berlaku sebabnya bukanlah kalau kita nak ambil tindakan itu biarlah ianya adil dan tindakan harus diambil segera dan bukan kita menggunakan alasan nak buang ini- untuk mengambil tindakan ini supaya pampasan tidak perlu kita bayar. Jadi saya rasa saya harap kes ini dapat dilihat dan dimaklumkan balik.

Seterusnya saya difahamkan daripada 6,000 pekerja yang hendak dibuang ini, 3,500 pekerja akan diambil balik oleh tiga buah syarikat GLC yang mana ketiga-tiga GLC ini saya difahamkan kedudukan kewangannya juga tidak berapa kukuh. Jadi, apakah tindakan MAS sekiranya penyerapan 3,500 pekerja ini tidak dapat dilaksanakan?

■1220

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai gaji Ahli Dewan Negara dan gaji Ahli Dewan Rakyat. Ramai rakan saya yang berucap semalam. Jadi saya rasa kalau seorang dua berucap tidak boleh, saya rasa eloklah semua Ahli Yang Berhormat Senator pun sama-sama memperjuangkan masalah ini. Oleh sebab saya rasa sebagaimana yang saya maklumkan semalam, kita bekerja 24 jam sebagai seorang pemimpin. Jadi kita tidak harus disamakan kategori gaji kita dengan pegawai kerajaan. Kita harus dibuat perbandingan dengan Ahli-ahli Dewan Negara Senator di seluruh dunia bukan dari kalangan pegawai-pegawai...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh sambung sikit?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini fasal- sebelum Yang Berhormat Puan Norliza menghabiskan poin mengenai perkara ini, saya hanya hendak ingatkan diri kita semua. Sebenarnya janji pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai sifatnya Menteri Kewangan hendak menaikkan gaji *legislator* ini sudah tiga tahun, empat tahun yang lalu dalam Parlimen dulu telah dibuat. Akan tetapi kerana ada bantahan daripada seorang hamba Allah, tidak hendak katanya. Maka gaji yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Parlimen yang lalu itu ditarik balik, tidak jadi.

Apa yang saya terkilan ialah kenapa kita harus ikut cakap dia orang ini? Kenapa harus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut tunduk kepada seorang hamba Allah yang sengaja hendak mencari publisiti? Jadi saya rasa seakan-akan sengaja hendak mempermainkan kita. Jadi tanpa kita sedari, yang sebenarnya kita telah masuk jerat mereka. Sehingga gaji pada Parlimen yang lalu tidak dinaikkan.

Kemudian janji yang sama disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan bajet di dalam pembentangan bajet yang lalu itu. Dikatakan bahawa kenaikan gaji bagi Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat akan diadakan bermula berkuat kuasa pada 1 Januari. Kemudian ada pula suara-suara sumbang di Dewan Rakyat sana tidak ingin, tidak mahu. Kemudian janji untuk melaksanakannya Januari itu di tangguh balik. Saya terkilan Tuan Yang di-Pertua bahawa tanpa kita sedari kita telah masuk perangkap mereka sehingga sesuatu yang telah kita janjikan, tarik balik. Akan tetapi saya harap ini dapat Yang Berhormat Puan Norliza kembangkan lagi. Jangan sampai kita masuk perangkap mereka mengenai perkara-perkara seperti ini. Ini akan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup. Cukup.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai yang minat ini.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya tambah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek, pendek, pendek boleh?

Dato' Khairudin bin Samad: Tambah sedikit sahaja, dua minit. Pertama saya rasa perlu kita hidupkan semula. Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan ada akta yang hendak dibuat dahulu, Akta Saraan untuk kita ini khusus untuk Ahli Parlimen. Jadi saya rasa itu kalau Yang Berhormat bersetuju. Kemudian kita harus juga lihat gaji kita ini bukan ada peningkatan setiap tahun. Jadi kalau kita letak minimum, kita letak gaji minimum kita bukan ada peningkatan setiap tahun. Berapa puluh tahun lagi hendak ada kenaikan, saya pun tidak tahu. Wallahualam. Jadi kalau boleh kita ambil maksimum sebab tidak ada peningkatan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan pada Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Ya,ya. Saya beralih kepada- macam dalam mahkamahlah. Melihat hakim...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh pandang kepada saya tetapi penjelasan daripada...

Dato' Khairudin bin Samad: Kemudian yang kedua saya hendak sentuh juga, yang saya tidak dapat sentuh semalam kerana mengejar masa ialah kalau boleh kita balikkan semula daripada tempoh perkhidmatan kita yang tiga tahun ini dibalikkan semula kepada lima tahun satu penggal. Bermakna Yang Berhormat kalau ini lulus, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus boleh sambung. Tuan Yang di-Pertua pun boleh sambung. Ini kerana kita minta untuk dapat lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Khairudin bin Samad: Satu penggal.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bercakap dari segi dasar Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Ya, ya, Tidak, saya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Contoh, contoh. Tidak apa.

Dato' Khairudin bin Samad: Contoh, supaya rakan-rakan kita tidak mengantuk. Ini dekat *time* makan sudah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat lagi dua minit, Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, dia ambil masa saya Tuan Yang di-Pertua. Okey, yang pertama tadi saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Kita tidak seharusnya masuk perangkap mereka. Akan tetapi kalau kita lihat balik, sebagai seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dia seorang yang prihatin dan ada kalanya untuk membuat keputusan untuk orang kata *to satisfied everybody*, dengan izin, bukanlah mudah. Sebagai contoh Yang Berhormat Senator Dato' Firdaus, baru ini hampir-hampir masuk perangkap mengenai Akta Hasutan, tetapi tidak jadi. Jadi *alhamdulillah*. Kalau kali ini kita sama-sama memperjuangkan akta untuk gaji Ahli-ahli Parlimen ini, saya rasa *insya-Allah* ia akan berlaku. Jadi janganlah kita risau, kita sama-sama memperjuangkan termasuk Tuan Yang di-Pertua juga akan memperjuangkan sebab termasuk gaji Tuan Yang di-Pertua sekali.

Jadi saya mohon sekiranya- kalau kita lihat balik, kadangkala macam semalam Dato' Lim kata apabila kita jumpa delegasi daripada Singapura, dia bertanya berapa elaun- berapa gaji kita. Kita hendak cakap pun kita malu. Kalau kita lihat Senator ini dia bukan jaga satu kawasan dia jaga seluruh Malaysia, yang minta bantuan ini boleh katakan seluruh Malaysia. Semua universiti, pelajar-pelajar semua minta. Tidak akan kita tidak bagi. Ada kalanya memang tidak cukup, memang duit poket sendiri yang harus kita keluarkan.

Jadi kita mohonlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Menteri Kewangan...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh mencelah?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh saya mencelah?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua nanti bagi masa sikit lagi ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat yang mencelah ini.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa atas nama Ahli Parlimen Malaysia sama ada mereka di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat elaunnya mesti sama. Begitu juga dengan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Kan saya sudah kena marah tidak jawab. Okey, saya jawab Yang Berhormat Dato' Khairudin tadi mengenai penggal- lima tahun sepenggal. Sebagai seorang Senator mestilah saya setuju. Saya pun hendak lagi mendengar pantun-pantun Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Kalau boleh cepat *extendkan* penggal itu, bolehlah duduk lagi dekat situ kan.

Mengenai Yang Berhormat Senator Dato' Adam, saya rasa seelok-eloknya harus disamakan sebab saya rasa tanggungjawabnya juga adalah sama.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat, boleh?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya, baik.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih. Tertangguh itu, kalau tidak cakap tidak boleh, tidak tahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan sudah janji macam disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi sudah berapa lama janji, janji, janji hendak naikan elaun ataupun gaji kita ini sebagai Ahli Parlimen ini. Termasuk kawan yang di sebelah sana pun walau dia punya Ketua Pembangkang tidak setuju. Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat, setuju tidak kita *backdate*kan kebelakangan, 1 Januari 2012 kah atau lebih awal daripada itu lagi, atau bermula daripada janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mula-mula dia janji, janji bila yang mula-mula itu. Kalau dia janji tahun 2011, maknanya 1 Januari 2012.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa yang ini saya tidak boleh jawab, Yang Berhormat ini Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja boleh jawab. Sama ada boleh di *backdate* atau tidak. Saya punya cadangan itu lebih eloklah di *backdate*. [*Tepuk*] Daripada tempoh yang disebut itu hendak diberi itu elok kita *backdate* kepada tarikh itu. Perbezaan antara kita dan pihak-pihak tertentu, kita memperjuangkan untuk semua Ahli Parlimen tanpa mengira dari parti politik yang mana.

Kita juga tidak mahu Ahli Senator ini dikata sebagai *rubber stamp*. Jadi macam tadi Yang Berhormat Dato' Adam kata kita kena sama Dewan Rakyat dan Dewan Negara, sebab kita bukan *rubber stamp*. Kita pun bekerja sama kuat, kita juga membahaskan rang undang-undang yang sama, kita juga menjaga kepentingan rakyat. Jadi saya rasa kebajikan kita juga harus dilihat sama rata. Jadi saya mohonlah sekiranya pihak Yang Amat Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini dengan lebih serius dan khusus. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh...

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mengenai isu- ada lagi?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Seminit, satu minit sahaja. Satu minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah tamat berucap?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Saya jarang mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah. Silakan, apa?

■1230

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini jarang mencelah kerana saya rasa tunggu berpencen belum merasa lagi kenaikan elaun. Betul. Di tempat saya, saya kira rakyat boleh kata asyik minta duitlah, *almost* hari-hari minta duit. Guna poket sendiri. *Confirm* guna duit sendiri. Perniagaan pun kadang merosot. Hanya RM4,000 lebih elaun, tiada erti. Kita sebenarnya sama Ahli Parlimen, kita tidak ada kawasan. Ahli Dewan Rakyat dia ada P.166 contoh

tetapi kita tidak ada, seluruh Malaysia kita perjuangkan rakyat seluruh Malaysia. Kalau kita mungkin sebelah Timur di sana...

Tuan Yang di-Pertua: Apa cadangan Yang Berhormat? Penjelasan ringkas sahaja.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Cadangan saya dipercepatkanlah elaun sebegini. Terima kasihlah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, gulung Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi laluan Tuan Yang di-Pertua sebab Yang Berhormat Datuk Haji Yunus tidak pernah bangun mencelah. Jadi saya tengok ini *first time*, jadi saya pun hendak dengarlah. Okey, *insya-Allah*, saya ingat akan dipercepatkanlah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu terakhir iaitu isu Telekom. Saya rasa di bawah Kementerian Tenaga dan Telekomunikasi, kalau kita lihat sekarang masalah *line* Telekom di pejabat-pejabat, di rumah-rumah, sekiranya mengalami kerosakan, kita buat aduan ada kalanya kita kena tunggu berminggu, ada kalanya berbulan untuk dia orang datang untuk memperbaiki. Bila kita menelefon kepada pihak Telekom, dia kata dia telah *subcon* kepada subkontraktor untuk melaksanakan pembaikan ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Telekom, apakah kriteria apabila kita hendak melantik subkontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja Telekom ini? Adakah kita letakkan satu piawai supaya tugas dari setiap *complaint* yang dibuat itu dalam tempoh berapa lama ianya harus dikenal pasti dan dibuat pembaikan? Adakah subkontraktor yang dilantik ini berdaftar dengan CIDB? Kalau tiada, adakah tindakan yang diambil? Ini kerana saya merasakan kelewatan menyiapkan projek oleh subkontraktor Telekom ini adalah satu masalah yang saya sendiri menghadapi, kita report sehingga sebulan baru diperbaiki. Jadi saya rasa isu ini harus dititik berat walaupun remeh tetapi penting.

Jadi saya rasa itulah antara isu yang ingin saya kemukakan di bawah perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

12.32 tgh.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang yang baik ini untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, akan saya bahagikan kepada dua bahagian. Pertama, saya akan ulaskan sebab apa saya menyokong bajet ini dan yang kedua adalah cadangan-cadangan saya untuk negeri Sarawak.

Bajet 2015 direka untuk memenuhi keperluan rakyat. Ini adalah yang dimaksudkan ekonomi *the people's economy*, dengan izin. Kalau kita lihat bajet ini, ia pertama, dibina dan direka atas- belum pernah berlakulah Tuan Yang di-Pertua yakni sebelum bajet, Perdana Menteri memberi peluang kepada rakyat jelata untuk memberi komen. Jadi oleh sebab yang demikian, wujudlah seperti laman

web mikro Bajet 2015 di mana beribu-ribu pandangan telah diajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan sebagai rujukan untuk mereka membina satu bajet yang betul-betul mengikut kehendak rakyat. Itu yang pertama. Itu sebab saya sokong bajet ini. Memang memenuhi dan mengikut kehendak ramai rakyat kerana rakyat terlibat.

Perkara yang kedua, bajet ini adalah bertujuan untuk mengurang beban rakyat kerana kos sara hidup kalau kita lihat dewasa ini, baru-baru ini, semakin meningkat. Saban hari kita berbincang di Dewan yang mulia ini, kita selalu mengutarakan saraan hidup yang sentiasa meningkat. Jadi, bajet ini melihat akan perkara itu untuk meringankan beban kos saraan hidup rakyat.

Oleh sebab yang demikian, adalah pertama, barang-barang keperluan asas tidak ada cukai. Kalau yang ada cukai pun, cukai itu diturunkan. Kalau kita lihat juga, subsidi minyak akan diberi kepada golongan tersasar yang memerlukan sahaja. Lepas itu kita lihat keperluan kepada usahawan seperti melalui Tekun atau SUPERB. Apa yang penting sekali kita lihat bantuan asas saraan hidup seperti BR1M dan bantuan persekolahan anak-anak. Juga kalau kita lihat kenaikan elaun Ahli Parlimen pun diambil kira. Semua ini adalah bertujuan untuk meringankan rakyat menghadapi saraan hidup yang tinggi. Termasuk juga Skim Perumahan Belia. Perkara yang kedua inilah yang membuat saya menyokong Bajet 2015.

Perkara yang ketiga yang menyebabkan saya menyokong bajet ini adalah bajet ini kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dengan bajet-bajet yang sebelum ini, selalu ada kejutan, selalu ada projek-projek yang besar, yang mega, yang mengejutkan kita yang menelan belanja yang besar. Akan tetapi bajet pada kali ini, sehingga elaun kita pun tidak mengejut kita sebenarnya. Itulah sebab kita banyak membincangkan. Segalanya sederhana sahaja. Akan tetapi pada hemat saya, ini bagus kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri faham akan keadaan. Setelah meneliti kehendak-kehendak rakyat tadi, dia reka bina satu bajet yang tidak mengejut. Bajet yang berhemah dan bajet yang dilihat sebagai satu yang berhati-hati bila mana cukai GST itu akan kita lakukan pada tahun hadapan. Itu sebab bajet yang begini sesuai dalam keadaan transisi perubahan. Itu perkara yang ketiga yang menyebabkan saya memang menyokong bajet ini.

Keempat, saya memang sentiasa senang hati pada tindak tanduk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, malah kebaikan beliau ini yang memang dana atau projek untuk Sarawak ini selalu besar kalau kita banding dengan Perdana Menteri yang terdahulu daripada beliau. Jadi kalau kita lihat dalam bajet pada kali ini, Sarawak menerima RM26 bilion untuk Lebuhraya Pan Borneo. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini kalau dia melakukan *walkabout*, dengan izin, dia selalu membawa buah tangan yang banyak untuk negeri Sarawak. Jadi oleh sebab itu, kalau kita lihat dalam bajet untuk Jabatan Perdana Menteri, memang banyak kalau dibanding-bandingkan dengan tahun yang terdahulu. Inilah dia kerana Perdana Menteri suka melakukan *walkabout* dan memberikan peruntukan yang lebih kepada Sarawak.

Oleh sebab yang demikian, empat perkara ini, saya mengambil keputusan memang mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membuat satu bajet yang begitu baik. Saya menyokong.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, pada perkara yang kedua, di sini saya perlu mungkin memohon maaf kerana perkara yang saya hendak sebut di sini mungkin sensitif tetapi di manalah daya kita, saya mewakili negeri Sarawak, mewakili masyarakat luar bandar, kena juga dalam Dewan yang mulia inilah kita meluahkan keperluan, rintihan hati kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Baru-baru ini dalam Perhimpunan Agung UMNO, dalam ucapan penggulungan Yang Amat Berhormat Presiden Perdana Menteri kita, beliau menyatakan dengan begitu tegas, suara yang lantang dan tegas dan membayangkan satu amaran. Beliau mengatakan walaupun tidak tepat tetapi isinya beginilah Tuan Yang di-Pertua, isu Sarawak ingin keluar dari Malaysia tidak menjadi isu kerana perkara ini sudah jelas, sudah nyata Sarawak bermaksud tidak boleh keluar dari Malaysia. Ini kata Perdana Menteri dalam satu perhimpunan yang besar, dalam satu semangat beliau menegaskan, sentimen yang serupa ini adalah bahaya kepada negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang benar baru-baru ini kita mulai melihat ada rintihan, ada bunyi-bunyi di mana bukan sahaja dibisik-bisik, tetapi mulai menjadi suara laungan yang berani segelintir masyarakat kita di Sarawak yang meminta supaya Sarawak keluar dari Malaysia. Saya memang tidak setuju, saya setuju dengan Perdana Menteri supaya kita perangi sentimen yang buruk ini Tuan Yang di-Pertua.

Tujuan saya hendak menceritakan ini adalah supaya kita bendung dari awal kerana sentimen yang serupa ini akan menjadi penyakit seperti barah dan sukar diubati kalau kita tidak bendung daripada permulaan. Memang pertubuhan seperti Persatuan Aspirasi Rakyat Sarawak (SAPA) dan yang dipimpin oleh seorang wanita, presidennya wanita Cina dan pertubuhan seperti *United Borneo Front* yang dipelopori oleh seorang ketua politik dari Sabah dan juga *Sarawak National Party* (SNAP). Pertubuhan inilah yang menyebarkan bibit-bibit kebencian istilah Malaysia kepada rakyat di Sarawak. Jadi mereka ini membuat perjumpaan, mereka membuat seminar baru-baru ini juga dan selebihnya daripada itu...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Datuk Lihan Jok: Silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tujuh tahun bekerja di Sarawak. Saya dapati rakyat Sarawak ini satu kumpulan masyarakat yang cukup menghormati kewujudan Malaysia, bahkan saya selalu mengatakan Sarawak satu-satunya negeri yang patut kita contohi daripada segi perpaduan dan integrasi. Cuma yang saya hendak tanya, kalau asalnya rakyat di Sarawak begitu sayangkan Malaysia dan ingin bersama-sama dengan kita sama ada kita miskin, kaya kita bersama-sama, adakah kemungkinan besar fenomena yang berlaku di Sarawak pada hari ini disebabkan oleh seorang insan dari Semenanjung yang mencucuk-cucuk rakyat di Sarawak supaya membenci Malaysia. Apakah itu mungkin berlaku? Terima kasih.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan itu mungkin berlaku, tidak mustahil kerana dalam negara kita memang pasti memang ada segelintir yang

sudah benci akan Malaysia, mereka ini tidak putus-putus. Sekarang yang membuat kita risau adalah melalui media sosial, golongan muda, golongan yang kita katakan golongan profesional, *intellectual*, mereka inilah yang menyebarkan sentimen yang boleh disampaikan kepada ribuan rakyat melalui kemudahan teknologi yang kita pegang dewasa ini.

Jadi oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, rintihan dan kerisauan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang beliau luahkan dalam Perhimpunan Agung UMNO itu memang benar, memang berlaku. Saya pun rasa susah. Kita yang sayang Malaysia ini memang rasa susah. Jadi yang lebih susah lagi ialah baru-baru ini juga kita lihat dalam media sosial ada pemuda-pemuda, golongan muda, ahli-ahli parti golongan Barisan Nasional yang sudah mulai meluahkan rasa tidak puas hati mereka kepada Putrajaya kerana mungkin mereka melihat apa yang Putrajaya patut lakukan di Sarawak belum sempurna.

Jadi, suara mereka ini membuat sehingga pemimpin sesetengah parti Barisan Nasional di Sarawak mengeluarkan kenyataan memohon Putrajaya turun ke Sarawak untuk mendengar rintihan kenapa mereka ini tidak senang hati. Sebelum mereka ini meletup, sebelum mereka ini marah, jadi pemimpin parti politik Barisan Nasional Sarawak ini memohon Putrajaya turun.

Jadi maksud saya di sini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dan membayangkan perkara ini memang merisaukan kita yang sayangkan Malaysia. Jadi oleh sebab yang demikian, saya mengajak kita...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang Ahli bangun Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Okey, silakan Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada sebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan kenyataan yang dianggap berbahaya waktu Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan dan bertanya, apakah kenyataan yang berbahaya tersebut yang boleh dikongsi dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Lihan Jok: Memang Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, perkara sentimen yang mengapi-apikan supaya Sarawak keluar dari Malaysia ini, ini adalah memang bahaya kerana ia mengancam pokok pangkal penubuhan *federation* dengan izin. Oleh sebab sentimen ini adalah berlawanan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan kita, jadi di situ bahayanya.

Jadi oleh sebab demikian, bahaya ini akan menjadi ada satu pihak yang hendak, ada satu pihak yang hendak keluar. Apabila dua perkara ini bertembung, tentunya kelahi, tidak ada keamanan, tidak ada keharmonian. Jadi yang satu ingin bawa keluar tadi supaya meraih simpati pada dia, dia burukkan kerajaan. Dia kata begini, kepimpinannya begini, kepimpinan yang tidak adil. Ini bahayanya. Jadi ia membawa satu pemikiran kepada rakyat supaya membenci kerajaan, membenci asas semangat penubuhan Malaysia itu. Saya rasa itu bahayanya. Kalau hendak tambah pun untuk pengetahuan Ahli Dewan yang mulia ini, boleh Yang Berhormat.

■1250

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Yang Berhormat, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apakah Yang Berhormat telah membaca dan memahami perjanjian asal antara kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura ke dalam Malaysia? Kalau boleh Yang Berhormat jelaskan lagi supaya dapat menegaskan apa Yang Berhormat kata soal berbahaya tadi.

Datuk Lihan Jok: Saya tidak begitu teliti Yang Berhormat tetapi penubuhan Malaysia bilamana Semenanjung, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura sebelum tertubuhnya Persekutuan ini memang ada kajian, mengkaji hasrat setuju atau tidak setuju. Oleh sebab itulah wujud di Sabah dia sebut *20-points Agreement*, di Sarawak ada *18-points Agreement*. Jadi dalam memorandum ini, termaktublah hasrat murni Sarawak, hasrat murni Sabah, gabung dengan Tanah Melayu untuk menubuhkan Malaysia. Jadi atas persefahaman itulah tertubuhnya. Ramai yang suka Malaysia ditubuhkan, oleh sebab itu Komisi Cobbold itu adalah satu *mission* yang baik yang membawa Penubuhan Malaysia akhirnya. Penerangan saya kalau tidak lengkap pun sila mungkin Menteri akan bantu kita lebih faham. Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Okey. Jadi oleh sebab yang demikian, dengan melihat bahayanya sentimen yang diwujudkan oleh komplot pemisah ini, saya merayu supaya kita fikir bersama-sama cara mana. Akan tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya bawa perkara ini bukan hendak mengagungkan usaha komplot ini, tidak. Saya setuju sentimen yang dibangkitkan ini memang bahaya tetapi yang pentingnya ialah saya membawa kita supaya berfikir golongan-golongan parti politik Barisan Nasional ini yang mulai terikut-ikut. Jadi bilamana mereka ini, komplot pemisah ini bergabung dengan semangat yang golongan muda Barisan Nasional yang sudah terumbang-ambing ini, bilamana digabung bersama nanti akan sudah menjadi bahang api yang besar.

Di sini yang saya hendak kita faham ialah cara mana kita hendak menangani masalah ini dengan melihat adakah perkara-perkara yang membuat hati mereka ini tidak senang sehingga Menteri kanan menjemput supaya Putrajaya turun ke Sarawak untuk melihat, mendengar denyutan nadi masyarakat Sarawak. Ini yang saya hendak bawa kepada kita. Jadi di sini oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa cadangan di sini kerana yang saya hendak melihat ini ialah supaya usaha Putrajaya, pusat pentadbiran kita di Kuala Lumpur ini, melihat ini sebagai di mana kita tidak membuat yang secukupnya, tidak memuaskan hati golongan tersebut, bukan komplot pemisah tetapi ada rasa tidak puas hati.

Oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon yang pertama kerana saya melihat perkara ini timbulnya dari hati yang tidak puas seolah-olah perkara yang patut Putrajaya buat tetapi belum mencukupi untuk Sarawak. Saya mengemukakan ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya ingin bendung, ingin mematahkan usaha komplot pemisah ini, ini tujuan saya. Pertama ialah kita harus patah balik kepada permulaan penubuhan Persekutuan ini. Lihat kembali, semua pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang muda ataupun Menteri-menteri yang membuat polisi kita, yang banyak memikirkan polisi kita...

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Okey, silakan Datuk Seri.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati dan Yang Berhormat. Saya dengar dengan penuh teliti hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat. Cerita, cerita seolah-olah kita sudah terperangkap oleh musuh, perangkap yang lama, ini mesti ada agenda tertentu, akhirnya kita hanya cerita. Saya hendak tanya sekarang ini, ingat apa pesanan Allahyarham Tun Dr. Ismail. Dia kata kita tidak boleh jatuh dari luar, kita jatuh dari dalam. Jagalah katanya, ulat dalam buah lebih bahaya dari ulat di luar buah. Maka ada bibit ulat dalam buah berlaku di tempat Yang Berhormat ini.

Apakah cara dan langkah yang diambil oleh pihak Yang Berhormat, rakan-rakan untuk menghapuskan, menangani, mengatasi masalah ini. Itu yang penting sekali bahawa apa yang saya katakan tadi, hormati yang tua, jadinya tidak berlaku cerita. Jadi Yang Berhormat, saya minta tadi supaya fahamlah bahawa kebencian ini sedang dibuat kebencian. Kebencian melahirkan kebencian. Jadi saya minta tanya, apakah langkah-langkah dinamik yang diambil oleh pihak Yang Berhormat sendiri untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Lihan Jok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan terus memberi pandangan terhadap apa Yang Berhormat katakan tadi. Dengan tiga atau empat cadangan ini mungkin terjawab, itu mengikut pandangan sayalah. Pertama ialah patah balik, lihat kembali asas penubuhan seperti kata Yang Berhormat Dr. Asyraf tadi. Faham atau tidak apa asas penubuhan Malaysia? Jadi saya mengajak supaya pemimpin-pemimpin yang membuat polisi kita, polisi pembangunan kita, lihat kembali semangat penubuhan Persekutuan. Di mana kita tidak lengkap, *18-points Agreement*, dengan izin, daripada masyarakat Sarawak. Adakah Putrajaya sudah memenuhi janji-janji yang ada di dalam itu, hasrat, aspirasi Sarawak ketika itu.

Jadi oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak supaya kerajaan memaklumkan kepada pemimpin muda kita ini yang mentadbir negara kita, jadi pegawai-pegawai tinggi kerajaan kita supaya jangan lupa asas kita. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bilamana seminggu dua Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang baru, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Haji Satem apabila diajukan dengan soalan.

Jadi soalan itu menanyakan dia macam mana dia akan melicinkan hubungan Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan? Lantang dia menjawab, saya akan patah balik, lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan itu, asal dua pihak menghormati dua itu, memang licinlah hubungan kita Sarawak dan Persekutuan. Ini asas yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Jadi saya mengajak supaya pemimpin Putrajaya dan pegawai-pegawai tinggi, patah balik, lihat ini sentimen begitu kuat Sarawak ingin ikut Malaysia dulu kerana ada janji-janji pemimpin dulu kepada Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan tepat 1 tengah hari, Yang Berhormat boleh sambung selepas jam 2.30 petang nanti. Sekarang kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, kita sambung balik. Dipersilakan Datuk Lihan Jok.

2.32 ptg.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tamat tadi menyatakan bahawa ada dua sentimen di sini. Ada komplot pemisah *hard core*, dengan izin, dan ada golongan yang besar ini yang merasa macam tidak puas hati dalam memikirkan atau sudah melihat perbezaan pembangunan itu yang mungkin menimbulkan rasa tidak puas hati mereka.

Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mulakan pertama ialah kerana tidak puas hati ini tidak melihat balik kepada Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang kedua yang menimbulkan rasa tidak puas hati ini mengikut pemerhatian yang saya lihat ialah projek-projek infrastruktur yang dilakukan di Sarawak dilakukan pada prestasi atau pun pada peringkat takuk yang lama.

Saya mengambil contoh kalau projek itu adalah contohnya membekal air bersih. Jadi, projek ini datang dan terus membuat empangan di sebuah sungai dan selepas itu pasanglah paip plastik, PVC, dengan izin, terus ke rumah panjang. Yang keluar dari pili air di sana ialah air sungai. Cuma yang bezanya pada masa dahulu orang di rumah panjang mengangkut air dari sungai. Sama juga, air sungai tetapi yang ini di empangan kan, disalurkan ke rumah air sungai. Jadi, air sungai mengalir melalui PVC paip, dengan izin. Air sungai cara yang lama diangkut dengan menggunakan tenaga manusia tetapi akhirnya air itu sama juga.

Ini bermaksud saya kalau lah projek kita, pembekalan air masih kita lakukan di Sarawak serupa ini, ini saya rasa untuk masyarakat golongan muda yang moden sekarang ini, ini sudah lama sudah. Tidak boleh diterima. Ini mungkin supaya saya mohon supaya pihak kerajaan untuk memikirkan bila mana untuk hendak membawa infrastruktur contohnya pembekalan air yang saya maksudkan tadi haruslah contohnya bekalan air terawat. Ini yang moden. Kita tidak mahu membawa pembangunan, sentiasa ala lama, ala lama, di takuk lama. Ini kemungkinan pada hemat saya setelah bercampur dengan masyarakat bawahan di kampung-kampung inilah dia, mereka boleh membandingkan cara kita di Kuala Lumpur, cara kita di Kuching dan di rumah panjang.

Jadi, perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang membuat tidak puas ini tadi ialah jurang perbezaan tahap pembangunan yang tidak seimbang. Tahun yang lepas dalam bulan November, Ketua Menteri Sarawak menyatakan dalam ucapan penggulungan beliau, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengatakan bahawa Sarawak dari segi infrastruktur jauh ketinggalan. Boleh dibandingkan Sarawak ditinggalkan 20 tahun jauhnya, demikian. Jadi, oleh sebab yang demikian saya rasa Tuan Yang di-Pertua rasa tidak puas hati inilah dari segi pembangunan yang tidak setara ini, tidak seimbang ini.

Kita tidak boleh menyatakan rasa tidak puas hati yang dilaungkan, dikatakan “Oh, ini kita buat, elok kita keluar”. Kita tidak boleh salahkan kerana kita harus melihat apa sebab perkara sentimen serupa begini timbul. Jadi, saya rasa sebabnya itulah tadi iaitu jurang perbezaan pembangunan yang besar, yang jauh sekali kalau kita lihat. Jadi, contohnya Tuan Yang di-Pertua dengan izin, “*When we are now talking about high economy, high income but in Sarawak we are talking about the basic infrastructure*”, dengan izinnya. Demikianlah maksud saya tidak setimpal, tidak seimbang. Inilah...

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak bertanya apabila kita membincangkan pembangunan tidak seimbang itu adakah kita membawa perbezaan antara bandar dengan bandar iaitu bandar di Kuching dengan bandar di Semenanjung ini atau pun tidak seimbang antara luar bandar, pedalaman dengan luar bandar pedalaman di Semenanjung.

Saya bercakap demikian sebab di Semenanjung pun kita kena faham banyak yang ketinggalan. Sebab dari segi air paip misalnya kalau jauh dari segi *highway* dan lain-lain, begitu juga di Sarawak. Jadi, pertanyaan saya pada saya kita pemimpin-pemimpin di peringkat negeri contohnya apakah langkah-langkah pihak pemimpin di Sarawak yang telah diambil untuk menerangkan realiti kepada rakyat yang tidak puas hati ini? Sebab saya tahu sampai bila pun tidak puas hati kalau kita hendak bandingkan *apple* dengan *orange*.

Jadi, peranan kita sebagai pemimpin terutama dalam Barisan Nasional kita kena tenteramkan dengan memberikan fakta-fakta dan keadaan realiti yang sebenarnya. Pertanyaan saya, apakah langkah-langkah, apakah strategi yang telah diambil oleh pemimpin-pemimpin di Sarawak khasnya dari pihak Barisan Nasional. Kalau tidak, saya takut pihak sebelah akan mencucuk. Cucuk depan, cucuk belakang, mereka akan mencucuk. Terima kasih.

■1440

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, elok saya jelaskan di sini, dulu ya, kedudukan saya berucap ini adalah mewakili negeri Sarawak yang saya katakan tadi sentimen yang tidak sihat ini adalah disebabkan kemungkinan kerana perkara ini wujud. Jadi kita hendak mencari penyelesaian secara profesional, secara, kita tidak mahu terikut-ikut dengan kumpulan komplot yang pemisah ini tadi. Kita ini yang menyokong. Saya perlu cerita di sini Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak membuat satu kenyataan yang jelas bahawa Sarawak adalah Malaysia. Dengan izin, *we will stand by with Malaysia*.

Apa-apa pun Sarawak tetap kukuh, tetap genggam, tetap sama dengan Malaysia. Ini yang kata Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri. Jadi beliau meneruskan, dia mengatakan suara yang tidak puas hati atau suara yang menyatakan tidak puas hati itu kita boleh *go around table and talk to them*. Ini yang dikatakan oleh Ketua Menteri Sarawak. Jadi oleh sebab yang demikian, faham-fahamlah maksud saya datang di sini ialah, saya menyuarakan

perkara ini ialah kerana usaha telah dibuat. Akan tetapi apa daya kadang-kadang, saya ini wakil rakyat di dalam negeri Sarawak dua penggal.

Jadi sebagai sebuah negeri yang besar peruntukannya agak terhad. Kita tunggu peruntukan dari Persekutuan. Jadi yang terhad inilah, peruntukan yang terhad daripada persekutuan untuk memajukan kawasan luar bandar. Saya buat perbandingan itu tadi adalah di antara luar bandar Sarawak dan luar bandar di Semenanjung. Kalau kita fikir pun Bandaraya Kuching, dibandingkan dengan Ipoh kah, dengan Kuala Lumpur, memang pun Kuala Lumpur. Saya begitu bangga di bandar raya kita Kuala Lumpur ini memang jauh beza dari segi infrastruktur, dari segi keindahannya, memang luar biasa. Akan tetapi yang penting, yang kita hendak fokus di sini itu tadi adalah tidak puas hati itu kita cuba, itulah sebab benda ini sudah lama wujud, kita sudah berusaha membendung perkara ini tetapi macam tidak boleh. Oleh sebab itu kita cari penyelesaian.

Perkara yang ketiga yang saya sebut tadi jurang perbezaan pembangunan itu. Saya sudah sebutkan tadi waktu kita sudah cerita *high income*, di Sarawak baru infrastruktur yang asas- 20 tahun di kebelakangan. Ini kemungkinan dan ada kebetulan yang menyebabkan perkara resah hati, tidak puas hati itu timbul. Jadi yang keempat di sini ialah perkara yang lain-lain yang menimbulkan tidak puas hati ini mereka yang tidak puas hati ini, mereka tahu sendirilah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pergi dengan cepat-cepat. Perkara yang terakhir yang saya hendak sebut di sini adalah kalau demikian apa yang perlu kita buat.

Di sini saya mengemukakan empat cadangan. Yang pertama ialah lihat kembali apa termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan supaya pemimpin-pemimpin baik parti baik dalam kerajaan, baik pegawai kerajaan faham sebagai pemimpin apa yang menubuhkan, yang mengikatkan kita dalam Persekutuan harus difahami oleh barisan pemimpin yang baru. Jadi oleh sebab yang demikian, perlu ada kursus, perlu ada seminar ataupun mesyuarat untuk membolehkan pemimpin muda kita sekarang ini memahami asas penubuhan kita itu, Malaysia. Perkara yang kedua, kita...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat tiga minit lah Yang Berhormat ya.

Datuk Lihan Jok: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang kedua, bila mana kita buat projek di Sarawak, di pedalaman, kita jangan mengikut hala lama itu lagi. Kalau kita hendak bekal projek perbekalan air, bekal lah benar-benar air yang bersih atau air yang terawat. Sistem yang lama itu tadi memang keluar dari *tap*, memang keluar dari pili tetapi berpasir juga, *I mean* tidak bersih. Jadi, perkara yang ketiga iaitu bila mana kita menjalankan satu program, kita harus membuat iaitu program itu serampang dua mata. Dalam bahasa Inggeris, "*You kill two birds with one stone*" dengan izin.

Saya amat tertarik dengan projek Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pekan iaitu program Dorper mungkin, menternak biri-biri di kalangan Orang Asli di mana bila mana hendak memajukan sesuatu masyarakat, dia datang dalam satu pakej. Dia membantu dalam infrastruktur asas tetapi dia terus membantu cara mana hendak memberi peluang supaya penduduk mendapat gaji atau mendapat pendapatan yang lumayan. Okey, jadi itu cara yang ketiga. Jadi, bila mana kerajaan hendak

membantu orang jauh nun di Hulu Baram, dia bukan sahaja membuat infrastruktur tetapi dia terus menjadi program pertanian yang boleh membantu rakyat meningkatkan taraf pendapatan.

Yang terakhir sekali ialah cara menyelesaikan. Mengikut kiraan saya lah ya kerana Sarawak ini tinggal 20 tahun dari segi infrastruktur. Tidak kurang satu tahun dalam lima tahun yang akan datang ini kalau Kerajaan Pusat menyediakan sekurang-kurangnya RM30 bilion tiap-tiap tahun dalam lima tahun yang akan datang ini untuk membolehkan kita lompatan saujana dalam membawa pembangunan di Sarawak dan di Sabah supaya hampir setaraf. Marilah kita sama-sama bergerak maju dengan taraf, tempat, *level* yang sama dengan izin, dalam menempuh abad-abad yang akan datang. Ini yang maksud saya iaitu yang terakhir supaya peruntukan yang besar.

Akan tetapi apa daya, realiti telah menimpa kita. Satu *barrel* minyak patutnya USD100, sekarang ini baru USD60 hingga USD65. Apa jadi, tidak jadi? Walaupun niat yang begini untuk menaikkan peruntukan untuk Sarawak, kita harus menghadapi realiti. Kalau wang cukup kita buat. Kalau tidak cukup, apa boleh buat? Kita faham dan kita sebagai pemimpin di Sarawak Yang Berhormat, kita akan terus menceritakan realiti yang sebenarnya. Kita tidak akan mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mesti, mesti. Akan tetapi bila mana keadaan sudah begini, kita *slow*. Ini mencabarlah untuk menerangkan balik pada rakyat kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan hujahan itu tadi saya menyokong penuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan.

2.49 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Berucap dalam bahasa Arab]

■1450

Tuan Yang di-Pertua dan semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara yang dirahmati *Allah* sekalian. Pertama, saya ucap terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbincang dalam RUU ini iaitu RUU Perbekalan yang sedang dibahaskan. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang telah membentangkan bajet pada 10 Oktober lalu. Disusuli dengan pembentangan yang dibuat di Dewan Negara ini pada 3 hari bulan lalu. Ia merupakan satu dokumen penting yang merangkumi 59 halaman, yang merangkumi tujuh strategi dan cara pengurusan dan cara mengatasinya.

Bajet tahun depan iaitu 2015, dianggarkan RM273.9 bilion, bertambah RM9.8 bilion dari tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, kita melihat RM223.4 bilion untuk mengurus dan RM50.5 bilion untuk pembangunan. Sementara itu kutipan hasil diunjurkan RM235.2 bilion. Ini bermaksud atau kita dapat melihat ia berkurangan sebanyak RM38.7 bilion. Semua perbelanjaan yang dikemukakan itu ialah untuk mengurus negara yang penduduknya sekitar 30 juta orang sekarang ini. Kita negara Malaysia yang tercinta ini, untuk menguruskan RM30 juta itu kita ada 24 kementerian yang rata-rata kalau kita

lihat satu kementerian ada seorang Menteri dan Timbalannya dan ada kementerian yang lebih daripada itu.

Ini menunjukkan keprihatinan tentang pengurusan ini. Bukan itu saja malah kita lihat di setiap negeri, 13 buah negeri di dalam negeri kita ini ada Menteri Besar dan juga atau Ketua Menteri yang mengurus negeri masing-masing dengan keupayaan yang ada. Ini menunjukkan kepada kita bahawa negara kita mempunyai satu sistem pengurusan yang telah dirancang dan diterima pakai oleh semua. Dalam hal ini kita melihat keupayaan kita dalam kewangan dan keinginan kita di dalam meneruskan cita-cita kita. Keinginan kita ini sangat jauh, sangat besar. Kalau kita boleh ibaratkan, keinginan kita ini seperti mata memandang atau lebih daripada itu lagi.

Sedangkan keupayaan kita seperti tangan kita yang hanya dapat menjangkau setakat yang boleh. Di sinilah perimbangan yang perlu dilihat oleh kita semua dan juga kerajaan di dalam melaksanakan agenda pembangunan yang telah dirancang. Pada kesempatan ini saya ingin bertanya kerajaan. Untuk mencapai cita-cita yang telah digariskan itu, kita bergantung kepada sumber-sumber yang sedia ada. Saya hendak tahu, adakah sumber-sumber baru, pendapatan-pendapatan baru yang dapat membangunkan, menyumbang lagi kepada pendapatan negara kita. Ini kerana kita tahu sumber kita sangat terhad tetapi keinginan kita sangat luas dan banyak.

Jadi, kalau sekiranya kita ada sumber-sumber baru, sudah pasti kita akan dapat berganjak dengan lebih pantas lagi. Secara umumnya, kita sebagai insan ingin kepada perkara-perkara asas dan juga perkara-perkara yang lebih daripada itu. Perkara asas ialah makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Di dalam perbincangan kita yang saya dengar daripada awal sampai ke saat ini, saya melihat kita masih banyak memberi perbincangan kepada perkara-perkara asas. Sebagai contoh ialah dari segi tempat tinggal atau perumahan.

Bagi saya perumahan merupakan perkara asas dalam kehidupan mana-mana masyarakat. Di dalam hal ini kita tidak banyak berbincang tentang makan, minum, pakaian kerana mungkin di tempat kita makan, minum sudah terlalu banyak dan begitu juga pakaian juga terlalu banyak. Kalau kita tengok makan, minum kadang-kadang membazir. Saya melihat di dalam sampah sarap yang telah diberikan oleh pihak pengumpul yang berkenaan bahawa 45% daripada sampah buangan itu ialah sisa makanan. Ini menunjukkan kita banyak juga membuang makanan dengan begitu sahaja dan boleh membawa kepada pembaziran. Pembaziran ini merupakan salah satu daripada sebab-sebab yang boleh merencatkan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini saya melihat perumahan merupakan salah satu keinginan yang sangat terdesak dan telah ditimbulkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum ini. Saya melihat pada tahun ini ada sebanyak 143 ribu buah rumah keseluruhannya yang akan dibangunkan dalam bajet kita ini, 80 ribu rumah PR1MA, 26 ribu Perumahan Rakyat Jabatan Perumahan Negara, 12 ribu Rumah Mesra Rakyat, 5 ribu Rumah Idaman Rakyat dan 20 ribu Rumah Aspirasi Rakyat. Saya *total* buat, tengok-tengok lebih kurang, dapat saya lihat ada 143 ribu buah rumah yang akan dibangunkan pada tahun hadapan.

Soalan yang saya hendak tanya mudah saja. Kita tahun lepas pun ada bajet perumahan seperti ini juga, cuma sejauh mana yang tahun lepas itu dapat dilaksanakan dan berapa unit rumah yang telah disediakan. Begitulah juga berapa rumah yang telah diserahkan kepada penghuni-penghuni yang berhak mendapatkannya. Sekadar ingin tahu. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, untuk kita merealisasikan pendapatan negara kita ini, saya melihat ada beberapa perkara yang perlu diberi contoh di sini. Yang pertama ialah kita perlu melihat sumber kekuatan pendapatan yang baru. Mungkin pendapatan itu sangat terhad tetapi kita boleh tengok.

Saya hendak bagi contoh yang mudah. Dalam pengurusan kecil iaitu zakat. Zakat walaupun di sekitar orang Islam tapi saya rasa contoh boleh diambil di sini. Saya melihat kerajaan-kerajaan di negeri kita melalui Majlis Agama Islam boleh meminta Majlis Agama Islam supaya melihat ruang lingkup zakat yang lebih luas. Sebagai contoh ialah hasil tanaman buah-buahan dan juga hasil bumi. Kalau kita melihat di dalam negara kita, kebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini, kalau zakat biji-bijian hanyalah padi.

Selain daripada itu tidak ada lagi, makanan utama. Sedangkan dan ini mungkin terpengaruh dengan amalan pandangan mazhab Shafie. Saya rasa itu sangat baik ada pengaruh di situ tetapi kita sebagai umat Islam kena tengok Islam secara keseluruhan. Ibarat saya sebut ialah kalau kita ada jalan raya empat *lane*, kita perlu tengok keempat-empat *lane* itu, bukan hanya kita lalu satu *lane*.

Begitulah juga dengan hal ini. Kita ada macam-macam pandangan di dalam sarjana Islam dan sudah banyak kita melihat hal-hal ini telah diutarakan. Cuma di dalam bab zakat makanan itu, buah-buahan itu kita hanya melihat padi sahaja. Sedangkan kita melihat banyak lagi di sana seperti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan. Saya dapat mengetahui bahawa di Perlis, negeri sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid, harum manis pada tahun lepas, pendapatannya lebih kurang RM1 juta. Ada penanam-penanam yang telah mengeluarkan zakat daripada buah haruman manis. Lebih kurang RM13 ribu.

■1500

Apa yang telah dibuat di Perlis itu saya rasa merupakan satu contoh yang boleh dilihat secara keseluruhan oleh negeri-negeri lain untuk mendapat hasil baru. Kalau kita tengok penanam padi dapat 400 gantang kena zakat sedangkan orang mempunyai 10 ekar kelapa sawit, 20 ekar, 30 ekar dan seterusnya tak ada apa-apa. Kita perlu anjak ke depan. Begitu juga penanam sayur. Penanam sayur sekarang sudah menarah bukit yang berbagai sehingga mendapat untung yang besar. Kalau orang bukan Islam mungkin dikenakan cukai tetapi kepada orang Islam, biar mereka menunaikan ibadah melalui menanam sayur yang banyak, bukan tanam sayur yang dekat rumah itu, yang sudah menjadi komersial. Biar mereka melihat di situ.

Begitu juga penanam getah. Ini merupakan satu perkara yang perlu kita lihat kembali. Kerana itu saya mengharapkan semua pihak terutamanya orang yang bertanggungjawab melihat kembali sumber-sumber itu. Kemudian, zakat yang telah dapat itu kita agihkan kepada orang yang berhak dan apabila penerima zakat, kita anjurkan supaya mereka juga akan dapat mengeluarkan zakat nanti. Bermakna kita dorong mereka berusaha dan kita tidak mahu orang yang terima zakat terus menerima

zakat sampai ke akhir hayat. Maksudnya kita tidak dapat mengangkat kehidupan mereka. Kerana itu saya tanya tadi siapa yang bercakap tentang bantuan kepada fakir miskin.

Zakat juga memberi bantuan kepada fakir miskin. Saya rasa kita perlu sepadukan antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Majlis Agama Islam supaya sama-sama berpadu memberi zakat dan bantuan sehingga orang-orang yang berkenaan dapat dikeluarkan daripada lingkungan penerima zakat nanti sebab kalau kita membiarkan mereka terus menerima zakat, maka mereka akan terus kekal di dalam kemiskinan. Kita ingin mengangkat mereka kerana itulah fungsi zakat iaitu adalah untuk mengeluarkan orang yang sebelumnya dalam kedaifan dan boleh keluar daripada lingkungan kemiskinan dan dia boleh kelak akan dapat mengeluarkan zakat pula. Tuan Yang di-Pertua, itu sebagai contoh yang saya rasa...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Nak mencelah kah?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih. Adakah pandangan Dato', jabatan agama Islam setiap negeri membuat satu kempen bayar zakat. Mungkin ada mereka yang bayar zakat tetapi tidak menyeluruh. Umpamanya macam buah-buahan, seperti mana Dato' kata tadi buah-buahan seperti buah harum manis di Perlis dah bayar zakat tetapi tempat lain macam buah durian, manggis, rambutan, banyak buah sampai tak habis, membazir. Mungkin penanam-penanam ini tak begitu tahu ataupun terlepas pandang. Apa pandangan Dato' sekiranya jabatan agama Islam setiap negeri mengadakan satu kempen membayar zakat buah-buahan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat inilah perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab tentang ini kerana zakat ini dia sebut sekali dengan sembahyang. Kalau orang itu sembahyang, diingatkan supaya sembahyang setiap waktu begitulah juga dengan zakat dan sepatutnya banyak buah-buahan yang ada di sini diberi kesedaran bagi mereka yang memiliki kebun yang dirasakan patut mengeluarkan zakat. Saya pun baru dengar daripada petikan itu saya tertarik nak bercakap tentang buah-buahan ini. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, saya belum pernah mendengar zakat buah-buahan ini dikeluarkan selain daripada Harum Manis. Boleh jadi orang lain dengar, *wallahualam* dan saya nak ucap syabaslah kepada Perlis yang telah meneroka satu era baru di dalam zakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah untuk memperkukuhkan sumber pendapatan negara kita ialah menerusi pengawasan pengurusan yang berterusan. Kita selalu didedahkan di akhbar tentang kehilangan wang, ketirisan, kebocoran dan pelbagai istilah lagi dan begitulah juga saya melihat dipaparkan di dalam akhbar, berbagai-bagai keadaan yang kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan dipandang serong dan dikaitkan dengan macam-macam perbuatan tidak elok seperti saya sebut seperti JPJ, Kastam, Imigresen, polis, pejabat tanah dan galian, pendaftaran negara, pelajaran, hospital dan sebagainya.

Banyak agensi kerajaan yang telah dipaparkan di dalam akhbar sehingga menimbulkan persepsi yang kurang baik di kalangan masyarakat walaupun kita tidak menafikan ada segelintir kes-kes yang dilaporkan itu. Bukan semuanya telah disabitkan dalam kesalahan namun apabila dipaparkan

di dalam akhbar dengan begitu rupa, maka saya rasa masyarakat telah meletak satu persepsi yang kurang baik kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang berada dalam sektor-sektor tadi,

Hatta boleh jadi begitu juga pada satu ketika nanti orang akan buat juga satu persepsi yang kurang baik terhadap SPRM dan oleh kerana itulah saya merasakan perkara ini perlu pemantauan berterusan supaya pegawai kita, dia mempunyai satu keyakinan bahawa mereka mempunyai satu jaminan oleh pihak kerajaan di dalam menjalankan tugas. Sekarang ini kita dapati bahawa mereka berada dalam keadaan suasana tersepit daripada tugas dan tanggungjawab begitulah juga pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan.

Kerana itu saya bersetuju dengan sebahagian daripada Senator yang telah memberi pandangan kenapa kita tengok hanya orang menerima rasuah tetapi tidak tengok kepada pemberi rasuah. Kalau ada kelemahan di dalam akta kita, kita perlu pinda dan bubar supaya orang yang menyebabkan orang lain membuat kesalahan juga diheret sama, dihukum sama. Dia ibarat orang tua-tua kata dahulu tepuk tangan sebelah tidak berbunyi, jadi kita mahu bahawa semua yang terlibat dalam melakukan kesalahan itu tidak dilepaskan begitu sahaja.

Jadi bagaimana kita dapat atasi? Saya tahu, saya yakin dan percaya kita telah ada undang-undang namun...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta laluan sekejap untuk mengumumkan sesuatu. Terima kasih Yang Berhormat. Ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa ada bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah His Excellency Dr. Sok An, Timbalan Perdana Menteri Cambodia [*Tepuk*] Dan Honorable Mr. Mushahid Hussain, Senator of Pakistan dan rombongan. Selamat datang. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan kalau sesuai, kita sebenarnya sudah bercakap tentang pembangunan modal insan dan saya ingin supaya kita membangun insan kerana walaupun kita hebat dalam dapat membangunkan modal insan yang hebat di masyarakat kita tetapi insan-insan perlu dibangunkan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Dato' Johari ada menyebut bahawa kurangnya kepercayaan masyarakat terhadap beberapa institusi yang ada di negara kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kurangnya kepercayaan masyarakat terhadap beberapa institusi yang ada hari ini disebabkan oleh tohmahan beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Muhammad Olian. Saya sebut tadi pembinaan persepsi, kerana itu saya tidak mahu supaya persepsi yang buruk itu diletakkan kepada pegawai dan kakitangan kita dan kerana itulah saya rasa pihak akhbar media perlu cermat dan bertanggungjawab kerana kadang-kadang salah lapor pun boleh menyebabkan salah tanggapan.

■1510

Seperti semalam disebut dalam Dewan ini, JPJ hendak mengurangkan 5,000 kematian. Kalau tidak silap sayalah, didengari di Dewan ini. Jadi mungkin itu merupakan dia hendak ungkap ungkapan yang lain, tetapi terungkap ungkapan itu. Jadi saya rasa akhbar perlu membuat semakan supaya orang-orang berkenaan tidak teraniaya dengan laporan.

Jadi pembinaan itu saya rasa perlu akhbar bercermat dan akhbar ini serampang dua mata. Buruk pun boleh, baik pun boleh. Jadi orang yang membuat laporan itu saya rasa dia bertanggungjawab bukan sahaja kepada masyarakat tetapi dia akan disoal nanti di hadapan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh kerana itulah saya melihat perkara-perkara ini dan banyak perkara yang perlu kita beri perhatian iaitu seperti kadar jenayah yang banyak dalam negara kita, kemalangan-kemalangan yang berlaku di jalan raya. Ini juga boleh menjimatkan perbelanjaan. Berapa banyak wang yang dihabiskan kerana kemalangan dengan tuntutan, dengan kehilangan pekerjaan dan kesengsaraan kepada keluarga dan juga orang yang terlibat. Hal-hal seperti ini, kita secara tidak sedar boleh merencatkan dari segi bajet dan juga semua sekali dalam kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut berjimat. Berjimat juga merupakan elemen untuk memperkukuhkan perbelanjaan kita. Saya sebut tadi secara ringkas, tetapi saya hendak sebut sampah. Sampah di negara kita ini, potensi orang di bandar ialah lebih besar daripada orang luar bandar. Orang luar bandar sedikit sampahnya daripada orang bandar, tetapi keseluruhannya ada buat sampah. Sampah di negara kita ini telah dianggarkan pada tiga tahun lepas, 7.6 juta tan setahun. Daripada sekian banyak, 45% ialah sisa makanan yang saya sebutkan tadi, 24% ialah bahan plastik dan 7.34% lain-lain.

Jadi bahan makanan tadi dibeli dengan wang ringgit. Tidak kiralah keluarga atau siapa sahaja. Jadi maksudnya, walaupun duit kita banyak tetapi apabila berbelanja tidak kena dengan tempatnya, boleh menyebabkan ekonomi kita terancam. Kalau kita tengok hal ini kepada peribadi, begitu juga kepada syarikat dan juga seterusnya kepada negara, kalau kita hadir tempat-tempat kursus, maka agenda utama di antara yang besar bajetnya ialah makan, selain daripada tempat tinggal. Makan itu ada enam kali. Makan pagi, makan tengah hari, minum petang, malam dan akhir sekali dengan minum pula. Ada pelbagai minum makan. Inilah yang banyak belanja kalau kita hadir tempat-tempat kursus. Hal itu boleh kita kurangkan, boleh ditengok supaya ini semua bajet yang telah dikeluarkan walaupun kementerian atau Jabatan semuanya itu duit daripada kerajaan dan kutipan hasil daripada rakyat, apabila kita berbelanja, maka kita berbelanja dengan betul-betul supaya kita tidak berlaku boros.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak sempurna kalau saya tidak sebut hal pendidikan. *Alhamdulillah*, Kementerian Pendidikan mendapat bahagian terbesar daripada belanjawan pada tahun ini dan tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun ini, RM52.36 bilion adalah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Macam-macam program yang telah dilakukan. Cuma, saya ingin bertanya dalam hal ini ada beberapa perkara.

Pertama, dalam bajet, kita melihat bahawa peningkatan kemasukan kepada IPT, bahasa Inggerisnya dipertingkatkan mengikut pengajian masing-masing. Persoalan yang saya ingin tahu daripada pihak kementerian, adakah hal ini telah dilihat dengan terperinci dan kajian yang mendalam? Ini kerana saya bimbang, takut-takut pelajar-pelajar kita yang berada di luar bandar tidak mampu untuk datang ke IPTA.

Hal ini akan berlaku- walaupun saya mendengar di Dewan ini pihak Menteri Pendidikan II memberitahu bahawa pengecualian boleh diberi untuk tahun ini kepada pelajar mengikut universiti. Saya rasa pengecualian itu adalah suatu pengecualian yang sementara. Kita mahu sebagai dasar. Saya bimbang anak-anak di luar bandar tidak kiralah di Semenanjung, di Sabah atau di Sarawak, akan tidak dapat ke universiti IPTA. Sedangkan, orang-orang inilah yang mengharapkan IPTA dapat menampung mereka kerana mereka tidak ada wang. Hendak pergi IPTS, bayarannya mahal.

Jadi dalam hubungan ini, kita perlu buat kajian yang sebaik-baiknya dan kalau dikira bahasa Inggeris ini dengan begitu rupa, maka peluang kepada orang yang tidak kuat bahasa Inggeris sudah tentu. Bagi saya, saya tengok kalau orang Kelantan, susah dia hendak bercakap bahasa Inggeris kalau di luar bandar. Bahasa Malaysia pun dia tidak cakap, dia cakap loghat Kelantan. Jadi tiga tahap lagi...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh bagi laluan? Kalau apa Yang Berhormat berkata tadi memang benar, itulah perlu diperbetulkan, bukan diteruskan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya hendak supaya kita buat kajian betul-betul. Saya tidak mahu apabila kita pergi ke hadapan, kita undur ke belakang sebagaimana pernah berlaku di negara kita ini mengenai gaji dahulu, gaji perkhidmatan awam dahulu yang telah dibentangkan di Dewan ini dan sama-sama kita luluskan tetapi ditarik balik. Kenapa? Kerana kajiannya belum dijalankan dengan menyeluruh. Ini satu realiti. Saya pun tidak mahu perkara ini berlaku dalam hal ini.

Saya lihat, kalau sekolah di bandar sebagaimana Yang Berhormat Dato' Mohd Suhaimi kata dia pergi sekolah-sekolah di bandar ini, pelajar-pelajar sekolah rendah bercakap bahasa Inggeris. Betul. Akan tetapi yang di kampung itu, usahkan bahasa Inggeris, bahasa tempat dia sahaja yang dia tahu. Jadi saya lihat perkara ini perlu dititikberatkan supaya kita tidak mundur ke belakang, tarik balik apabila kita telah berjalan.

Begitu juga saya hendak tahu bantuan ke sekolah. Saya baca di sini bantuan ke sekolah banyak. Ada satu yang saya kata tidak termasuk iaitu sekolah-sekolah swasta. Banyak sekolah swasta yang termasuk, tetapi ada sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh swasta tidak diberi bantuan sedangkan mereka juga adalah sama-sama turut membangunkan negara kita.

Begitu juga saya ingin bertanya program j-QAF kepada Kementerian Pendidikan. Program j-QAF telah ada pada satu ketika dahulu dan sekarang ini mungkin sudah dua tahun tidak kedengaran lagi pengambilannya. Adakah kementerian telah memberhentikan terus ataupun ada rancangan lain yang telah dilakukan? Kepada orang Islam, saya rasa kedudukan j-QAF ini akan membantu sedikit sebanyak memahami bahasa ibadat. Orang Islam dia sembahyang. Dalam sembahyang itu kadang-kadang- kadang- saya rasalah tetapi saya tidak membuat kajian secara terperinci. Umumnya orang Islam

apabila dia sembahyang, dia tidak faham. Dia baca Al-Fatihah, dia tidak faham. Dia baca tahiyat, dia tidak faham. Bagaimana Kementerian Pendidikan dalam hubungan ini boleh membantu anak-anak kita di sekolah dan juga masyarakat, mungkin peranan orang lain, untuk memahami bahasa ibadat itu, walaupun dalam perkara yang sedikit? ini kerana, daripada sekolah inilah saya yakin dan percaya pelajar-pelajar ini akan jadi remaja dan juga dewasa nanti.

Perkara seterusnya saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan ialah permohonan Kolej Islam Antarabangsa untuk dinaiktarafkan ke kolej universiti. Saya difahamkan bahawa kolej tersebut telah membuat permohonan sejak tahun 2010 dahulu tetapi sehingga sekarang belum mendapat apa-apa jawapan dan pelajarnya dulu daripada 1,000 sekarang sudah mencapai 2,400 lebih.

■1520

Jadi peningkatan, kemajuan kolej ini telah baik dan sehingga sekarang pihak kolej menyebut bahawa kementerian tidak memberi jawapan apa-apa. Saya merasakan bahawa pihak kementerian perlu beri jawapan boleh atau tidak boleh, apa syarat yang diperlukan. Biar ada jawapan, jangan tinggal orang bertanya, kita tidak menjawab.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada sedikit berhubung dengan jalan raya. Jalan raya kita ini *alhamdulillah*, tempat-tempat yang baik, sangat baik tetapi yang baik itu apabila datang hujan, jalan raya sudah mula rosak. Adakah ini satu tabii yang ada di dalam negara kita apabila hujan, rosak ataupun satu kajian yang boleh dilakukan dengan R&D dan berbagai-bagai bahawa jalan kita ini kalau hujan pun tidak rosak, tahan. Ini yang berlaku. Saya sebagai salah seorang di antara orang-orang yang pengguna jalan raya setia dari Kelantan ke Kuala Lumpur. Saya dapati kalau hujan, ada masalah. Kalau tidak hujan, *alhamdulillah* lambat lagi hendak rosak.

Oleh kerana itulah begitu juga berhubung dengan jalan raya ini, saya rasa dalam bajet kita ini, dalam bajet yang telah dikemukakan muka surat 14, kalau saya boleh rujuk. Muka surat 14, tindakan kelapan, merancang pelaburan awam dan swasta. Jadi dalam merencanakan pembangunan ini, ada tujuh perkara yang telah dicatatkan di sini dan telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Adam. Hanya satu sahaja iaitu tindakan yang kelima yang di luar sedikit daripada bandar Kuala Lumpur atau Lembah Klang, yang lain-lain semua di Lembah Klang.

Saya yakin dan percaya bahawa Dato' Adam menyebut kita merupakan negara yang luas dan perlu diberi perhatian juga ke luar bandar. Saya tertarik apabila Dato' Adam menyebut perlu ada jalan yang lebih baik daripada yang ada sekarang dari Johor melalui jalan timur ini sampai ke Kelantan sebab ini juga merupakan satu laluan yang digunakan pada setiap masa oleh pengguna-pengguna daripada daerah-daerah tersebut. Saya yakin dan percaya kalau jalan di...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Kalau boleh, tambah sikit lagi ini. Kalau jalan ini baik, maka sudah tentu kerancangan ekonomi akan berlaku dengan baik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berhubung dengan lapangan terbang di Kota Bharu. Saya telah bertanya dalam soalan di Dewan ini, kementerian menjawab bahawa permohonan dalam Rancangan Kesebelas nanti. Saya hendak berkongsi di sini bahawa tanahnya sudah ada. Pengambilan telah dibuat pada tahun 90-an dan kekerapan lapangan terbang itu sehingga sekarang lebih kurang 40 penerbangan sehari.

Saya ingin mendapat daripada kementerian yang berkenaan, adakah betul saya dengar dalam penerangan GST baru-baru ini di Kota Bharu bahawa Lapangan Terbang Ismail Petra, Pengkalan Chepa merupakan di antara lapangan terbang yang sibuk dalam konteks domestik. Saya ingin dapat penjelasan, kalau hal itu berlaku, maka saya rasa tanah sudah ada, prasarana sudah cukup, cuma diperluas dan diperbesarkan sahaja supaya sekurang-kurangnya pelancong dapat datang dan merencanakan program ekonomi kita dan begitulah juga sekarang ini kalau ada penerbangan empat kali seminggu dengan Melaka, AirAsia.

Begitulah juga AirAsia telah membuat penerbangan tiga kali seminggu ke Sabah dan ke Sarawak. Ini menunjukkan ramainya masyarakat kita berulang alih menggunakan lapangan terbang tersebut. Saya yakin dan percaya kalau hal ini diberi perhatian, maka sudah pasti ia akan dapat merencanakan lagi. Cuma satu dalam hal ini, AirAsia mengambil inisiatif yang lebih sedangkan MAS lama sudah, AirAsia juga yang buat, Malindo juga yang buat. Oleh sebab itu saya rasa, apa masalahnya MAS tidak buat? Itu soalan saya.

Satu perkara yang sangat saya hendak sebut di sini ialah kita berlaku banjir di dalam negara kita ini setiap tahun dan banjir ini bukan sahaja berlaku di Genting Highlands, di Cameron Highlands, maaf saya tetapi juga berlaku setiap tahun dari Rantau Panjang ke Pengkalan Kubor. Rantau Panjang ke Pengkalan Kubor, di pesisir antara sempadan kita itu ialah tanahnya rendah kerana di tebing sungai sebelah jiran kita tinggi. Apabila hujan turun, maka kawasan kita ini rendah dan terlibat dengan air dan banjir berlaku dengan cepat sekali dan ini menyebabkan masalah-masalah kita yang masalah banjir tadi. Jadi saya hendak tanya kerajaan bila hendak tambak, hendak tinggikan tebing sebab apabila tebing tidak tinggi, maka selama itulah banjir berlaku.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh gulung Yang Berhormat, gulung.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sikit lagi saya hendak tanya, tidak guna sudah, pakai hendak gitu sahaja. [Ketawa] Pakat hendak pergi, hendak biar begitu sahaja. Saya hendak tanya satu lagi, saya mendapat maklumat bahawa kapal perang China berlabuh di Beting Patinggi Ali yang jaraknya dari Miri Kuching ini lebih kurang 80 kilometer. Mereka berlabuh di situ dan ada kapal perang dan ini merupakan kawasan kita. Mereka telah berlabuh di situ sejak satu setengah tahun lalu. Mereka mendakwa bahawa itu ialah kawasan mereka kerana Laut China Selatan, sedangkan jarak mereka daripada sana 4,000 kilometer. Oleh sebab itulah saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apa yang telah dilakukan dan ini merupakan satu pencerobohan kepada perairan kita, kepada negara kita yang berdaulat yang kita semua sayangi, yang kita semua cintai dan kita tidak mahu negara kita dirobekkan oleh orang-orang luar.

Saya bimbang alasan itu dijadikan sebagaimana Batu Puteh dibuat oleh Singapura yang mana Singapura melaksanakan beberapa aktiviti ekonomi di situ sehingga apabila dibawa kepada peringkat antarabangsa, maka peringkat antarabangsa menyebelahi mereka. Saya juga menaruh kebimbangan yang sama hal-hal seperti ini. Ada seminit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Seminit lagi.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Satu minit. Saya dalam satu minit ini Tuan Yang di-Pertua, tidak hendak gulung tetapi hendak bertanya sahaja pihak yang berkenaan. Baru-baru ini dalam satu seminar di Terengganu, seminar fatwa. Kalau tidak silap saya 23 dan 24 Oktober, Fatwa Peringkat Kebangsaan di mana di dalam seminar tersebut ada seorang pembentang daripada sebuah universiti di tempat kita dan dia juga adalah salah seorang ahli fatwa kebangsaan yang mengatakan bahawa dalam kertas kerja itu, Salafi Wahabi mengancam keselamatan negara.

Pada satu ketika, saya bertanya di dalam Dewan ini dan diberi jawapan bahawa Wahabi ini dia adalah Ahli Sunah. Akan tetapi apabila saya dengar pula dan saya baca kertas kerja itu, beliau mengatakan ini memberi ancaman kepada keselamatan dan perpaduan negara. Oleh sebab itu ada negeri-negeri di Malaysia ini melalui jabatan agama yang mengatakan Wahabi itu sesat dan sebagainya dan ada pihak-pihak yang berkenaan keluar, turun *all out* untuk menyatakan hal yang demikian. Saya melihat di sini ada percanggahan, di kalangan masyarakat kita di Malaysia, satu kata tidak salah, satu kata salah. Hal ini saya hendak minta daripada pihak yang berkenaan supaya memberi penjelasan dan penerangan agar dia tidak mengelirukan masyarakat. Nampak Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti kot.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah tiba masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua masa yang telah diberi dan saya sangat berterima kasih kepada semuanya dan kalau ada masa lain saya ada lagi banyak perkara hendak sampaikan. Terima kasih, *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Jamilah, silakan Yang Berhormat.

3.01 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salah sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertama-tamanya saya memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, suara ada serak-serak basah sedikit kerana diserang batuk sejak hari Ahad yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan dan masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri dan selaku Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang komprehensif dan inklusif bagi membantu segenap lapisan rakyat

yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan liku hidup, khususnya dalam menangani masalah kenaikan kos sara hidup.

Isu keselamatan Sabah. Sabah dibelenggu oleh beberapa isu keselamatan serius yang menjejaskan kesejahteraan dan keamanan rakyatnya. Sejak peristiwa konfrontasi, Sabah tidak pernah menghadapi cabaran yang boleh menggugat keselamatannya. Semenjak Sabah diserang oleh sekumpulan penganas dari selatan Filipina di Lahad Datu pada 11 Februari 2013, keadaan keselamatan di Sabah tidak seperti biasa. Kalau dahulu ancaman yang dihadapi berskala kecil tetapi sekarang telah berubah kepada berbentuk ancaman yang lebih besar lagi. Ancaman yang paling utama ialah ancaman yang datang daripada kumpulan penganas dari selatan Filipina. Mereka terdiri daripada beberapa kumpulan penganas tetapi yang paling dominan ialah Kumpulan Militer Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang diketuai oleh Nur Misuari dan kumpulan penganas Abu Sayyaf.

Kenyataan oleh MNLF yang menyatakan hasrat untuk menubuhkan negara khalifah Islam di selatan Filipina yang meliputi juga negeri Sabah dengan menjalin kerjasama dengan Militer IS. Membayangkan mereka mempunyai matlamat yang besar untuk menakluki Sabah dan mengeluarkan negeri tersebut dari Malaysia. Keadaan ini diburukkan lagi dengan terdapatnya usaha untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia yang boleh dieksploitasi oleh pihak luar dan anasir subversif untuk mengancam keselamatan negara dan negeri Sabah. Sebenarnya terdapat banyak insiden dan tuntutan yang menggugat keselamatan Sabah yang dapat saya senaraikan seperti berikut:

- (i) beberapa siri insiden penculikan yang dilakukan oleh kumpulan penganas dari selatan Filipina;
- (ii) tuntutan ke atas Sabah oleh Kesultanan Sulu dan Kerajaan Filipina yang masih belum digugurkan;
- (iii) pertikaian tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan di antara Indonesia dan Malaysia yang masih dirasai oleh rakyat kedua-dua belah pihak, walaupun isu tersebut dianggap sebagai selesai apabila Mahkamah Antarabangsa membuat keputusan memihak kepada Malaysia;
- (iv) perebutan telaga minyak Ambalat di antara Malaysia dan Indonesia;
- (v) tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly dan Wilayah Laut Cina Selatan oleh negara China, Brunei, Vietnam, Filipina, Taiwan dan juga Malaysia; dan kemasukan ramai pendatang tanpa izin (PATI) ke Sabah.

Bagi mengatasi ancaman yang dinyatakan, Bajet 2015 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peruntukan sebanyak RM660 juta bagi pembinaan dua buah kem bagi penempatan dua batalion Pasukan Gerakan Am dan Angkatan Tentera Malaysia dengan kekuatan anggota seramai 1,280 orang. Ia turut memberi peruntukan untuk penambahbaikan kelengkapan operasi pertahanan dan keselamatan di ESSZONE termasuk perolehan sistem radar pengawasan berkeupayaan tinggi dan memanjangkan landasan lapangan terbang Lahad Datu.

Selain daripada itu, bajet ini juga melibatkan penempatan semula perkampungan air di Semporna dan Sandakan secara berperingkat dan memudahkan Skuadron Jet Pejuang Hawk dari Butterworth ke Labuan yang sememangnya Labuan telah menjadi pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia. Dalam perbahasan ini saya ingin membangkitkan isu perkampungan air yang menjadi topik perbualan hangat di kalangan penduduk di Sabah khususnya di kawasan Sandakan, Semporna dan Tawau. Perkampungan air telah dikenali ramai sebagai pusat tumpuan oleh kebanyakan rakyat asing dari Filipina dan Indonesia yang menjadikan tempat berlindung. Sabah memang dikenali sebagai sebuah negeri yang mempunyai banyak perkampungan air. Kampung-kampung ini biasanya dibina di muara sungai dan di atas air di pinggir laut.

Dalam isu keselamatan di Sabah, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa Sabah akan terus menerima ancaman pencerobohan oleh pengganas dan penyeludup, selagi wujudnya kampung air di negeri itu. Kenyataan beliau ini ada kebenarannya apabila berlaku lagi serangan pengganas selepas peristiwa keganasan di Lahad Datu. Antara yang paling tragis ialah apabila enam orang anggota polis telah dibunuh dengan kejam setelah diserang hendap oleh sekumpulan penceroboh di Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna, Sabah pada 2 Mac 2013.

Hidup di perkampungan air sememangnya merupakan budaya orang Sabah khususnya dari kalangan suku kaum Bajau dan Sulu. Mereka memilih kehidupan di tepi laut kerana sebilangan besar daripada mereka adalah nelayan. Namun begitu kewujudan perkampungan air ini telah mendedahkan tempat tersebut sebagai pintu masuk bagi pengganas, penjenayah, penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Saiz kampung yang luas dan jarak tidak begitu jauh di antara Sabah dan selatan Filipina memudahkan mereka menyusup masuk dan mendarat di mana-mana sudut kampung air dengan mudah tanpa dapat dikesan terutamanya pada waktu malam. Peristiwa serangan pengganas di Semporna terjadi kerana kampung air sukar dikawal.

■1540

Oleh itu, penempatan perkampungan air ini tidaklah sesuai dengan keadaan semasa kerana ia bukan sahaja mengancam keselamatan Sabah malah ia tidak sesuai untuk kehidupan manusia kerana tiada jalan, tiada bekalan elektrik dan air, tiada sistem kumbahan dan tiada pengurusan pembuangan sampah yang baik. Langkah kerajaan- mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, boleh minum air sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Langkah kerajaan untuk menempatkan semula perkampungan air di Semporna dan Sandakan secara berperingkat dengan memberi peruntukan dalam Bajet 2015 adalah baik dan tepat pada masanya. Lantas dapat menyekat apa jua bentuk pencerobohan yang ingin dilakukan oleh kumpulan anasir jahat. Namun begitu, proses untuk menjayakan penempatan baru akan memakan masa yang panjang kerana ia melibatkan kos yang besar. Proses saringan penduduk yang lama dan pembinaan pelbagai infrastruktur yang diperlukan.

Projek penempatan semula perkampungan air yang dirancang ini ada persamaan dengan izin, *brisk plain* yang diperkenalkan oleh *British Military Administration* (BMA) semasa Malaya di bawah pemerintahan penjajah British. Pelan ini telah menghasilkan kejayaan besar dalam menghapus

ancaman penganas Komunis dengan pembinaan kampung-kampung baru bagi menyekat orang awam memberi sokongan kepada pihak Komunis.

Pendekatan ini juga ingin dicuba oleh kerajaan dapat memberi banyak faedah dalam menjamin keselamatan di ESSZON. Antara faedah yang dapat di kecapai ialah kawalan keselamatan akan lebih terjamin dan teratur kerana laluan mudah yang biasa digunakan oleh penganas, penceroboh, penjenayah, penyeludup dan PATI akan tertutup dan disekat. Selain daripada itu, penyokong mereka akan mendapati sukar untuk menyalurkan bantuan dan sokongan yang diperlukan. Pasukan keselamatan juga akan mudah untuk melaksanakan perintah berkurung dan mengawal pergerakan dan aktiviti penduduk yang berada di penempatan ini.

Namun begitu, program ini memerlukan kos yang tinggi dan memakan masa yang lama hendak dilaksanakan. Kerajaan perlu memperuntukkan belanjawan yang lebih besar jika kesemua kampung air di kawasan ESSZON hendak ditempatkan semula. Selain daripada itu, kerajaan juga harus perlu mengkaji akan bagaimana mengadakan sumber ekonomi dan pekerjaan baru kepada penduduk kampung air ini kerana kebanyakan mereka adalah nelayan. Perkara ini perlu diambil kira dengan teliti oleh kerajaan kerana kita tidak mahu dia dieksploitasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mempolitikkan isu ini jika penduduk merana kerana tiada sumber pendapatan apabila dipindahkan.

Berhubung dengan beberapa insiden penculikan oleh gerombolan penganas yang berakhir dengan tuntutan bayaran wang tebusan, saya mendapati ia telah menjadi satu fenomena. Dalam kes yang terbaru yang melibatkan seorang anggota polis dan seorang pengusaha ladang ternakan ikan, kumpulan penculik telah menuntut wang tebusan jutaan ringgit. Persoalannya ialah sehingga bilakah kerajaan perlu melayani tuntutan seperti ini? Oleh itu, saya memohon ESSCOM perlu bertindak dengan lebih agresif lagi bagi mengenakan perintah berkurung di kawasan ESSZON ialah satu tindakan yang betul dan perlu diteruskan walaupun akan menyusahkan rakyat yang berurusan di kawasan ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah Kerajaan Persekutuan akan memberhentikan pemberian wang ihsan kepada waris Kesultanan Sulu lagi atas alasan Sabah adalah sebuah negeri merdeka dan bersama-sama membentuk negara Malaysia. Sebagai sebuah negara merdeka, sepatutnya Sabah telah terkeluar daripada perjanjian yang telah dibuat oleh Kerajaan British sebelum ini yang mana perjanjian itu haruslah terbatal secara automatik apabila Sabah telah merdeka daripada penjajahan British pada ketika itu.

Keduanya, mereka waris Kesultanan Sulu ini telah mengkhianati janji kerana saya telah difahamkan bahawa wang ihsan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan itu bukan kerajaan negeri adalah agar waris Kesultanan Sulu ini tidak lagi mengacau. Kalau orang tempatan Sabah cakap 'mengacaulah', tidak mengganggu negeri Sabah tetapi janji itu telah diingkari. Jadi, itulah soalan saya, adakah Kerajaan Persekutuan dan saya juga sekali gus mencadangkan agar wang ihsan ini haruslah diberhentikan supaya mereka ini tidak lagi menganggap Sabah di dalam wilayah mereka.

Kalau kita ke negara Filipina khususnya di bandar raya Manila kalau kita berkesempatan untuk melihat mereka punya pelan, peta kawasan-kawasan wilayah Filipina, Sabah adalah masih kekal dalam mereka punya negara Filipina. Jadi saya mengharapkan juga kepada kerajaan untuk memohon secara

diplomasi kerana saya difahamkan, Kerajaan Filipina enggan untuk menubuhkan konsulat di negeri Sabah kerana kononnya Sabah adalah dalam wilayah mereka. Jadi mereka tidak perlu untuk membuka konsulat seperti Indonesia dan juga Jepun ada konsulat di negeri Sabah.

Tetapi bagaimanakah kalau saya ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang bertanggungjawab untuk memikirkan dan menggunakan secara diplomasi untuk mengemukakan agar memohon negara Filipina mewujudkan konsulatnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi dengan itu, kita dapat ada perhubungan yang dekat. Macam Indonesia, kita tidak ada masalah untuk menyelesaikan apa jua perkara-perkara yang di dalam ruang ataupun lingkup permasalahan rakyat mereka. Akan tetapi untuk Filipina agak sukar kerana mereka tidak ada konsulat di negeri Sabah.

Seterusnya ialah Suruhanjaya Siasatan Diraja Pendatang Asing (RCI). Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana keprihatinan beliau tentang masalah PATI di negeri Sabah sehingga tertubuhnya RCI. Walaupun RCI ini kalau dalam bahasa Orang Putihnya, "*Royal Commission of Inquiry*."- "*In*", ia bukan "*En*" tetapi dalam *cover* muka buku depan ialah "*Royal Commission of Enquiry*"- "*En*". Namun begitu, saya rasa kita tidak perlu untuk mempertikaikan soal dengan izin, *cover* dia tetapi kita ingin merungkai apa yang ada di dalam buku laporan RCI itu.

■1550

Saya mengharapkan laporan ini adalah titik permulaan untuk merungkai segala permasalahan dan penyelesaian tentang PATI di Sabah. Seramai 211 saksi telah disoal siasat, kesimpulan Laporan RCI tentang projek IC adalah kebarangkalian menunjukkan wujudnya kejadian ataupun projek IC ini.

Rakyat Malaysia di Sabah tahu kejadian ini adalah benar-benar telah berlaku di hadapan mata mereka. Pengumuman Laporan RCI amatlah penting bagi rakyat Sabah yang sudah sekian lama menanti langkah tindakan sewajarnya yang perlu diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin. Pelbagai isu yang berkait dengan status kewarganegaraan, hak mengundi dalam pilihan raya dan dakwaan projek IC serta implikasi sosial terhadap rakyat memerlukan tindakan segera. Saranan yang diberi oleh suruhanjaya ini mustahak kerana isu PATI. *[Batuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, kadang-kadang rancangan televisyen pun ada yang tergendala.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa boleh buat. Saya ingat saya berucap minggu lepas lebih cantik tetapi ini sudah kena serang, itu juga qada' dan qadar daripada Allah.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu juga cantik, Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Pelbagai isu yang berkaitan dengan status kewarganegaraan, hak mengundi dalam pilihan raya dan dakwaan projek IC serta implikasi sosial terhadap rakyat memerlukan tindakan segera.

Saranan yang diberi oleh suruhanjaya ini mustahak kerana isu pendatang asing tanpa izin yang membelenggu Sabah sekian lama perlu diberi perhatian oleh kerajaan, khususnya dalam melakukan penambahbaikan terhadap, dengan izin, *standard operating procedure* (SOP), kaedah dan peraturan bagi memastikan undang-undang negara dipatuhi.

Laporan ini juga diharap dapat mengenal pasti masalah akar umbi bagaimana pengeluaran kad pengenalan warna biru dikeluarkan kepada warga asing yang asalnya pendatang tanpa izin yang menyebabkan bilangan penduduk Sabah meningkat dengan mendadak sehingga 400% dalam tempoh empat dekad. Pembentangan laporan siasatan ini juga bukan sahaja dapat merungkaikan segala kesangsian, malah dapat membantu mencari jalan bagi mengatasi pelbagai bentuk ancaman terhadap keselamatan, sosial dan ekonomi negara.

Ketidakadilan telah berlaku terhadap rakyat Malaysia yang tulen, khususnya di Sabah. Dengan kehadiran PATI yang sebegitu ramai di Sabah, bukan sahaja telah berkongsi segala nikmat dan kemudahan yang diperuntukkan kepada rakyat Sabah, malah telah mengancam kehidupan rakyat Sabah dengan mempelopori peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang ada. Oleh itu, saya menyokong cadangan RCI untuk menubuhkan Jawatankuasa Tetap Pengurusan PATI dan Jawatankuasa Kerja bagi mengatasi masalah PATI yang semakin meruncing di Sabah.

Dengan penubuhan jawatankuasa ini, saya memohon supaya ianya dapat mengenal pasti bilangan pengeluaran kad pengenalan biru yang tidak sah kepada warga asing dan mengambil langkah tindakan pembersihan terhadap kad pengenalan yang tidak sah ini. Dalam usaha ini, perhatian hendaklah diberikan juga terhadap penggunaan terhadap identiti orang yang telah meninggal dunia bagi mengeluarkan kad pengenalan yang tidak sah.

Saya ada mendapat laporan bahawa salah satu penipuan yang dibuat adalah dengan cara ini. Saya bimbang dengan pemilikan kad pengenalan secara tidak sah ini akan membabitkan ada daripada mereka telah berjaya diterima memasuki pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan lain-lain lagi yang menjadi nadi kepada pasukan keselamatan negara.

Selain itu, saya juga bimbang dengan bilangan seramai 67,765 tetapi daripada kajian kami, jumlah ini mungkin lebih ramai daripada itu warga asing yang telah memiliki kad pengenalan yang boleh digunakan untuk bermacam-macam perkara seperti menggunakannya sebagai pengundi pilihan raya. Dari segi lain, bayangkan betapa ramai daripada anak-anak mereka yang telah mendapat status kerakyatan Malaysia secara automatik daripada penggunaan kad pengenalan yang tidak sah ini. Mungkin angka bilangan warga asing lebih ramai lagi jika diambil kira bilangan anak-anak yang dapat kewarganegaraan secara ini. Jadi pihak berkuasa yang berkaitan perlu menyasat perkara ini dan mengambil tindakan yang setimpal.

Saya juga memohon supaya pihak berkuasa dapat bertindak untuk mengenal pasti dalang sindiket pengeluaran kad pengenalan yang tidak sah ini. Mereka yang dikenal pasti hendaklah dibawa dan dihukum dalam isu ini sudah pasti jabatan yang terlibat, ialah Jabatan Pendaftaran Negara kerana mereka lah yang memproses dan meluluskan pengeluaran kad pengenalan dan sijil kelahiran. Saya

juga difahamkan bahawa salah satu kelemahan kepada masalah ini ialah kelemahan kepada sistem dokumen yang memudahkan warga asing memperoleh kad pengenalan Malaysia, sijil kelahiran, pasport Malaysia dan beberapa dokumen penting yang lain dengan bantuan sindiket tertentu dan pegawai-pegawai perkhidmatan yang korup.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terlampau sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi isu lebih penting. Justeru, saya mencadangkan supaya melalui Jawatankuasa Tetap Pengurusan PATI dan Jawatankuasa Kerja berusaha secara bersepadu dan besar-besaran hendaklah dilakukan untuk memperbaiki sistem dokumen yang ada. Adalah baik jika penapisan semula dibuat terhadap semua kad pengenalan, sijil kelahiran dan dokumen penting lain yang dikeluarkan di Sabah. Jika ada yang tidak sah, hendaklah dibatalkan dan warganegara asing yang terlibat hendaklah dihantar balik ke negara asal dan yang telah didaftar sebagai pengundi haruslah digugurkan daripada daftar pemilih.

Dengan masalah PATI yang semakin meruncing dengan banyak kes pemalsuan dokumen penting Malaysia, saya cadangkan juga supaya kerajaan mencipta satu bentuk kad pengenalan yang lebih selamat dan juga bagi memudahkan proses pembersihan kad pengenalan tidak sah. Sebagai sebuah kerajaan bertanggungjawab, masalah PATI di Sabah haruslah diselesaikan dengan seberapa segera demi untuk mempertahankan kehormatan dan kedaulatan negara.

Berkaitan dengan perkara ini juga, saya ingin membangkitkan masalah kanak-kanak jalanan warga asing yang tiada warganegara, kebanyakan dari Filipina dan sedikit dari Indonesia. Dianggarkan terdapat kira-kira 5,000 kanak-kanak warga asing yang ibu bapa mereka adalah PATI. Jumlah ini dianggap besar dan boleh mendatangkan masalah serius kepada negara kerana ia boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negeri Sabah sekiranya dibiarkan berlarutan tanpa sebarang tindakan untuk mengatasinya.

Pada 16 November 2014, semasa berada di Sabah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hanya dokumen rekod kelahiran sahaja dikeluarkan kepada kanak-kanak tiada warga negara ini, bukan sijil kelahiran. Saya amat bersetuju dengan keputusan kerajaan ini kerana dengan cara ini dapat menangkis segala persepsi negatif yang wujud dan masalah yang bakal dihadapi pada masa hadapan.

Bagi mengelak berlaku sebarang pertikaian kemudian hari, oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya satu 'Rang Undang-undang Dokumen Rekod Kelahiran' bagi kanak-kanak tiada warganegara dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen sebelum diluluskan menjadikannya satu akta. Namun begitu, saya juga ingin tahu apakah langkah tindakan kementerian bagi menentukan hala tuju dan penempatan kanak-kanak tiada warganegara ini?

■1600

Adakah mereka dibenarkan tinggal terus di Malaysia atau dihantar balik ke negara asal ibu bapa mereka? Sebenarnya, saya ada dua lagi Yang Berhormat. Kalau saya minta izin untuk- saya tengok rata-rata belum dibahaskan iaitu Jaminan Bekalan Makanan. Yang satu itu, infrastruktur di negeri Sabah, *we leave it to other* Yang Berhormatlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pilihlah mana yang penting. Terus kepada soalan itu.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Ya. Jaminan Bekalan Makanan. Lawatan kerja ke Argentina dan seterusnya ke Uruguay. Terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana telah meluluskan saya mengikuti rombongan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua untuk lawatan kerja. Ini telah memberi keinsafan dan membuka minda saya untuk membahaskan tentang isu ini, iaitu Jaminan Bekalan Makanan Negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Akhir sekali, saya ingin membangkitkan isu bekalan makanan negara yang masih di bawah tahap sebenar. Kebergantungan Malaysia kepada negara luar untuk mendapatkan bekalan makanan meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang tidak terjamin. Apabila berdepan dengan krisis seperti bencana alam, peperangan dan peningkatan harga minyak dunia. Kalau kita nampak di Uruguay, jumlah penduduk sejumlah 3.6 juta. Akan tetapi dia punya lembu ada 20 juta dan kambing 60 juta. Jadi, bererti ini kalau cukup untuk makanan dalam negara dan yang lain boleh diekspor untuk hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada panjang lagi?

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba gulung Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Dewasa ini, aspek jaminan bekalan makanan merupakan isu penting di peringkat global, di mana pemimpin-pemimpin dunia menekankan betapa pentingnya setiap negara memberi perhatian dan menggubal dasar-dasar yang berupaya menjamin bekalan makanan yang mencukupi. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melaporkan jumlah penduduk dunia akan mencapai 9.6 bilion menjelang 2050, berbanding 72 bilion pada masa ini. Malaysia juga tidak terkecuali kerana bilangan penduduk Malaysia dijangka akan bertambah.

Buat masa sekarang, populasi Malaysia ialah lebih kurang 30 juta orang. Keadaan memerlukan satu jaminan bekalan makanan negara yang sentiasa teguh bagi memastikan rakyat dapat memperoleh bekalan makanan mencukupi pada harga yang berpatutan. Berdasarkan laporan itu, jika pengeluaran makanan global tidak mampu ditingkatkan kepada 60% daripada jumlah yang dihasilkan pada masa ini, dunia akan berdepan dengan isu kebuluran. Buat masa ini, Malaysia hanya berjaya mencapai tahap sara diri pada kadar 72% pada 2010. Ini bermaksud, negara terpaksa mengimport 28% dari negara pengeluar.

Bagi mengatasi krisis makanan, kerajaan pada 2008 telah mewujudkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang bertujuan untuk memastikan bekalan bahan makanan negara sentiasa mencukupi. Selepas itu, telah diperkenalkan pula Dasar Pertanian Negara Keempat bagi menyelaras Dasar Agromakanan dengan Dasar Komoditi Industri. Dalam isu ini, saya melihat negara menghadapi

beberapa cabaran yang perlu diambil langkah tindakan yang sewajarnya bagi menjamin bekalan negara sentiasa cukup.

Pertama ialah negara kita masih bergantung...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi? Pendekkan. Gulung, gulung, cukup.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Satu muka.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dulu, cukup. Gulung sahaja.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Okey, beberapa soalan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, negara kita masih bergantung kepada makanan dari luar negara. Perkara membimbangkan ialah jaminan kukuh kerana berlaku krisis negara pembekal seperti bencana alam, konflik bersenjata atau kenaikan harga minyak.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan ialah kerajaan telah mengumumkan sebelum ini bahawa Sarawak dijadikan negeri jelapang padi kesembilan. Namun, selepas tempoh itu tamat, adalah kita sudah mengurangkan jumlah pengimportan beras? Selain daripada itu, saya juga ingin tahu pencapaian Dasar Pertanian Negara Keempat. Apakah matlamatnya telah dicapai dengan pengimbangan antara agromakanan dengan industri komoditi yang mana industri komoditi adalah lebih berat.

Saya juga mohon penjelasan, setakat mana kejayaan telah dicapai dalam pengurusan tanah terbiar bagi membangunkan projek bekalan negara? Begitu juga dengan program bumi hijau yang pernah mendapat sambutan amat baik pada suatu ketika dahulu. Apakah langkah kementerian untuk menghidupkan kembali program ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap bagus. Kalau boleh Yang Berhormat belajar ataupun berusaha, poin sahaja Yang Berhormat. Selepas itu, Yang Berhormat cakap. Kalau baca artikel itu, rasanya panjang, satu hari pun tidak habis. Saya fikir, cuba belajar, saya hendakkan dari Dewan ini, kita hendak Speaker yang boleh bercakap.

Ya, saya rasa poin-poin Yang Berhormat itu lengkap, bagus. Cuma agaknya ini saya sarankan kepada semua sekali, untuk menampakkan yang begitu baik ya. Tanpa membuang masa, saya fikir saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Ini kerana saya dapati yang sepatutnya bercakap hari ini pun, agaknya ramai belum bercakap lagi. Kemungkinan agaknya kalau saya fikirkan kalau kita tambah masa sedikit hari ini. Bercakap itu saya kurangkan sekarang ini kepada-saya hadkan pada hari ini lah, saya tengok keadaan, hanya kepada 25 minit sahaja. Ya, silakan.

4.06 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2015 Oktober lalu yang jelas mengutamakan kebajikan rakyat. Menangani kos sara hidup serta acuan memacu Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, kurang lebih enam tahun lagi.

Sebelum itu, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada rakan-rakan dan selamat tahun baru kepada semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Bajet 2015 ini mengalami peningkatan sebanyak RM9.8 bilion berbanding Bajet 2014. Bajet 2015 menyaksikan belanjawan yang digarap dalam tujuh fokus strategi utama bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Pembentangan Belanjawan 2015 pada kali ini bertemakan Ekonomi Keperluan Rakyat.

Izinkan saya mengutarakan isu yang saya kira perlu diberi perhatian khusus oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab. Mungkin ini terlepas pandang, sudah lama berlangsung iaitu isu elaun Pembantu Kemas. Saya terpanggil untuk menyentuh isu berkaitan gaji dan elaun Pembantu KEMAS hari ini. Saya mendapat maklum serta keluhan bahawa di sebalik bebanan kerja dan persekitaran tanggungjawab yang semakin mencabar hari ini. Kumpulan kerja ini hanya dibayar gaji sebanyak RM400, mungkin elaun sebulan. Jumlah ini hari ini sudah tentulah tidak masuk akal dan bagi saya suatu bentuk penindasan terhadap mereka. Yang mana mereka ini ada yang telah berkhidmat lebih 20 tahun. Bayangkan, beban tugas mereka tiada jauh beza dengan guru serta pensyarah. Cumanya anak-anak murid mereka ialah kanak-kanak prasekolah dan berumur sekitar 4 hingga 6 tahun. Beban kerja mereka bermula seawal jam 7 pagi, lima hari seminggu. Jaga kanak-kanak, memasak dan kadangkala bertani, mengajar seperti guru-guru tetap.

■1610

Sudahlah gaji RM400 sahaja sebulan. Saya mendapati laporan pula ada kes yang gaji kadangkala lewat diterima. Nak masuk bulan kedua baru dapat gaji. Bayangkan, kos sara hidup semakin meningkat, beban dan tanggungjawab serta *expectation*, dengan izin, semakin tinggi. Pihak ibu bapa dan masyarakat serta jika berlaku apa-apa kemalangan atau musibah ke atas murid-murid ini, guru serta Pembantu KEMAS yang akan dipersoalkan. Malah boleh terdedah diambil tindakan mahkamah, malah dijatuhi hukuman atas tuduhan berlaku kecuai dan sebagainya.

Saya amat mengasihani golongan ini. Ya lah, di sebalik tanggungjawab bebanan kerja yang berat, mereka sedar dan sedia maklum bahawa PPMS bukan penjawat awam dan berstatus sukarela. Namun, jika dilihat dari segi beban atau tanggungjawab tugas meliputi tugas seorang pembantu kemajuan masyarakat yang bergred penjawat awam.

Mereka khabarnya tidak boleh mengambil cuti sakit. Kalau cuti pun kena bayar RM20 sehari.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat, saya rasa *figure* ataupun yang Datuk dapat itu kurang tepat Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tahu KEMAS tak bagi gaji RM400. Saya ingat Datuk tolong perbetullah. Saya ingat tak betul angka itu, tak betul. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya- saya mendapat maklumat sebenarnya. Kalau betul, tak betul, itu terpulang kepada kementerianlah. Yang tahu yang menerima. Kita mungkin tidak tahu, yang mana dia tahu bahawa dia menerima elaun walaupun sukarela. Jadi, saya rasa terpulanglah kepada pihak kementerian untuk meneliti, melihat betapa orang kata ketidakadilan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya minta mencelah sedikit boleh? Saya minta mencelah. Sebenarnya, angka RM400 itu saya tahu untuk pembantu yang masak-masak itu. Akan tetapi saya sokong apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Yunus tadi. RM400 untuk nak masak, nak jaga budak, kalau cikgu dia tak ada, pembantu inilah yang jaga.

Jadi, RM400 ini elaun ini saya rasa memang tak memadai. Kerja dia dengan cikgu itu lebih kurang sama. Kadang-kadang lebih banyak dia. Dia nak masak lagi, pagi-pagi dia datang dah masak Tuan Yang di-Pertua dan segala-galanya diurus kemas. Nanti budak nak pergi buang air, inilah pembantu ini yang ke depan. Jadi, saya sokong kalau boleh yang RM400 kalau boleh dinaikkan kah. KAFA pun dah RM800. Jadi, pergilah ke tahap yang RM800 ataupun RM900 sebagaimana yang disarankan oleh pihak kerajaan, semua sekali sekarang ini dah meningkat paras RM900. Kalau RM400 ini nak makan apa, nak beli apa? Semua tak boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Sebenarnya...

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: ...RM400 bukan KEMAS bayar. Tadika tolong bayar. Yuran yang dibayar tiap bulanan itu...

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Minta maaf Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kebenaran dulu.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: ...Kebenaran daripada Speakerlah sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Datuk?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Boleh. Sebenarnya, RM400 itu bukan dibayar oleh KEMAS, dibayar oleh tadika itu. Kutipan bulanan yang RM30 atau RM20 sebulan itu, ,duit itulah dibagi kepada pembantu yang masak seperti mana yang Datuk Noriah kata tadi. Jadi memang tidak cukup. Jadi, kita mohon Jabatan KEMAS supaya wujudkan satu jawatan pembantu, bagi elaun sama banyak atau kurang sikit seperti mana Jabatan Perpaduan buat. Jabatan Perpaduan buat guru asing dan pembantu asing. Jadi, gaji dia, elaun dia pun lebih daripada RM1,000. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menuju ke arah apa yang dibincangkan lah. Pada pandangan saya, sewajarnya golongan ini juga layak untuk menerima gaji minimum seperti disarankan oleh kerajaan. Mereka ini bekerja di bawah KEMAS yang berada dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Menurut rekod, gaji seorang PPMS ini hanya RM200 sebulan dan dinaikkan kepada RM400 pada tahun 2010 dan sepatutnya dinaikkan kepada RM900 selaras dengan gaji minimum. Apa pun yang dipanggil gajikah, elaunkah, yang logiknya sekarang ini mana ada RM400. Mungkin satu hari RM400. Ini RM400 satu bulan. Di mana logiknya? Jadi, saranan saya ingin mengambil kesempatan agar PPMS diserap ke dalam gred penjawat awam sebagai PPM dan layak menerima segala inisiatif disediakan oleh kerajaan.

Kenanglah nasib mereka yang- ada yang telah berkhidmat hampir 20 tahun dan masih taraf kontrak yang tiada jaminan masa depan. Sedang jasa mereka begitu besar terhadap pendidikan awal kanak-kanak dan juga jentera utama kerajaan di luar bandar. Mereka ini sebenarnya bertugas di luar

bandar kebanyakan dan merekalah yang benar-benar menyokong dengan atau memangkah Kerajaan Barisan Nasional.

Saya juga merayu ke CUEPACS berterusan memperjuangkan nasib golongan pekerja ini yang dilaporkan berjumlah melebihi 16,000 kakitangan kontrak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seluruh negara mengikut statistik tahun 2014. Ingin saya sarankan di sini, selain memohon kenaikan gaji dan elaun, mungkin pihak kementerian dan CUEPACS sendiri boleh mengkaji cadangan untuk melanjutkan umur persaraan wajib mereka yang pada masa ini 58 tahun kepada 60 tahun serta mengkaji kemudahan pencen dan skim pinjaman perumahan.

Isu kedua ialah iaitu menjadi Labuan sebagai pusat sehenti kuih muih tradisional sebagai satu produk pelancongan. Di bawah Skim Bumiputera, Bajet 2015 telah memperuntukkan sejumlah wang sebanyak RM30 juta untuk skim permulaan perniagaan usahawan bumiputera. Di sini saya ingin membangkitkan isu tempatan iaitu khasnya di tempat saya.

Saya ingin menyentuh isu Labuan yang mempunyai pelbagai jenis kuih muih tempatan yang diusahakan secara kecil-kecilan serta boleh dikategori sebagai industri PKS serta industri belakang rumah. Rata-ratanya diusahakan oleh kaum ibu dan golongan bumiputera. Hasilnya dipasarkan di kedai-kedai makan, restoran, dijual serta langsung dengan membuka gerai di tepi-tepi jalan.

Walaupun industri kuih tradisional ini sudah lama bertapak tetapi tiada kemajuan secara langsung disebabkan tiadanya usaha konkrit pihak berwajib untuk memperkasakan industri kuih tempatan ini. Peniaga sendiri tidak didedahkan dengan bantuan dana serta prospek pemasaran yang boleh membantu memasarkan kuih mereka ini secara lebih komprehensif.

Saya juga ingin mencadangkan di sini, Labuan hari ini sudah menjadi pusat pelancongan yang utama di Timur Malaysia. Jumlah pelancongan dari dalam dan luar negara semakin bertambah saban tahun. Sudah tentunya kita perlu mengaplikasikan peluang ekonomi untuk sama-sama dinikmati oleh anak tempatan.

■1620

Saya ingin mencadangkan agar pihak berwajib, kementerian serta badan agensi seperti MARA dapat memikirkan untuk mewujudkan *one-stop centre*, dengan izin, yang boleh menempatkan dan memasarkan kuih-muih tempatan yang strategik dan menjadi tumpuan pelancong ke Labuan. Wujudkan satu premis khas yang strategik untuk bazar kuih-muih tempatan atau guna premis di bawah kelolaan MARA sedia ada yang difikirkan sesuai. Beri inisiatif dari segi sewa kedai dan kedai menjadi hak milik kekal selepas tempoh tertentu. Kedai peniaga-peniaga kuih-muih ini, untuk menyertai usaha ini, kita letakkan satu garis penanda atau KPI bagi suatu tempoh agar ia dapat ditambahbaik pada masa hadapan. Malah, harga jualan mungkin dikomersialkan agar mampu memberi lebih pendapatan kepada peniaga kecil-kecilan.

Saya juga ingin mengisukan langkah melengkapkan anggota keselamatan dengan seni mempertahankan diri atau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh berhenti sekejap Yang Berhormat. Ada satu usul daripada pihak Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan kepada Dewan.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****4.22 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 10 Disember 2014.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Iaitu langkah melengkapkan anggota keselamatan dengan seni mempertahankan diri ataupun tempur tanpa senjata.

Saya juga ingin menyentuh isu tahap keselamatan negara akhir ini serta nasib petugas keselamatan seperti pihak polis dan tentera. Hari ini kerap kali kita mendengar kes jenayah yang cuba ditangani oleh pihak berkuasa seperti pihak polis yang cuba menahan penjenayah terbabit tetapi akhirnya ditikam oleh penjenayah sehingga mati. Malah, ada yang parah serta melibatkan kematian. Lebih memilukan kita kes-kes penagih dadah yang sedang khayal dan tidak menyedari tindakannya itu telah bertindak menikam mati anggota polis yang cuba menahannya. Ini suatu yang amat kita kesali. Isteri kehilangan suami dan anak kehilangan bapa akibat kes jenayah seperti ini.

Setinggi pujian saya berikan kepada anggota keselamatan yang sanggup mempertaruhkan nyawa mereka demi keselamatan masyarakat. Mungkin pihak kementerian boleh memikirkan kaedah terbaik melengkapkan setiap anggota keselamatan dengan seni mempertahankan diri iaitu kaedah tempur tanpa senjata (TTS). Mungkin perlu ditambahbaik ke atas semua peringkat anggota dan tidak tertumpu kepada unit-unit khas sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tempur tanpa senjata merupakan salah satu seni bela diri yang diamalkan atau menggunakan tangan kosong sebagai penangkis serangan daripada pihak musuh. Ia menerapkan beberapa elemen mempertahankan seperti tangkisan, tumbukan, kunci dan berapa gerakan lagi. Tempur tanpa senjata biasanya diajar kepada pasukan pengaman dan angkatan

tentera, namun turut, saya difahamkan, diajar kepada orang awam. Tempur tanpa senjata atau dalam bahasa Inggeris ialah *unarmed combat* atau *hand to hand combat* adalah salah satu cabang tempuran secara dekat dengan izin, *closed combat* yang digunakan oleh pasukan tentera seluruh dunia. Jarak dekat bermaksud jarak yang membolehkan sentuhan fizikal.

Cadangan saya, mungkin kaedah seni mempertahankan diri ini dapat diajar ke semua peringkat termasuk kadet polis di sekolah agar murid-murid turut mempunyai asas seni pertahanan diri. Di samping dapat membina sahsiah diri, ia dapat menambahkan minat mendalami ilmu mempertahankan diri dan mungkin memilih kerjaya kepolisian dan anggota tentera sebagai kerjaya selepas menamatkan persekolahan mereka. Lihat contoh di negara luar seperti negara China, Korea Selatan dan Jepun di mana setiap anggota keselamatannya dilatih khusus untuk tempur tanpa senjata malah mahir menggunakan alatan seperti cota, pisau dan alatan lain.

Saya juga ingin mencadangkan ilmu persilatan Melayu sebagai seni mempertahankan diri yang wajib diajar kepada semua anggota pertahanan awam. Ambil contoh pada tahun 1971, seni Silat Gayung telah diperkenalkan kepada Angkatan Tentera Malaysia dan seramai 87 orang anggota pelbagai pangkat di seluruh negara telah berjaya menjalani latihan atau ujian. Pada tahun 1973, seni Silat Gayung telah diperkenalkan kepada Polis Diraja Malaysia. Seramai 40 orang anggota polis pangkat rendah telah berjaya menamatkan latihan itu.

Cuma isunya di sini, sejauh manakah ilmu persilatan hari ini masih menjadi model seni pertahanan diri ke atas penjawat awam? Adakah kementerian bercadang menerapkan semula serta memperkasakan ilmu silat ini bagi memantapkan lagi jati diri serta memperkembangkan kemahiran bagi menghadapi kadar jenayah yang semakin meningkat hari demi hari?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan mengenai gejala rasuah. Pada waktu dahulu, nama badan pencegah rasuah ini ialah BPR dan sekarang SPRM. Isu rasuah ini sebenarnya sudah menjadi barah yang saya kira perlu ditangani dengan segera. Disebabkan rasuahlah maka berlaku ketirisan, penyelewengan, salah guna kuasa, pecah amanah dan pelbagai lagi aktiviti jenayah yang melibatkan integriti dan menghakis kepercayaan rakyat terhadap golongan yang diberikan amanah atau kuasa. Disebabkan rasuah juga gejala jenayah dadah berleluasa, PATI bermaharajalela masuk ke negara kita, malah secara terang-terangan membuka perniagaan dan meneroka ladang haram dan sayur-sayuran seperti apa yang berlaku di Cameron Highlands sekarang ini.

■1630

Apabila sudah berlaku atau terjadi ini, di Cameron Highlands contohnya, barulah semua memberi perhatian. Bak kata pepatah Melayu, "*Sudah terhantuk baru tengadah*". Kita ada undang-undang, tetapi apa yang saya nampak amat lemah dari segi penguasaan. Apa isunya, adakah kurang kakitangan atau liabiliti integriti terlalu lemah, mudah disogok? Ini bukanlah saya menuduh secara melulu, tetapi jika difikirkan logiknya mengapa isu ini berlaku dan seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Kepada pihak kerajaan, fikirkanlah isu ini atau rasuah ini akan menyebabkan ekonomi kita runtun satu hari kelak, maruah bangsa tergadai dan kita bakal merempat di bumi sendiri dan negara kita bisa rebah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan UDA. Adakah rancangan bagi UDA untuk masuk dan membantu peniaga-peniaga bumiputera khususnya di Labuan? Saya faham konsep UDA ialah menumpukan kawasan bandar bersesuaian dengan namanya *Urban Development Authority*. Akan tetapi Labuan pada hari ini sudah menjadi *urban*, moden dan menarik ramai pelabur asing, perniagaan, pelancong. Disebabkan kepesatan ekonomi ini, harga tanah meningkat secara mendadak, rumah kedai, lot-lot ruang perniagaan melonjak naik dan harga sewaan tidak mampu disewa oleh peniaga-peniaga bumiputera terutamanya peniaga Melayu. Ini kerana majoriti mereka meniaga dalam skala yang kecil dan modal pusingan serta keuntungan yang minimum. Bukan setakat lot kedai, ruang serta *kiosk* di ruang legar kompleks membeli belah juga tidak mampu disewa oleh mereka.

Saranan saya, bolehkah pihak UDA pertimbangkan, perembangkan peranan mereka ke Labuan ini. Sekurang-kurangnya datanglah ke sana atau buatlah *service studies* dan lihat statistik terkini kedudukan peniaga Melayu dan nilai hartanah di Labuan. Bukan apa, jika dibiarkan sepuluh tahun dari sekarang, saya khuatir akan pupuslah peniaga bumiputera dalam Labuan. Mana mungkin mampu menyewa premis yang semakin melonjak naik harga sewanya, sedangkan keuntungan tidak seberapa. Harapan saya UDA sudi membantu bumiputera khususnya di Labuan.

Saya ingin menyentuh isu tempat saya sendiri iaitu isu Jalan Pancur Hitam di Labuan daripada Kampung Pantai ke Kampung Lajau. Saya minta pihak Kementerian Kerja Raya supaya dapat turun padang melihat keadaan kualiti pembinaan jalan raya yang berkenaan. Apa yang saya faham tempoh masa kecacatan pembinaan jalan berkenaan sudah tamat, tetapi mengapa jalan tersebut masih dalam keadaan tidak mengikut piawaian pembinaan lebuhraya Malaysia? Kita tidak boleh menerima sekiranya berlaku kemalangan baik kecil atau besar sebabkan struktur jalan raya yang tidak memuaskan. Untuk makluman, banyak aduan diterima daripada pengguna jalan raya berkenaan. Kualiti jalan raya itu tidaklah sebaik seperti yang diharap-harapkan.

Saya mohon supaya pihak JKR khususnya di Labuan, jika tidak boleh bertugas di Labuan, maka pindahlah ke tempat lain. Ini sudah lama berlaku, sudah dua kali saya isukan perkara ini di Dewan yang mulia ini tetapi jalan raya berkenaan masih lagi tidak memuaskan sama sekali. Soalan, apakah struktur jalan ini tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak JKR dan kementerian?

Isu satu ialah isu MARA dalam membantu menyediakan premis perniagaan kepada peniaga bumiputera di Labuan. Seperti isu UDA yang saya bangkitkan tadi, saya juga mohon agar pihak MARA dapat turun padang dan membantu peniaga bumiputera di Labuan. Isunya iaitu kadar sewaan premis berniaga yang terlalu tinggi dan tidak mampu ditampung oleh peniaga bumiputera. Ia berniaga secara kecil-kecilan, ada peniaga Melayu yang berniaga kuih muih tradisional yang margin keuntungannya kecil tetapi demi *survival* mencari nafkah menampung keluarga serta iltizam dan semangat mereka yang agar kuih-kuih Melayu tradisi yang tidak pupus di telan oleh zaman, mereka terus berniaga. Ini bukan cerita rekaan tetapi saya sendiri ada bertanyakan hal ini kepada salah seorang, kebanyakan oranglah, kuih tradisional di Labuan perlu diakreditasi untuk kemajuan mereka.

Saya khawatir jika dibiarkan, kelamaan peniaga bumiputera termasuk khasnya Melayu keluar dari premis perniagaan yang berniaga di tepi-tepi jalan dan bawah pokok, maka akan timbul satu masalah lain. Faktor keselamatan juga, faktor kemungkinan disaman, disita dan lain-lain. Soalan saya, bolehkah pihak MARA juga lihat, meninjau ke Labuan. Walaupun Labuan tempatnya kecil, bolehkah pihak MARA tubuhkan satu jawatankuasa khas untuk Labuan bahawa tidak ada harta satu pun daripada pihak MARA di tempat Labuan, di Labuan tempat saya sana. Apa salah jika mereka boleh membeli sederet kedai dan sebagainya, disewakan kepada bumiputera dan mungkin tingkat dua, tiga dan empat disewakan kepada peniaga bumiputera atau kontraktor-kontraktor kecil dan sebagainya. Kenapalah hingga barangkali ini sudah kebiasaan. Jika hendak pilihan raya, barulah orang kata kita berlompat-lompat untuk menemui rakyat dan macam-macam lah, janji dan sebagainya. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud.

4.37 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Belanjawan tahun 2015 ini yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini berjumlah hampir RM274 bilion. Ini merupakan satu peningkatan angka jika dibandingkan dengan jumlah tahun yang sebelumnya. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan bahawa belanjawan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor atau asas dan unjuran-unjuran yang dibuat berdasarkan kepada hasil yang akan dipungut. Pertanyaan saya ialah dengan harga minyak dunia yang turun, apakah unjuran-unjuran yang dibuat ini masih betul dan boleh digunakan?

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah mengenai kedudukan hutang negara. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah hutang negara mutakhir atau yang terkini? Apakah nisbah hutang negara berbanding dengan KDNK? Oleh sebab ada yang mendakwa bahawa hutang negara terus meningkat dan dibimbangkan apabila ia melebihi daripada suatu paras, maka kita berada dalam satu keadaan yang tidak sihat.

■1640

Perkara ketiga yang ingin saya tanyakan ialah kedudukan ringgit semasa, sebab kita merupakan sebuah negara yang mengeksport. Sudah tentu pada masa yang sama kita juga mengimport. Dengan kedudukan ringgit yang lemah, sudah tentu ia akan memberikan kesan yang negatif kepada negara dan sudah tentu kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pergi kepada hal yang dibangkitkan dalam teks ucapan belanjawan ini khususnya pada para 96, yakni menyejahterakan golongan pekerja. Antara lain

dikatakan bahawa Akta Kerja 1955 atau disebut dengan izin, *Employment Act of 1955* dan Akta Perburuhan yang lain akan dikaji semula. Ini terdapat dalam teks tersebut.

Saya ingin bertanya apakah pembaikan-pembaikan yang akan dilakukan sebab akta ini merupakan sebuah akta yang menyediakan *minimum standard* dengan izin, atau standard minimum kepada segolongan pekerja. Berbeza dengan di Sabah ada *Sabah Labour Ordinance* di Sarawak ada *Sarawak Labour Ordinance*. Akan tetapi bagi pekerja-pekerja di Semenanjung ini yang gaji mereka di bawah RM1,500, maka undang-undang ini terpakai kepada mereka.

Saya ingin bertanya, apa kesannya atas pindaan yang bakal dibuat misalnya kepada seksyen 59, seksyen 60, seksyen 60A, seksyen 60B, seksyen 60C, seksyen 60D dan seksyen 60E misalnya. Ini merupakan seksyen-seksyen yang menyediakan peruntukan minimum kepada golongan pekerja yang patut dilindungi.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia berkaitan dengan hal yang pernah saya timbulkan di Dewan ini, yakni mengenai pampasan kepada pekerja yang mana keputusan ataupun *award* dibuat oleh Mahkamah Perusahaan khususnya di bawah seksyen 30 di bawah Jadual Kedua.

Di bawah Jadual Kedua ini, apabila seseorang pekerja yang memfailkan kesnya di Mahkamah Perusahaan, maka had pampasan hanyalah kepada 24 bulan. Beberapa pandangan telah dikemukakan bahawa sebenarnya daripada mula seseorang pekerja itu dipecat sehinggalah kes beliau selesai, ia memakan masa lebih daripada 24 bulan.

Saya mohon agar hal ini dikaji semula sebab dalam hal ini ia tidak memerlukan dibawa balik di sini. Ia merupakan jadual di bawah peraturan di mana Menteri boleh membuat peraturan tersebut di mana dalam akta yang berkenaan memberi kuasa kepada Menteri. Pengalaman menunjukkan Tuan Yang di-Pertua bahawa banyak di kalangan pekerja yang kerugian akibat daripada kes-kes mereka lambat dirujuk ke mahkamah pertama, lambat diselesaikan oleh pihak mahkamah disebabkan oleh beberapa hal yang bukan dibebankan ke atas pekerja tersebut.

Selain itu, ia berhubung dengan soal *reskilling* dan *upskilling*. Ini memang sudah pun diamalkan di negara-negara maju seperti di Eropah. Akan tetapi pada masa yang sama ialah *reskilling* dan *upskilling* ini ada balasannya. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua ialah pihak majikan akan mengeksploitasi keadaan ini. Sebagai contoh misalnya, apabila ada *reskilling* dan *upskilling*, pekerjaan yang dilakukan oleh empat orang akan tinggal dua atau dua setengah orang sahaja. Di satu pihak ertinya dia mempunyai kemahiran tetapi adakah kemahiran dan peningkatan kemahiran itu setimpal dengan gaji yang dia terima?

Tuan Yang di-Pertua, memang benar adalah suatu hal yang sangat penting berhubung dengan isu penamatan kerja. Saya pernah beberapa kali di Dewan yang mulia ini, membangkitkan hal penamatan kerja dan adakah peluang bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baru? Pertama. Keduanya ialah adakah mereka semasa tidak mempunyai pekerjaan tersebut diberikan bantuan untuk meneruskan kehidupan?

Di Thailand sebagai contoh, memang ada satu skim di mana sementara seseorang itu hilang pekerjaan dan mendapat pekerjaan baru, maka dia akan dibantu oleh pemerintah dan dapat beliau membantu dirinya dan keluarganya. Akan tetapi ini tidak bererti sama sekali bahawa kita menggalakkan orang supaya jangan mencari pekerjaan, itu tidak benar. Perkara yang penting ialah bagi mereka untuk meneruskan pekerjaan. Pertanyaan saya ialah apakah faedah penamatan yang akan diperkenalkan seperti mana yang disebut dalam teks ucapan belanjawan Menteri Kewangan pada Oktober yang lalu yang mana disebut faedah penamatan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum bahawa *trade union* atau kesatuan sekerja telah wujud di Malaysia ini lebih dari 100 tahun. Sayangnya ialah jumlah peningkatan atau peratusan pekerja yang memasuki kesatuan pekerja adalah rendah secara relatif berbanding dengan beberapa buah negara. Walaupun 100 tahun, ia masih lagi kurang daripada 10% daripada jumlah seluruh tenaga kerja yang ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang keliru malah tidak begitu jelas siapa yang memulakan *trade union* atau kesatuan sekerja di Malaysia ini. Sebenarnya bukan atas dasar *racist* atau perkauman tetapi yang menariknya ialah orang Melayulah yang memulakan gerakan kesatuan pekerja di Malaysia ini, orang Melayu.

■1650

Ianya berlaku di Pulau Pinang, 1994 sebuah kesatuan yang dipanggil Persatuan Engineer-engineer dan Kapitan-kapitan Melayu Pulau Pinang untuk menjaga kepentingan orang-orang yang bekerja dalam industri yang berkenaan di Pulau Pinang. Ertinya ada tanggapan yang salah jika ada yang mengatakan bahawa *Trade Union* ini atau Kesatuan Pekerja ini dikepalai oleh golongan tertentu, tidak benar. Akan tetapi ini bukan bererti kita membanggakan diri kita bahawa kitalah satu kaum atau satu bangsa yang mendahului, itu tidak benar juga.

Cuma saya meletakkan pada perspektif yang betul. Isunya ialah mutakhir bahawa penggiat-penggiat atau pemimpin-pemimpin kesatuan ini telah ditindas atau dianiayai. Banyak kes yang telah pun dibawa, dibangkitkan sama ada di Dewan di bawah kita ini atau di Dewan Rakyat dan juga di sini di mana berlaku semacam satu gerakan untuk menjadikan gerakan ini sebagai terkebelakang. Padahal ada kajian yang dibuat yang menunjukkan bahawa sebenarnya ianya merupakan satu gerakan yang juga menyumbang ke arah pembinaan ekonomi dan sosial di Malaysia ini.

Harapan saya ialah supaya Kementerian Sumber Manusia mengambil perhatian dan memberikan suatu fokus kepada hal yang saya bangkitkan ini dan sebagai cadangan bahawa Kementerian Sumber Manusia memulakan inisiatif untuk menterjemahkan Konvensyen 144, Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa yakni mengenai *tripatism* di mana Malaysia merupakan salah satu daripada penandatanganan ataupun pengiktiraf kepada konvensyen tersebut. Tidak ada ertinya kalau dijawab bahawa memang kita letakkan organisasi tertentu dalam organisasi-organisasi tiga pihak tetapi yang saya maksudkan di sini adalah dengan terjemahan yang sebenar, dipanggil ketiga-tiga, majikan, wakil pekerja, pemerintah duduk bincang dan cari jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Ada banyak konvensyen yang lain tetapi saya tidak mahu menimbulkan hal ini di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu kita membincangkan hal *Trans-Pacific Partnership Agreement* dan dalam dialog-dialog bersama dengan orang-orang dari Amerika, mereka antara lain membangkitkan soal *labor right* atau hak pekerja ini yang mahu dikaitkan dengan TPPA. Kita malah menyatakan bahawa kami tidak mahu saudara bercakap bagi pihak kami sebab ini negeri kami. Kami mahu perjuangkan sendiri. Ertinya adalah sesuatu yang agak aneh, hak pekerja diperjuangkan oleh orang lain sedangkan mereka mempunyai satu hal yang hendak dikaitkan dengan perdagangan. Saya dua tiga kali menyatakan minta maaf kita tidak mahu berbincang dalam soal semacam ini. Hak kami, kami akan bincang dan selesaikan di negeri kami.

Jadi oleh hal yang demikian, atas semangat tersebut saya mohon supaya kementerian mengambil perkara ini secara serius dan memulakan suatu inisiatif untuk mengadakan dialog ini di peringkat nasional, di peringkat negeri sampai ke peringkat daerah kalau boleh. Kalau tidak boleh, mungkin mulakan di nasional dulu. Bincang betul-betul, apa masalahnya, bagaimana kita mahu mengubah dan memberikan satu perspektif yang betul sepanjang mengenai gerakan-gerakan yang membawa manfaat kepada golongan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berubah kepada soal yang berkaitan dengan persekitaran yakni mengenai hal sungai. Sungai ini nampaknya di Malaysia sudah diabaikan terus. Kalau kita tengok sungai-sungai yang besar memang sangat mengecewakan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar haruslah melihat ini secara holistik dan memastikan bahawa hidupan air, ikan, udang dan sebagainya boleh kita tangkap dan boleh cukup untuk memberi makanan kepada rakyat di negara ini. Kalau kita perhatikan misalnya beberapa batang sungai yang cukup tercemar sehinggakan sudah tidak ada lagi. Misalnya udang galah pada satu waktu dahulu yang sangat terkenal di Johor, sudah mula sulit untuk kita dapat.

Selain itu, sungai-sungai ini juga dimasuki oleh ikan-ikan yang bukan habitat asal negeri kita. Maknanya bukan sahaja orang lain masuk ke negeri kita, ikan pun masuk ke dalam sungai kita. Misalnya apa? Keli Afrika, ini bukan ikan Malaysia. Tilapia bukan ikan Malaysia, pacu bukan ikan Malaysia dan ikan-ikan ini cukup cepat membiak menyebabkan ikan-ikan asal di negeri kita ini pupus. Ikan seperti kelah, tengas, temalian, tengalan, belida, lampam dan sebagainya. Sekadar menyebutkan beberapa jenis ikan sudah payah untuk kita dapat. Sekarang ini yang ada di dalam sungai kita adalah ikan-ikan yang cukup pelik yang kita tidak pernah lihat 30, 40 tahun yang lalu. Mengapa jadi demikian?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan sedikit. Pertama kali saya dengar pendatang haram ikan ini. Adakah Yang Berhormat mendapat fakta-fakta ataupun angka-angka berhubung dengan ikan-ikan haram yang menyerang sungai-sungai di Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Yang Berhormat. Secara *detail* saya tidak ada tetapi kita mengharapkan Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat membantu kita. Akan tetapi yang saya cakap ini berdasarkan kepada data empiris ertinya secara langsung. Kita pergi ke sungai-sungai tersebut maka kita akan nanti dapat jenis-jenis seperti mana yang saya katakan tadi. Nasib baik misalnya di Sabah dan Sarawak ikan-ikan seperti

semah, ikan tegal dan ikan empurau misalnya masih lagi boleh dipertahankan tetapi di sini terutama sungai-sungai yang di bahagian pertengahan dan hilir sungai sudah mulai dimasuki oleh ikan-ikan yang bukan ikan asal di tempat kita ini. Sulit.

Itu sebab ada satu gerakan di Amerika Syarikat tidak lama dulu, kalau saya tidak silap di *Mississippi* ada gerakan bersama rakyatnya menangkap puluhan ribu ikan-ikan yang datang dari tropika yang masuk ke dalam sungai mereka. Mereka tidak mahu ikan-ikan tersebut dan cuba membiakkan semula ikan-ikan asal yang berada di sungai seperti *trout*, *purse* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian saya mohon supaya Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya melihat ini secara serius dan mulai selain daripada memulihkan ikan-ikan asal kita, juga menambah pembenihan dan pembiakan supaya ia tidak pupus.

■1700

Kita lihat sekarang ini bahawa kadangkala lebih banyak penangkap ikan daripada ikan. Macam mana ikan boleh hidup dan boleh berkembang. Kita juga tidak ada budaya seperti di tempat lain di mana mereka telah terdidik sendiri. Apabila dia menangkap ikan, saiznya tidak cukup, dia akan lepaskan semula, di sini tidak. Mereka akan tangkap apa juga yang ada dalam sungai sehingga ikan-ikan sudah semakin pupus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengemukakan saranan berhubung dengan veteran ataupun bekas anggota tentera yang telah berkhidmat yang menghabiskan sebahagian waktu mereka dalam memberikan perkhidmatan kepada negara ini. Tidak payahlah saya sebut dengan panjang lebar, cuma ingin mengemukakan bahawa mengikut apa yang telah dilaporkan oleh akhbar. Ada di antara 62,000 hingga 80,000 bekas pegawai dan anggota yang tidak berpencen yang mana mereka ini adalah dalam khidmat singkat. Sama ada apa sebabnya itu perkara yang lain. Akan tetapi saya mohon supaya Kementerian Pertahanan mengambil perhatian untuk kumpulan ini, diberikan faedah bayaran pencen bulanan kerana mereka juga turut terlibat dalam berkhidmat untuk negara ini.

Selain itu adalah bekas atlet. Kita dengar- saya tidaklah ada cemburu ataupun rasa marah kepada artis, penyanyi dan sebagainya. Beberapa hari yang lepas ada beberapa nama artis yang disebut di sini, jadi tidak payahlah saya terlibat dengan hal itu. Saya terus kepada soal ini iaitu atlet. Mereka yang mengharumkan nama negara dalam semua peringkat sama ada peringkat negeri, peringkat nasional atau internasional. Ada misalnya sebagai contoh, petinju-petinju. Biasanya mereka ini akibat daripada sukan tersebut yang lasak akan menerima akibat daripada sukan tersebut.

Ertinya, apabila kena tumbukan di bahagian-bahagian tertentu termasuk di kepala mereka, ada kesan sampingan selepas beberapa tahun. Berilah pengiktirafan kepada mereka. Beri pengiktirafan kepada mereka dan juga kebajikan mereka. Ertinya, jangan hanya disanjung sewaktu mereka menang kemudian beberapa tahun selepas itu kita dengar dia terlantar dan ada orang yang masukkan ke dalam media sama ada media sosial dan sebagainya, kasihan. Jadi, saya mohon kepada Kementerian Belia dan Sukan melihat ini secara serius, membantu mereka ini. Saya tidak fikir mereka mahu banyak, mereka mahu untuk meneruskan kehidupan sebelum memejamkan matanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan pandangan berhubung dengan soal Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah pun merangka suatu piawaian kebangsaan yang dikenali sebagai, dengan izin, *National Human Resource Standard* (NHRS). Saya ingin bertanya, bilakah NHRS ini akan dilaksanakan? Saya tahu bahawa ianya sudah pun diperkenalkan atau telah dirasmikan oleh Menteri yang berkenaan di Sarawak tidak berapa lama dahulu tetapi apakah usaha untuk menterjemahkannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan suatu hal yakni suatu tabungan bagi isi rumah yang berpunca ataupun hasilnya daripada petroleum. Ianya merupakan suatu usaha untuk setiap isi rumah di Malaysia ini yang dilakukan secara berperingkat-peringkat. Dengan syarat bahawa tabung tersebut tidak boleh dikeluarkan sehingga antara 10 ke 15 tahun. Namun demikian, dividennya bolehlah diagihkan mengikut kiraan-kiraan tertentu. Ini boleh dilakukan dan saya sangat tertarik dengan apa yang telah berlaku di beberapa buah negara. Misalnya, Norway yang mempunyai kekayaan petroleum yang didapati daripada laut utara. Daripada anak lahir sehinggalah orang menjadi dewasa, mereka sangat merasa terjamin akibat daripada suatu sistem yang baik yang dilakukan di sana.

Namun demikian, ianya tidak bolehlah kita samakan sebab ada pepatah yang mengatakan, "*Tidak ada satu saiz muat semua*". Namun demikian, kita mestilah mempunyai satu ikhtiar untuk memastikan bahawa anak cucu kita di masa hadapan mempunyai jaminan tersebut. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tertarik hati dengan- yang sebenarnya saya hendak kumpulkan soalan-soalan tetapi sebab sudah terakhir ini. Soalan yang saya cukup tertarik hati apabila Yang Berhormat menegaskan tadi di Amerika Syarikat, ikan-ikan yang ditangkap mestilah mengikut saiz. Saya rasa ini satu perkara yang patut kita pelajari. Ini kerana di Malaysia ini kita tidak menginterpretasikan peraturan ini. Bukan sahaja ikan-ikan bahkan ketam, udang. Kalau belum akil baligh lagi iaitu belum cukup umur, mereka akan lepaskan.

Akan tetapi di Malaysia ini kita lihat pada hari ini udang pun susah hendak jumpa yang besar, ketam pun sudah kecil, kerang pun sudah kecil, kupang pun sudah kecil kerana kita tidak ada standard *procedure* yang telah diamalkan oleh US. Persoalan saya Yang Berhormat, mungkin saya mengharapkan kalau Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan, kementerian yang berwajib supaya kita juga mengamalkan sistem yang sama yang telah diamalkan oleh US. *Insyallah* saya rasa masalah-masalah kekurangan makanan laut dapat kita perbaiki. Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih. Di Dewan yang sama ini pada sesi yang lalu. Saya telah membangkitkan soal kepupusan ikan terubuk. Pada suatu waktu, ikan terubuk ini daripada Kuala Linggi sampai ke Benut, itu merupakan tangkapan ikan terubuk. Orang memang kalau daripada Negeri Sembilan sampai ke Melaka sampai ke Johor, malah kalau pergi Melaka yang saya tahu, kenduri-kenduri kalau tidak ada asam pedas itu bukan kenduri dan mestilah ikan-ikan seperti yang saya sebutkan tadi.

Namun, ikan terubuk itu hilang. Tidak ada lagi. Sahabat saya Dato' Adam pernah menyokong apa yang saya sebutkan ini. Ertinya apa? Kita tidak ada langsung satu kepedulian hinggakan ertinya pukut-pukat tunda ini menunda luar daripada batasan. Sepatutnya ia tidak boleh menangkap ikan yang dihadkan kepada nelayan pantai tetapi ia tidak peduli dan pada alasannya ikan-ikan itu akan menjadi ikan baja. Di Laut Bering...

■1710

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah patut kita Malaysia mengharamkan pukut tunda? Akan tetapi untuk berlaku adil kepada nelayan-nelayan yang sekarang ini mengoperasi pukut tunda supaya mereka berubah dalam jangka masa lima tahun misalnya, kepada pukut tangkul. Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Adam. Yang Berhormat tentunya lebih arif dari saya sebab Yang Berhormat pernah terlibat langsung dalam hal ini. Jadi, pandangan-pandangan yang boleh menyelamatkan spesies ikan dan juga memastikan bahawa hasil ikan ini berkekalan, itu patut dilaksanakan. Sama ada ianya bernama pukut tunda atau apa sekalipun. Malah kalau di sungai Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana sebahagian orang yang tidak berdisiplin meletupkan tempat-tempat tertentu hingga memusnahkan anak-anak ikan sebagai contoh atau meracuni ikan-ikan tersebut.

Ini adalah hal yang berkaitan dengan pendidikan. Misalnya, kalau kita lihat seperti mana yang dipaparkan dalam televisyen, bayangkan penangkap-penangkap ketam di Laut Bering. Siapa pun tidak datang ke sana dengan keadaan ribut, dengan keadaan gelombang yang besar dan sebagainya. Namun, mereka ini ada disiplin, dia tangkap ketam itu dan dia ukur dahulu. Kalau tidak cukup, dia buang balik. Itu maknanya disiplin dia. Tidak ada siapa yang tengok dia. Hanya dia dengan *Allah* Taala sahaja tetapi apabila sampai naik ke atas kapal, dia ukur dahulu...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit, Yang Berhormat, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, disiplin memang saya setuju. Akan tetapi di Amerika Syarikat ia telah dijadikan satu undang-undang iaitu kalau didapati seorang nelayan menangkap ketam yang masih kecil, bahkan boleh di bawa ke mahkamah. Disiplin betul tetapi kalau undang-undang itu kita buat dengan keras yang kita mulakan daripada sekarang, *insya-Allah* dapat membantu mendisiplinkan nelayan-nelayan ini.

Cadangan saya Yang Berhormat, apakah tidak boleh kita mencadangkan kepada pihak kerajaan, cara US menjalankan undang-undang mereka untuk kepentingan negara kita. Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Sementara saya bersetuju dengan pandangan tersebut,...

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tadi Yang Berhormat bercakap fasal ikan terubuk. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah spesies ikan terubuk Yang Berhormat sebut tadi di Johor sampai ke Negeri Sembilan itu, adakah bersamaan dengan ikan terubuk di Sarawak? Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya, air di Sibuyau itu lain. Air di Sibuyau itu berlainan dengan air Sungai Linggi. Itulah jawapan saya, jadi maknanya spesiesnya sudah tentu lain. Empurau di Sarawak itu berbeza dengan kelah di sini. Kelah di Utara Semenanjung berbeza dengan kelah di Selatan Semenanjung. Kelah di Utara Semenanjung ini dikenali sebagai *tor tambroides*, manakala kelah di Selatan Semenanjung itu dikenali sebagai *tor douronensis*. Dua benda yang berbeza tetapi panjanglah cerita hal-hal ikan ini. Saya ringkaskan, bahawa memang saya bersetuju tetapi soal undang-undang satu fasal, pendisiplinan manusia itu satu fasal yang lain.

Maknanya, penguatkuasaan undang-undang itu penting tetapi macam saya kata tadi, kalau di tengah lautan yang bergelora dan sebagainya...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa banyak, ramai yang berminat dengan perkara ini. Apa salahnya kalau saya cadangkan, nampaknya Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, Tan Sri Professor, Dato' Adam dan sebagainya, gembangkan usaha, buat satu kertas kerja, cadangkan kepada kementerian yang berkenaan, kita tengok apa tindakan mereka. Kalau kita bercakap dekat sini macam-macam nanti agaknya jawapan itu esok nanti menyakitkan hati. Selepas itu saya fikir lebih baiklah begitu, kita ubah *mindset* kita juga. *Approach* kita ini dan perkara itu penting kerana ini bukan soal *prequel, we have to look holistically* dalam bentuk kesemuanya.

Oleh itu saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat, cadangan itu bagus. Ini yang menunjukkan sekarang ini tidak kira di mana sama ada pembangkang atau sebagainya, *we are* Senator-senator yang betul-betul bersatu dan yang baik itu kita sokong. Selepas itu sekarang saya fikir, saya cadangkan berkumpul, *give your ideas*, kemukakan melalui saya dahulu, saya kemukakan kepada Kementerian Pertanian. Saya rasa itu lebih efektif. Sekian, terima kasih. Yang Berhormat tanya lagi, Dato' Lim ada apa itu?

Dato' Lim Nget Yoon: Tidak, ini lain.

Tuan Yang di-Pertua: Pahang banyak ikan yang sudah teruk, yang sudah mati Yang Berhormat. *[Ketawa]* Okey, silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya bukan hendak sentuh tentang ikan di sungai. Tentang akta dan penguat kuasa. Kita memang sekarang pun dibangkit-bangkit dan ada pihak tertentu menentang kerajaan untuk mengatakan akta yang itu di laut sebab kita hendak melonggarkan jaring hendak tangkap ikan, hendak besarkan saiz itu.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Lim Nget Yoon: *[Ketawa]* Jadi, yang itu akta itu untuk melindungi supaya ikan sangat kecil ditangkap dan...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, okey Yang Berhormat. Kita faham sudah. Saya minta cadanglah Yang Berhormat, masa pun sudah tidak mengizinkan, sudah lama sangat itu, Yang

Berhormat cuba gulung dan cuba ambil dan fikir apa yang saya cadangkan tadi, jadikan satu inisiatif daripada Dewan Negara.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ini satu saranan atau satu cabaran juga kepada kami yang perlu diambil secara serius kerana ini soal rakyat. Ini bukan soal partisan. Jadi, saya berterima kasih atas saranan tersebut. Apabila Tuan Yang di-Pertua menyebutkan soal bukan pembangkang dan sebagainya, itu yang hendak sebutkan di sini. Selalu sangat...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada pembangkang Yang Berhormat, tidak ada pembangkang.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Bukan itu maksud saya, dengan hormat Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya, kalau boleh kita ubahlah perkataan pembangkang ini. Di tempat lain dipanggil sama ada oposisi ataupun minoriti. *Opposition leader* itu disebut Ketua Oposisi ataupun *Minority Leader* ataupun Ketua Minoriti.

Tuan Yang di-Pertua: *Point taken*, minoritilah.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *Minority Leader*, bangkang ini dalam konotasi Melayu sangat negatif, sangat negatif. Sedikit pembangkang, pembangkang, sedangkan kita membuat juga perkara-perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul itu Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Jadi, oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya diubahlah, kita kata pihak minoriti, pihak majoriti. Habis cerita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya ingin sebut ini kerana sahabat saya Dato' Dr. Firdaus akan meninggalkan kita. Jadi, saya tadi sebut daripada awal mengenai kita kena berhemah dan berwaspada dan *bersiagor* kata orang Minang. Ini yang dinukilkan oleh orang Minang. Ini tidak payah dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Teruskan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ini bukan Bahasa Melayu standard. Ini jadi kena minta.... *[Bercakap dalam bahasa Minang]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Firdaus, ambil ingatan jawabnya nanti. Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya silakan- ini sebab ramai kita hendak bercakap lagi ini, sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian.

5.19 ptg.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut serta berbahas di dalam Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun 2015.

■1720

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekalu Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu bajet bagi tahun 2015 yang bertajuk "*Ekonomi Keperluan Rakyat*". Jadi, saya kira ini satu-satunya yang saya fikir satu yang sangat

komprehensif khususnya untuk memastikan pembangunan ekonomi bagi tahun 2015 dijana dengan betul.

Walaupun ada di antara sahabat-sahabat khususnya kumpulan minoriti tadi memohon supaya bajet ini dikaji semula oleh kerana kejatuhan harga minyak dan juga kejatuhan nilai ringgit di pasaran tetapi kita perlu ingat juga bahawa aktiviti ekonomi walaupun kejatuhan nilai ringgit itu, dia akan ada juga kebaikannya kepada negara yang menerima kejatuhan nilai mata wangnya itu. Maka, orang-orang lebih suka berdagang ke tempat itu dan pelancong pun akan datang ke tempat itu. Jadi bermakna, pendapatan yang dijangkakan oleh kerajaan saya ingat tidak akan terjejas begitu teruk sekali.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh khususnya berhubung dengan Akta Hasutan walaupun telah banyak diperkatakan oleh kawan-kawan. Kita ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju mengekalkan Akta Hasutan malahan ingin memperkuatkan dan memperkemaskan lagi Akta Hasutan. Saya kira kita perlu memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pastikan juga Akta Hasutan ini bukan sahaja setakat dua perkara yang disebutkan itu, misalannya untuk membawa Sabah, Sarawak keluar daripada Malaysia dan juga selain daripada itu berkenaan dengan agama Islam. Selain daripada itu, kuatkan lagi kerana Akta ISA kita sudah tidak ada dah. Inilah yang tinggalnya senjata untuk hendak memastikan bahawa keamanan di negara ini terus terpelihara dengan utuh.

Saya kira semua yang ada dalam Dewan dan juga yang juga di luar Dewan sana tidak mahu keadaan yang ada hari ini tergugat. Tidak mungkin kalau kita tidak mempunyai akta yang begitu baik, yang kuat, kita boleh bersidang Tuan Yang di-Pertua dengan baik pada hari ini sampai pukul 7 malam.

Saya kira kita semua kena memberi satu sokongan yang kuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk meneruskan akta ini dan malahan perbaiki kerana kalau masa kita masih ada, kita masih memerintah, esok bila kita sudah tidak ada baru kita ingat. *"Oh, aku dahulu sudah memerintah, sekarang aku sudah tidak memerintah lagi."* Jangan jadi sampai macam itu. Akhirnya, esok kita dicemuh oleh anak-anak cucu kita. Jadi, itu saya kira semua orang bersetuju.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga- walaupun sahabat-sahabat telah menyebut khususnya berhubung dengan berkenaan dengan elaun atau gaji Ahli-ahli Parlimen. Jadi, semuanya tadi bersetuju dan termasuk kumpulan minoriti pun bersetuju supaya gaji Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara disamakan kerana tugas Dewan Negara dengan Dewan Rakyat saya kira serupa sahaja. Malahan, Dewan Negara ini kawasan dia satu negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ini selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini, terpaksa melawat 852 kampung. Jadi, satu tahun tidak habis. Itu kampung-kampung yang didaftarkan, tidak masuk lagi kampung-kampung kecil ini. Jadi, lebih besar daripada Datuk Bung lagi. Ada juga cadangan supaya satu penggal lima tahun, saya ingat semua orang bersetuju...

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, berhubung dengan gaji Ahli-ahli Dewan Negara ini, saya pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Sumber Manusia dan Korporat di salah sebuah GLC. Ini hendak cerita pengalaman. Elaun kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah menghadiri mesyuarat, satu mesyuarat RM1,000. Mesyuarat pentadbiran RM1,000, Mesyuarat Lembaga Pengarah RM1,000, Mesyuarat Perolehan RM1,000. Kalau hari itu ada tiga mesyuarat, dia akan dapat RM3,000. Sebagai Ahli Dewan Negara, yang paling tinggi penggubal undang-undang di negara ini, elaun mesyuarat kita RM200. RM200 sahaja elaun mesyuarat. Bagaimana?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Kalau tiga kali mesyuarat pun hari ini, pun RM200 juga. Sampai pukul 7 malam pun RM200, sampai pukul 11 malam pun RM200, sampai pagi esok pun RM200.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Jadi, di mana ini? Ini memang patut- dan dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana gaji penggubal undang-undang Dewan tertinggi ditentukan oleh orang lain? Gaji dia orang, kita yang tentukan termasuk hakim, gaji dia pun kita yang luluskan. Ini gaji kita? Bak kata Yang Berhormat Datuk K, orang lain yang tentukan. Sepatutnya di kalangan Ahli-ahli Parlimen mesti ada jawatankuasa dia yang menentukan gaji dia, bukan orang lain tentukan. Setuju tidak?

Beberapa Ahli: Setuju.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah, Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila dengar ucapan Yang Berhormat itu, saya cukup sedih sebab kalau di UiTM, di universiti, 48 ini dia budak hingus meleleh lagi lah, cukup-cukup rendah. Akan tetapi kita ini semua majoriti saya pandang kiri kanan, ini bukan calang-calang orang. Takkanlah bagi 48. Itu pengalaman saya sendirilah.

Kedua, kalau hendak bagi pun, kita sepatutnya selaraskan dengan Ahli-ahli Parlimen. Kenapa kita diskriminasikan? Seolah-olah kita ini lebih inferior. Ini yang satu persoalan apabila saya masuk Dewan ini, saya pandang kiri kanan, saya pun turut bersimpati. Bukan sahaja kepada Yang Berhormat, kepada diri saya sendiri. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya campur sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sebenarnya hendak mengulang apa yang saya katakan tadi tetapi barangkali dengan nada dan bahasa yang agak lain sedikit.

Okeylah Yang Berhormat Dato' Olian, Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim minta supaya gred itu ditinggikan. Okeylah, itu permintaan yang agak, dengan izin, *higher expectation*. Akan tetapi yang paling realistik saya rasa apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua kali, itu

laksanakan dahulu. Lebih realistik, tidak memerlukan perundangan baru. Hanya memerlukan pematuhan janji yang telah dibuat.

Sewaktu membentangkan bajet ini dahulu, Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan mengatakan segala gaji dan elaun baru ini akan berkuat kuasa mulai bulan Januari. Itu dalam Oktober yang lalu. Pagi tadi saya menyebut tentang apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat dalam bajet empat tahun yang lalu. Ditangguhkan, ditangguhkan. Jadi, saya rasa sebelum kita meminta untuk kenaikan-kenaikan yang kita harapkan itu, kemudian itu, yang penting ialah apa yang telah dijanjikan, tolonglah itu diberikan dahulu. Saya minta Yang Berhormat Dato' Olian dapat setuju ini.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Firdaus dan juga Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim. Saya setuju semua sekali itu. Kalau *back date* daripada tarikh yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang itu pun memang kita cukup setuju.

Jadi, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin pergi kepada persoalan pembangunan khususnya pembangunan yang berlaku di dalam negara kita ini. Akhir-akhir ini, isu yang berbangkit ekoran daripada pembangunan yang mungkin tidak begitu terancang dengan betul, kos rumah, harga rumah meningkat begitu tinggi khususnya di Lembah Klang. Saya pernah membangkitkan isu ini. Apa salahnya kalau pembangunan-pembangunan ini dibawa keluar, bukan tertumpu di Lembah Klang sahaja.

■1730

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau saya boleh sebut sebentar. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, cadangan tadi kalau boleh majoriti menyokong nampaknya termasuk minoriti, yang mana terma ataupun masa itu bagi setiap Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun ke lima tahun. Akan tetapi jangan lupa Yang Berhormat, dalam Perlembagaan kita 45(3a), dia hanya menyatakan tiga tahun sahaja. Kalau hendak buat pindaan Perlembagaan ini, kita perlukan 2/3 majoriti dalam Dewan Rakyat. Perlembagaan kita setakat ini ada undang-undang hanya tiga tahun sahaja. Bermakna minoriti terpaksa sokong majoriti dan bila dapat 2/3, selamat boleh pinda Perlembagaan kita, bukan di peringkat Dewan Negara tetapi Dewan Rakyat.

Perkara ini juga, sama juga yang kita laungkan sekarang kalau Yang Berhormat baca dalam Laporan Tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, dalam akta itu ada juga beberapa peruntukan yang tidak begitu kemas yang melibatkan perlu pindaan Perlembagaan. Sekarang kita tidak boleh pinda Perlembagaan kerana kita tidak cukup 2/3 majoriti tetapi dalam pendekatan minoriti bersama majoriti, *insya*-Allah ini boleh dilakukan. So Yang Berhormat daripada minoriti, cubalah pengaruhi kawan-kawan di Dewan Rakyat itu sokong. Ini menunjukkan kebahagiaan Dewan dan Parlimen dapat kita semadikan. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu cadangan yang sangat baik dan kita juga berharap bahawa maknanya majoriti ini memang sudah setuju, tinggal lagi kumpulan minoriti. Maknanya kena mempengaruhi minoriti juga yang ada di dalam Dewan Rakyat supaya kita boleh bawa dan tempoh kita ini dilanjutkan sehingga lima tahun.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan berhubung dengan isu pembangunan khususnya di Lembah Klang ini yang saya lihat pembangunan yang tidak begitu, saya kira terlebih pembangunan yang berlaku di Lembah Klang ini sehingga mengakibatkan berbagai-bagai masalah sosial yang berlaku. Dengan jalan raya yang hari-hari sesak, anak-anak yang baru keluar universiti hendak memiliki rumah pun tidak boleh. Ada siapa hari itu menyebut bahawa semasa dia itu, dia boleh membeli rumah dengan harga RM50,000, hari ini tak boleh beli. Ketua minoriti yang menyebutnya. Jadi ini, soal pembangunan ini saya kira kena bawa keluar. Kalau semua pembangunan ditumpukan di Lembah Klang ini dengan semua pembangunan yang hebat-hebat, maka sudah pasti semua orang akan tertumpu ke Lembah Klang, bawa keluar.

Juga dalam soal ini saya ingin membangkitkan, telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Adam tadi iaitu berhubung dengan pembangunan luar bandar yang memperuntukkan peruntukan yang begitu sedikit. Peruntukan yang diuntukkan untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kalau dua-dua itu kita campur lebih kurang baru RM10 bilion, sedangkan pembangunan yang dibuat untuk buat MRT sahaja di Lembah Klang ini lebih daripada RM25 bilion. Kerajaan kena ingat, sokongan yang diperoleh oleh kerajaan adalah semuanya dari kawasan luar bandar. Kalau tidak, kita tidak boleh wujudkan kerajaan hari ini. Jadi oleh sebab itu, bangunkan kawasan luar bandar.

Baru-baru ini saya berkesempatan bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pekan, satu pembangunan yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Lihan Jok iaitu konsep agropolitan. Ini saya kira satu pembangunan yang sangat bagus, yang sangat cantik, yang sangat sesuai untuk kita bangunkan kawasan luar bandar dengan disediakan pembangunan ekonomi untuk mendapatkan, meningkatkan ekonomi orang-orang yang miskin di luar bandar, disediakan kediaman yang baik dengan kawasan rekreasinya, malahan anak-anak untuk nak bermain futsal pun disediakan sekali. Ini saya kira satu pembangunan yang sangat cantik, yang sangat baik. Jadi kita menyeru kepada pihak kerajaan supaya pembangunan-pembangunan yang macam ini teruskan supaya kawasan-kawasan luar bandar itu boleh didiami dengan selesa, dengan baik. Jadi anak-anak kita tidak payah dia masuk ke bandar ini, dia boleh duduk di luar bandar juga, boleh mendapatkan pendapatan beribu ringgit setiap bulan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebenarnya sebagai wakil kepada masyarakat Orang Asli di Dewan Negara ini, kalau tidak sebut yang ini nanti pun saya tidak boleh balik. Saya hendak ucap terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan RM352 juta bagi tahun 2015 kepada masyarakat Orang Asli di negara ini. Ini satu peruntukan yang sangat besar, yang tidak pernah diperoleh oleh masyarakat Orang Asli di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini merupakan orang yang saya kira sangat prihatin khususnya berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di negara ini, termasuk juga Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sehinggakan hari ini berapa ramai sudah

anak-anak Orang Asli boleh melanjutkan pelajaran ke luar negara yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Mana ada kerajaan lain lagi selain daripada Kerajaan Barisan Nasional yang sangat prihatin kepada masalah rakyat.

Jadi Orang-orang Asli di luar sana tidak usahlah fikir banyak, tidak usah pilihlah orang lain. Baru-baru ini pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kata Orang Asli ini kita kena tolong kerana dia orang ini penyokong tegar Barisan Nasional. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut beberapa dapatan ataupun kajian yang dibuat oleh UNICEF bersama dengan EPU dalam hendak membentuk dasar pembangunan bagi masyarakat Orang Asli bagi tahun 2014. Antaranya dalam kajian yang didapati ini menyebut beberapa bahawa Jabatan Orang Asli ini perlu dijenamakan semula. Kena minum air, air tidak ada. Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, sabar dulu. Antaranya Tuan Yang di-Pertua, bahawa Jabatan Kemajuan Orang Asli ini perlu distrukturkan semula. Ini bukan saya sebut, ini kajian yang dibuat oleh EPU bersama dengan UNICEF. Kerana apa? Ini kerana perjawatan yang ada di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini begitu rendah sekali.

Umpamanya pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli peringkat daerah baru S17. Jadi bagaimana S17 atau S22, bukan kita hendak menghina dia orang ini, bukan, bukan itu niat dia. Bagaimana dia orang hendak mengendalikan pembangunan dan hendak berhadapan dengan satu masyarakat yang begitu kompleks, hendak menyuarakan masalah di peringkat pentadbiran daerah. Jadi oleh itu, saya mohon supaya khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula daripada segi perjawatan yang ada di Jabatan Kemajuan Orang Asli ini supaya ia lebih menarik dan lebih menarik minat penjawat-penjawat awam untuk bertugas di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Ini kerana kita tidak mahu yang dihantar ke Jabatan Kemajuan Orang Asli ini seolah-olah orang yang sudah tidak berapa laku di jabatan lain, hantar ke situ kerana perjawatan dia begitu rendah. Jadi oleh sebab itu perlu dikaji dengan baik supaya perjawatan dia lebih baik dan lebih menarik.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sebut iaitu ini pesan orang kampung saya, orang-orang di bawah sana. Dia kata sampai bila lagi Jabatan Kemajuan Orang Asli ini hendak melantik ketua pengarah dia daripada kalangan masyarakat Orang Asli kerana hari ini saya fikir ramai sudah anak-anak Orang Asli yang sudah punyai kelulusan, yang punyai kebolehan yang boleh menjawat jawatan, malahan ada yang sudah jadi profesor, yang jadi berbagai-bagai, jadi *engineer* dan sebagainya.

■1740

Jadi dah sampai masa dan ketikanya bahawa jawatan ketua pengarah itu dilantik daripada kalangan Masyarakat Orang Asli. Begitu juga laporan ini Tuan Yang di-Pertua menyebut bahawa Akta 135 iaitu Akta Orang Asli yang digubal pada tahun 1954 perlu disemak semula ataupun dipinda beberapa perkara yang penting di dalam itu untuk menyesuaikan dengan keadaan persekitaran pada hari ini. Ini juga kena diambil tindakan. Dalam soal itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bahawa dan saya pernah sebut juga di dalam Dewan ini iaitu berhubung dengan pemilikan tanah oleh masyarakat Orang Asli. Bajet yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 2015

agak besar, jadi saya mohon supaya diperuntukkan satu peruntukan yang cukup untuk menyukat kawasan-kawasan penempatan Orang Asli ini dan akhirnya kawasan mereka diwartakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, hendak sebut juga ini berkenaan dengan perolehan ataupun tender-tender, sebut-sebut harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Saya mempunyai data-data dia iaitu tahun 2009 lebih kurang RM29 juta, tetapi yang ditawarkan kepada kontraktor Orang Asli, koperasi-koperasi Orang Asli hanya 8.6%, RM2.4 juta. Jadi ini kita mohon supaya dipertingkatkan. Begitu juga tahun 2010 lebih kurang RM47 juta yang diperoleh oleh kontraktor Orang Asli tidak sampai 1% pun. Jadi ini amat menyedihkan. Tahun 2011 hampir RM30 juta sebut harga, tender dan pelbagai yang dikeluarkan oleh Jabatan Orang Asli, 3.7% sahaja yang diperoleh oleh kontraktor Orang Asli.

Tahun 2012, RM48 juta hanya ditawarkan kepada koperasi dan juga kontraktor Orang Asli 7.3%. Jadi ini sesuatu yang sangat menyedihkan dan kalau ada di kalangan kontraktor-kontraktor ini yang tidak mempunyai kebolehan, maka sudah menjadi tanggungjawab, Jabatan Kemajuan Orang Asli, jabatan yang bertanggungjawab untuk membangunkan Orang Asli untuk melatih kontraktor-kontraktor ini agar dia orang mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan dan boleh bersaing dengan lain-lain kontraktor dan akhirnya mereka menjadi kontraktor yang bagus, yang baik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga berkenaan dengan ini bukan pasal Orang Asli, orang lain. Ini hendak sebut berkenaan dengan kos peningkatan, sara hidup hari ini yang meningkat begitu tinggi. Barangan-barangan dikawal oleh kerajaan, pelbagai barangan dikawal oleh kerajaan, tetapi kawal gula, kawal susu tetapi apabila dia sudah jadi teh 'O', jadi milo, jadi *nestcafe*, jadi kopi 'O', jadi kopi, jadi teh 'C', jadi teh tarik dan sebagainya tidak dikawal. Jadi ini juga saya fikir Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) harus melihat supaya perkara-perkara yang macam ini tidak meningkat begitu tinggi.

Umpamanya saya baru-baru ini membeli goreng pisang. Empat *slice*, dengan izin, empat *slice* goreng pisang harga RM2. Jadi ini saya ingat ini tidak masuk akal. Sedangkan kos dia membeli pisang, menggoreng pisang itu tidak mungkin sampai begitu sekali. Jadi ini saya ingat kementerian kena tengok betul-betul. Ini juga kadang-kadang yang menyebabkan rakyat marah kepada kerajaan. Semuanya apabila berlaku rakyat akan marah pada kerajaan, walhal kadang-kadang bukan disebabkan oleh kesilapan kerajaan, ini disebabkan kerakusan, disebabkan oleh tidak bertimbang rasanya peniaga-peniaga yang ada di dalam negara kita. Jadi yang akhirnya jadi mangsanya adalah kerajaan.

Jadi dalam hal itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berucap panjang lagi kerana kawan-kawan pun ramai lagi yang ingin berucap, dan saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

5.45 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2015 ataupun lebih dikenali sebagai Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib pada 10 Oktober. Saya berdoa dan bersyukur pada Tuhan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berasa di Dewan yang mulia ini bagi penggal kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Presiden MIC, Datuk Seri G.Palanivel, Timbalan Presiden MIC, Dato' Seri Dr. S. Subramaniam dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua di atas sokongan yang diberikan dan kepercayaan kepada saya.

Sejak kebelakangan lima tahun yang lalu, terdapat banyak *indicator-indicator* ekonomi yang menunjukkan ekonomi Malaysia bertambah kukuh dan pendapatan per kapita telah meningkat 50% daripada USD6,700 ke USD10,060. Baru-baru ini indeks Bursa Malaysia telah mencatat 1,892 mata, paras yang tertinggi dalam sejarah Malaysia dan kita juga dimaklumkan bahawa kemasukan pelabur asing adalah sebanyak RM38.7 bilion. Satu lagi pencapaian tertinggi dalam sejarah Malaysia. Saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia atas kejayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 15 tahun saya tinggal di kawasan Bukit Gasing, Petaling Jaya. Baguslah tempat ini, dengan izin, *I find it very peaceful*. Di hadapan bilik *master bedroom* saya itu, lebih kurang *straight line*, dengan izin, 700 meter ada sebuah masjid, cantik betul waktu malam dengan lampu-lampu dia. Selepas itu kalau kita pergi daripada masjid lebih kurang 500 meter, sebuah kuil India, Kuil Mariamman, atas bukit pula 100 meter daripada rumah saya ada dua kuil, Kuil Sivan dan Kuil Kali. Kalau keluar rumah saya pergi jalan, pergi kiri pergi kanan ada tiga gereja. Kuil Cina, Dato' Boon. Watt Siam pun ada.

Kalau saya bawa kereta 10 minit boleh sampai rumah ibadah kaum saya sebuah Gurdwara. Jiran saya pula berbangsa Melayu, sebelah kanan, sebelah kiri seorang India dan jiran dia pula orang Cina. Pada hari Jumaat tengah hari keluar jalan *jam*, sebab semua pergi sembahyang solat. Malam pula *jam* lagi, orang India pergi sembahyang ke kuil. Keluar hari Ahad pagi *jam* pula, semua orang pergi gereja.

Kereta pula dia *parking* tepi kiri kanan jalan tiga *lane* jadi satu *lane*, tetapi ini tidak menjadi satu hal. *This is not an issue*, dengan izin. Tidak ada masalah, *not a problem at all*. Untuk kita semua di Petaling Jaya kita tidak rasa marah, tidak rasa benci langsung. Itulah saya hendak beritahu di sini dengan izin, *the beauty of this country- colors of Malaysia*. Itulah keunikan negara kita, bukan tahap makan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya sebut satu Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

■1750

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Saya hendak tanya sikit sahaja tentang kepelbagaian Yang Berhormat Dato' Jaspal sebutkan itu tadi, memang sangat kita alu-alukan. Akan tetapi di samping kepelbagaian itu, yang tidak kurang menjadi masalahnya ialah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin, kesenjangan. Kesenjangan dari pemilikan pelbagai kemewahan Yang Berhormat Dato' Jaspal sebut itu. Saya hendak tahu, selain daripada Tan Sri Johan Jaafar di sebelah kanan rumah Yang Berhormat Dato' Jaspal itu, berapa orang Melayu yang tinggal di bukit itu berbanding dengan orang Cina dan orang India? Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Bukit Gasing itu Yang Berhormat, besar. Kalau jalan saya itu, ada selain daripada Datuk Johan ada tiga rumah Cina. Di bawah itu dua, tetapi di depan itu saya ingat dekat tiga atau empat rumah orang Melayu pun ada. *Is a matured neighborhood*, seksyen 5 Gasing. Akan tetapi saya rasa isu dia yang saya hendak bercakap di sini, yang berbahas di sini lain sikit. Jadi, keunikan negara kita ini bukan setakat bahasa, bukan makan yang kita miliki ini tetapi lebih penting itu ialah kefahaman, *understanding*, dengan izin, antara satu sama lain. Kehormatan, *we are respect one another*, dengan izin, antara satu sama lain dan paling penting *is toleransi*. *Give and take* dengan izin, antara satu sama lain dan itulah asas atau formula perpaduan dan keamanan Malaysia dan formula inilah telah dicipta sejak kemerdekaan.

Kemerdekaan negara kita pun luar biasa. Kita tak ambil pisau, tak berlawan, tak menumpah darah, tak menggunakan senjata. Kemerdekaan Malaysia adalah hasil perundingan, aman. Dengan izin, *peaceful negotiation* dengan orang-orang British oleh tiga kaum utama yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan mewakili UMNO, MCA dan MIC. Di sini saya ingin mengambil ekstrak dengan izin daripada ucapan Tunku Abdul Rahman semasa upacara *Alliance Rally* beberapa jam pada 30 Ogos sebelum merdeka.

Di dalam bahasa Inggeris dengan izin, saya bawa ini *sebab I find it very emotional*. *"This is the greatest moment of the life of the Malaysian people for at the stroke of midnight a new nation is born. A nation that will stand for with free and independent. A new star rises in the eastern sky. A star freedom for yet another Asian people. Let freedom be secured for all law by the people, there should be freedom of worship, freedom of speech, freedom from one, freedom of association, freedom assembly and freedom of movement. To all members of my party alliance of UMNO, MCA and MIC, I say thank you one and all for having gone through together to all the difficult stages of our journey. At no moment, have been faulted or evolved a lost faith in our cause. Prosperity will remember this year 1957 as the most glorious day in the history of our country. This country must depend on unity of all races for well being peace and happiness.*

Dia mengakhiri, menyatakan negara kita bergantung pada perpaduan semua kaum untuk kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan rakyat. Formula perpaduan kita yang saya sebutkan tadi kefahaman, penghormatan, toleransi antara satu sama lainlah sepatutnya kita memperkasakan dan memperjuangkan. Marilah kita menoleh belakang dan melihat sedikit ke sejarah Malaysia. *Human*

civilization, dengan izin, bermula di Persekutuan Tanah Melayu ataupun Malaya telah sejak abad pertama. *Civilization*, ertinya orang itu boleh ada *they got some form of culture*. Mengikut buku Bujang Valley diterbitkan oleh tokoh sejarah V. Nadarajah dan juga kajian daripada arkeologi USM terdapat kesan-kesan orang-orang keturunan India berada di Lembah Bujang sejak abad ke tiga.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Britishlah yang membawa masuk banyak orang India kerana hendak membuka ladang-ladang getah di Malaysia di mana orang-orang dia telah menjadi pekerja utama. Kerajaan British dalam pelan *migration of Indian workers to Malaya*, dengan izin, membuka kuil-kuil, sekolah Tamil, rumah kediaman dan kadang-kadang pusat perkhidmatan perubatan. Banyak sekolah dan kuil-kuil ini telah didirikan pada awal tahun 90-an. Kita pernah belajar sejarah, Melaka mengenai Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po, kaum Cina pun sudah berada di Malaysia sejak abad ke-15. Kedua-dua kaum Cina dan India, saya rasa bukan pendatang ke negara kita hendak cari untung sahaja. Kita berada di Malaysia sudah beratus-ratus tahun sebelum merdeka.

Kita juga mempunyai, membuat banyak sumbangan untuk membangunkan negara kita. Di sinilah saya dilahirkan, di sinilah saya dibesarkan, di sinilah anak saya dilahirkan, di sinilah cucu saya akan dilahirkan, di sinilah saya akan mengambil nafas terakhir. Malaysia negara saya, Malaysia negara orang bumiputera, Malaysia negara orang Cina, Malaysia negara orang India, Malaysia negara orang Sabah, orang Sarawak, Malaysia negara kita semua. Kemerdekaan Malaysia diperjuangkan oleh ketiga-tiga kaum utama. Hasil perjuangan ini dan kefahaman antara satu sama lain, kita telah menyetujui dan melahirkan dan lahirilah Perlembagaan Malaysia.

Kita sudah setuju dalam Artikel 3, Artikel 11, Artikel 12, menyatakan dengan *is very clear*, agama Islam sebagai agama rasmi untuk negara kita. Agama-agama lain boleh dipraktikkan secara aman dan harmoni. Di mana-mana tempat di Malaysia. Setiap individu mempunyai hak untuk menganut dan mempraktikkan agamanya. Begitu juga dari segi pendidikan, setiap kaum diberi hak untuk mendirikan dan *maintain*, dengan izin, institusi pendidikan dalam budaya masing-masing. Begitu juga Artikel 153 di mana hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera daripada Sabah dan Sarawak diperuntukkan. Saya setuju dan percaya konsep perpaduan ini, kita mesti memperjuangkannya dan membinanya setiap masa. Akan tetapi untuk saya, saya lebih suka melihatnya secara holistik.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: 25 minit sahaja ini.

Dato' Khairudin bin Samad: Sikit, sikit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, jadi bersetujulah Yang Berhormat, kita jangan ganggu gugat apa yang kita sudah bersetuju dahulu. Kita kekalkan. Jadi bila kita kekalkan, maka perpaduan itu akan berterusan. Tak payah kita. Bersetuju atau tidak sebab *Malaysia is Truly Asia*.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya setuju. Walau bagaimanapun, masa berlalu, zaman sudah bertukar sikit, ada cabaran yang saya hendak bincangkan di sini. Kalau hendak kekalkan macam itu tanpa hendak faham cabaran yang akan datang pun tak boleh. Jadi biar saya beritahu sedikit tentang cabaran, secara holistik. Nombor satu, pembangunan yang tidak seimbang akan membawa impak yang memberi cabaran kepada perpaduan antara kaum. Negara kita bagus,

membangun dengan pesat sekali. Rumah murah dekat sini, rumah canggih dekat sana, macam-macam. Di mana kita melihat bila kita buat pembangunan, tidak mengambil kira sosial ekonomi dan perpaduan dan membina *township* yang tak seimbang, ini menjadi satu masalah.

■1800

Ada banyak tempat yang kita bina, majoriti penduduk adalah daripada selapisan kaum. Apabila estet-estet dimajukan, semua orang-orang India ditempatkan di satu tempat, di flat atau rumah murah. Kawasan bandar-bandar pula yang berpotensi perniagaan, suka dimiliki oleh kaum Cina. Apabila benda-benda seperti ini dibiarkan untuk 60 tahun dan kita tidak ada konsep mencari satu imbalan yang berefleksi kaum-kaum dalam pembangunan bandar, perniagaan, benda seperti ini sudah tentu akan memperlahankan dan menjadi satu halangan untuk mencapai satu perpaduan.

Nombor dua, cabaran kepada budaya. Saya dengar hari itu, Yang Berhormat Senator dari Kedah, jiran saya dari Jerai ini, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Beliau membawa isu murid-murid di Sekolah Bukit Damansara, bila dia pergi sana, dia bertutur dalam bahasa Inggeris, budak Melayu. Ibu bapa zaman kini ini, tidak ada masa hendak bersama dengan anak-anak kita ini, terpaksa bekerja kuat, kerja ini, kerja itu, hendak bagi paling baguslah kepada anak-anak. Kebanyakan isi rumah bergantung kepada pembantu rumah untuk menjaga anak. Akan tetapi sebenarnya bukan pembantu rumah yang menjaga anak itu, televisyen, betul ke tidak? *[Ketawa]*

Jadi, dengan adanya *contents* yang luar biasa ini, seorang itu dia menjadi bukan penagih dadah, penagih TV, *TV addict*. Macam-macam *series* ada. Hendak bahasa Cina ada, bahasa Hindi ada, bahasa Tamil ada, bahasa Melayu ada, bahasa Inggeris ada, bahasa Siam pun ada, Tanggari pun ada, Korea pun ada, tengah malam pun ada, boleh tengok TV daripada pagi sampai malam. Bagus juga buka TV biar anak tengok, tidak payah buat kerja. TV jaga anak. Lagipun kalau tidak ada TV, pakai iPad masuk *Youtube*, lagi ramai dia punya *content*. Fenomena ini, dengan *influence* dia ini, begitu tinggi sekali. *We have to admit*, yang ini masalah, saya rasa masalah yang paling besar yang membuat orang tidak bergaul, yang tidak membuat orang keluar bertemu dengan orang lain, yang tidak macam Malaysia dulu adalah masalah *content* baru ini. Masalah cara orang lebih suka menjadi *to live in his own world*. Dunia dia ialah dunia elektronik, bukan dunia Malaysia dah. Sebab apa? Ini cabaran besar.

Kerajaan mesti mencari jalan untuk *tackle* masalah ini, di mana institusi keluarga mesti diperkuatkan. Yang Berhormat Senator hari itu pun beritahu, di rumah, kita mesti hendak hormat ibu bapa dan kasih anak-anak. Ini institusi keluarga. Ini mesti kita kuatkan. Apa kerajaan sedang buat tentang konsep institusi keluarga ini? Adakah kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan dalam perkara ini, menggunakan sukan untuk memperkuatkan institusi keluarga dan perpaduan? Apabila tempat tinggal semua dipenuhi oleh bangsa sendiri, orang-orang dia semua pergi satu tempat, orang-orang estet semua, 200 orang, 300 orang satu tempat di letak. Pagi-pagi tengok TV, petang tengok TV, malam tengok TV. Dengan program *serial* ini, lagipun ada pula budak-budak di kawasan Damansara Heights balik tengok- walaupun belajar dalam Bahasa Malaysia, balik rumah tengok TV bahasa Inggeris sampai malam, sampai siang, cuti tengok TV, cakap dengan kawan pun bahasa Inggeris, sudah tentu budaya sudah tukar, sudah dapat *influence* budaya Barat, *internet*.

Ibu bapa tidak ada masa dan mengambil berat tentang pergaulan. Sudah tentu generasi ini tidak mempunyai masa untuk bergaul dan bermesra dengan kaum lain. Jika kita betul-betul hendak selesaikan masalah ini, saya rasa dalam bahasa Inggerislah, *we have to go back to the roots of the problem*, dengan izin, dan mencari satu jalan yang lebih holistik. Janganlah kita senang menunjuk jari, menuduh atau membuat cadangan tanpa membuat kajian. Hanya semata-mata untuk mendapat sokongan atau menjadi popular dalam kelompok persendirian. Saya juga berpendapat kita sepatutnya jangan menuduh perpaduan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya sambung sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perkataan Yang Berhormat Dato' Jaspal tadi tentang *the roots of the problem* dan saya harapkan bahawa akan ada penjelasan lebih lanjut, dengan izin, *elaboration* dari apa yang pada fikiran Yang Berhormat Dato' Jaspal yang menjadi *roots of the problem*. Bukankah agaknya antara lain kerana keingkaran, keangkuhan kita mematuhi perkara-perkara yang telah disetujui? Bagi saya itulah dia, akar masalahnya, *roots of the problem*, bahawa banyak di antara kita cuba ingkar, cuba angkuh terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui. Itu versi saya, pandangan Yang Berhormat Dato' Jaspal bagaimana?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya berpendapat kalau seseorang itu dia tidak setuju, kadang-kadang macam saya pun di sini kadang-kadang bila saya pergi minum teh, ada orang panggil saya Benggali. Ini semua sebab orang tidak setuju itu bukan ertinya mungkin dia tidak faham. Mungkin kita balik kepada *roots of the problem, education, explanation*. Sistem *education* kita ini, *we have to go back to the roots of the problem. Education, one example*. Penyatuan, pengajaran. Baru kita dapat respek *one another*. Saya ada 25 minit, tinggal lagi tidak tahu dalam 10 minit kah, dalam lima minit kah, berapa banyak Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lapan minit lagi.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Lapan minit lagi, banyak lagi ini.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: *You* belum cakap lagi Yang Berhormat, nanti *bringing up*, terima kasih. Saya juga berpendapat, kita sepatutnya jangan menuduh perpaduan sebagai sama ada bahasa ataupun agama, jikalau sekelompok atau segolongan tidak menyokong kerajaan semasa pilihan raya. Sistem demokratik adalah satu sistem yang memberi hak kepada sesiapa, seorang individu untuk memilih secara suka hati mereka. Saya di sini hendak memberi beberapa *example*, di mana kawasan orang Melayu tidak majoriti, kurang seperti Parlimen Johor Bahru dan Parlimen Pulaui, wakil daripada UMNO telah dipilih sebagai wakil rakyat. Di sini orang Cina majoriti.

Malah ada juga tempat di mana majoritinya ramai orang Melayu seperti Gombak, Lembah Pantai dan Kuala Terengganu, di mana seorang Melayu daripada parti pembangkang di pilih sebagai wakil rakyat. Untuk saya, seperti di nasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap tahun, mempunyai peranan masing-masing untuk menjayakan Malaysia dari segi perpaduan, ekonomi

dan pencapaian. Kita perlu sokongan daripada semua. Kalau ada sekumpulan yang tidak menyokong kerajaan, kita ambillah ini sebagai satu cabaran dan cuba bekerjasama dengan mereka memperkuatkan talian persahabatan, kefahaman. Tunjukkan kepada golongan ini bahawa esok adalah lebih cerah daripada hari ini di bawah Kerajaan Malaysia, Barisan Nasional. Ini hanya boleh dicapai jika kita dapat mengambil konsep untuk mendahulukan rakyat dan memastikan bahawa kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional dapat *deliver*, dengan izin.

Cara yang paling bagus untuk kita pergi ke hadapan ialah dengan bekerjasama dengan setiap kaum, menghormati satu sama lain. Saya percaya pucuk pemimpin negara kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memang tahu formula untuk membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi dan *formula* ini berasaskan kepada konsep toleransi antara satu sama lain. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperjuangkan Malaysia sebagai sebuah negara *moderate* di kalangan antarabangsa.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perpaduan, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang lain yang saya berpendapat penting. Bajet 2015 adalah yang terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya sebagai Senator yang mewakili parti MIC yang memperjuangkan pembangunan orang-orang India di Malaysia, ingin meminta penjelasan daripada Perdana Menteri, apakah tahap pencapaian orang India dari segi ekuiti? Kerajaan memang telah banyak kali menyebut sasaran ekuiti 3% untuk orang India di Malaysia. Adakah pelan-pelan konkrit selain daripada apa yang telah dilaksanakan semasa ini yang kerajaan sedang mengkaji untuk diimplementasikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas? Bolehkah kerajaan menjamin kepada orang India di Malaysia bahawa tahap 3% ini boleh dicapai menjelang Rancangan Malaysia Kesebelas pada tahun 2020?

Mengenai peluang pelajar tinggi di IPTA, saya dapati bahawa kemasukan orang-orang India ke IPTA telah turun daripada angka 1,824 orang pada tahun lalu kepada 1,533 orang tahun ini. Walaupun kerajaan telah meningkatkan kemasukan orang-orang India ke kursus matrikulasi ke tahap 1,500, inisiatif ini nampaknya tidak membawa manfaat kepada komuniti India kerana sebelum ini pun, kemasukan pelajar-pelajar India ke IPTA adalah lebih kurang 2,000 orang setiap tahun. Saya minta penjelasan daripada Menteri Pelajaran, kenapa kemasukan pelajar-pelajar India telah merosot? Apakah jumlah yang memohon untuk kemasukan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat ya. Boleh mula gulung.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Tambah lagi lima minit, jadi lapan minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Adakah jumlah pemohon untuk kemasukan IPTA dan mereka yang tidak memohon, ke mana mereka pergi ini? Ada 30,000 orang India mengambil SPM, hanya 1,500 masuk ke IPTA. Yang lain-lain pergi mana? Saya pernah tanya sama ada pencapaian A-Level akan diterima oleh IPTA, Menteri menjawab, "*Betul, boleh*". Saya minta penjelasan daripada

Menteri Pelajaran, berapa ramaiakah pelajar terutamanya daripada pelajar-pelajar India yang telah masuk ke IPTA dengan kelayakan A-Level?

Baru-baru ini terdapat berita dalam akhbar tentang orang-orang *stateless* di Sabah dan Sarawak. *Stateless* ini bukan perkara baru. Masalah ini adalah juga satu masalah besar dalam kalangan kaum India. Terdapat ramai orang India yang telah tinggal di Malaysia sejak kemerdekaan dan umur mereka lebih daripada 60 tahun. Ada yang sampai 75 tahun yang belum mendapat kewarganegaraan. Ada juga ramai warganegara Malaysia keturunan India yang telah berkahwin dengan gadis warganegara India dan perkahwinan ini dilangsungkan di negara India. Anak mereka dilahirkan di Malaysia, mereka ini tinggal di estet, mereka tidak mengambil berat untuk mendaftarkan perkahwinan atau mendaftarkan kelahiran. Oleh sebab-sebab tertentu macam kematian, pergaduhan, suami lari, isteri pun lari, anak ini dia tidak dapat surat beranak. Jadi mereka ini *innocent*, dengan izin, tidak ada surat kelahiran dan kewarganegaraan walaupun mereka anak Malaysia.

Saya minta penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri, berapa banyakkah permohonan daripada kaum India yang telah diterima melalui skim MyDaftar? Apakah cadangan kementerian untuk budak-budak *stateless* yang tidak mempunyai negara asal untuk tinggal supaya mereka boleh hidup di Malaysia yang mana budak-budak ini berhak seperti orang lain terutamanya dapat masuk ke sekolah kerajaan?

Satu lagi topik- dua minit atau tiga minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: [*Ketawa*] Bagi industri SME, saya mengalu-alukan Skim Pinjaman Sektor Perkhidmatan sejumlah RM5 bilion dan juga dana sebanyak RM300 juta untuk menggalakkan kajian dan promosi eksport. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, berapakah bilangan SME di negara kita? Saya dapati terdapat banyak SME daripada kaum bumiputera dan kaum India yang masih dengan izin, *at the infant stage* yang selalu tertinggal dalam inisiatif-inisiatif seperti ini. Sepatutnya pinjaman seperti ini mesti mempunyai sasaran untuk mereka yang susah. Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan sebuah dana dan dengan izin dana ini dana *capacity building* untuk SME bumiputera dan golongan tertinggal seperti orang India, supaya jika mereka tidak mempunyai kapasiti pada kali ini, boleh disediakan untuk tahun hadapan atau dua tahun atau tiga tahun supaya mereka pun boleh dimasukkan dalam skim pembangunan SME kerajaan.

Saya dengan itu, masa pun tidak cukup, dengan itu, saya pasti poin-poin lain ini akan dibawa ke Dewan ini oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan sokong Rang Undang-undang Perbekalan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

6.16 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2015 pada bulan Oktober lalu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ekonomi keperluan rakyat menjadi tunjang kepada bajet tahun ini yang jumlahnya RM273.9 bilion dengan RM223.4 bilion Perbelanjaan Mengurus dan RM50.5 bilion Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, ikut serta dalam perbahasan bajet ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya mengenai perlindungan insurans murid dan guru. Pada masa ini, semua pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ataupun KPM mendapat perlindungan insurans takaful murid. Bayaran sebanyak RM1.50 dibayar oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui peruntukan kewangan Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan ataupun BBTP.

Difahamkan juga di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD ditawarkan skim perlindungan insurans murid-murid sekolah iaitu skim perlindungan kemalangan berkelompok takaful untuk murid-murid sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan menaiki bas sekolah yang berlesen dengan SPAD dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ataupun LPKP. Maknanya, memang perlindungan insurans kepada murid-murid sekolah telah ada, sama ada melalui Kementerian Pendidikan Malaysia atau SPAD. Akan tetapi masih ada lagi ruang kosong yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan perlindungan insurans ini.

Pertama, tidak ada perlindungan insurans bagi guru-guru yang menjadi guru pendamping ataupun menjadi jurulatih, guru pendamping yang terlibat dengan kegiatan pelajar di luar bilik darjah sama ada kokurikulum, kesukarelaan atau lawatan akademik. Kedua, tidak semua kegiatan seperti sukan dan kokurikulum murid-murid menggunakan kenderaan awam yang berdaftar untuk ke sesuatu gerak kerja luar. Amat sukar bagi sekolah mendapat khidmat syarikat bas berdaftar ini terutama dalam bilangan murid yang sedikit yang melibatkan murid satu orang, dua orang, tiga orang, empat orang ataupun lima orang. Maka dalam hal ini, pihak sekolah akan mengambil keputusan menggunakan kenderaan guru. Kita pernah dengar ada kalanya berlaku kemalangan bagi guru yang sedang bertugas membawa murid menyertai kegiatan luar bilik darjah.

■1820

Jadi, demi menjaga keselamatan dan kebajikan guru serta pelajar, adalah dicadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peruntukan tambahan secara perkapita kepada sekolah bagi tujuan membayar insurans perlindungan guru dan murid yang terlibat dalam kegiatan luar ini. Tiba masanya kita membantu mengurangkan beban tugas guru dan memberi keyakinan bahawa kerajaan sentiasa prihatin terhadap tanggungjawab guru. Manakala ibu bapa pula tidak ragu-ragu membenarkan anak mereka menyertai kegiatan luar bilik darjah.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 perlu dimanfaatkan untuk golongan wanita sebaik mungkin. Kerajaan memberi peluang kepada wanita sebagai pemimpin organisasi sama ada di peringkat awam ataupun swasta. Antaranya ialah program latihan kepada 125 orang sebagai lembaga

pengarah. Kita berharap pemilihan mereka ini mestilah dari kalangan mereka yang benar-benar layak dan berpotensi. Bakat dan potensi mereka perlulah digilap dan diberi kepercayaan dalam usaha bersama memacu kejayaan negara.

Juga adalah diharapkan nasib golongan wanita seperti ibu tunggal, golongan-golongan wanita yang kurang upaya, golongan tua yang sentiasa diberi perhatian yang lebih menyeluruh dan merata. Bantuan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling. Ada kes-kes jenayah yang melibatkan gadis yang ditoreh muka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat melawat di Pasir Puteh Kelantan pada hari Jumaat yang lepas dan mereka berdua ini masih dalam keadaan trauma dan mereka ini sepatutnya diberi khidmat kaunseling kerana mereka masih, bila saya pergi melawat Tuan Yang di-Pertua, mereka masih di dalam keadaan kebingungan sebab mukanya semuanya ditoreh dan ibunya ditumbuk sampai mata kedua-dua belah merah macam biji saga, di sininya dikelar dengan pisau. Jadi itulah mesti diberi khidmat kaunseling.

Saya juga ingin menyentuh mengenai syarat baru *Malaysian University English Test* (MUET), dengan izin, yang akan dipertingkatkan mulai tahun hadapan bagi kemasukan ke IPTA. Saya juga ingin ikut serta mencadangkan agar pihak kerajaan menimbang semula keputusan ini kerana ada faktor-faktor yang masih menjadi penghalang untuk mengupayakan pelajar ini mencapai tahap terbaik MUET.

Pertamanya, faktor kekurangan guru pakar bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah-sekolah yang menawarkan untuk ke Tingkatan 6. Lambakan guru Bahasa Inggeris ini berada di bandar tetapi bagi sekolah luar bandar, masih menghadapi masalah guru berkecukupan dan berpengalaman untuk mengajar MUET.

Kedua, kemampuan pelajar untuk mencapai tahap terbaik MUET masih terhad. Jadi kita bimbang pelajar yang cemerlang dan berkecukupan tidak dapat masuk ke IPTA ataupun IPTS bukan berpunca dari kecukupan akademik tetapi tidak mencapai tahap keperluan MUET.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengambil keputusan mengekalkan Akta Hasutan 1948. Perdana Menteri telah mengambil pendekatan meraikan suara dan hasrat rakyat yang inginkan keharmonian dan keamanan negara. Akta Hasutan ini amat penting untuk Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama.

Kita tidak pelik kalau orang luar seperti Joseph Biden, Naib Presiden Amerika menentang akta ini sebab dia jahil tentang tata hidup dan tata beragama di Malaysia. Akan tetapi kita amat kecewa bila ada rakyat Malaysia sendiri yang menentang sehingga sanggup usul ini dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri Selangor supaya akta ini dimansuhkan. Akta yang boleh menjadi benteng dan menjaga keharmonian dan kerukunan hidup rakyat ini sepatutnya mendapat sokongan semua.

Kita boleh berbeza Tuan Yang di-Pertua dalam pegangan politik kepartian, boleh berbeza dalam hal-hal yang lain tetapi apabila menyentuh soal-soal kepentingan negara, kesejahteraan rakyat dan agama, maka kita perlu bersama, lebih-lebih lagi daripada kalangan umat Islam yang sentiasa dituntut supaya kita sentiasa mengingati pesanan Allah SWT dalam Al-Quran. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Surah An-Nisa' ayat 59. "Wahai orang-orang yang

beriman, taatilah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uliil-Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada Allah dan Rasul-Nya dan jika kamu benar-benar beriman kepada Allah di Hari Akhirat.”

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu timbul yang boleh mengancam kerukunan hidup rakyat malah mengancam keselamatan negara. Misalnya suara-suara yang mempersendakan ibadah puasa, menghina Sultan, mencaci Ketua Polis Negara, memperlekehkan lagu Negaraku dan bendera negara, menghasut supaya Sabah keluar dari Malaysia dan berbagai-bagai lagi. Ini semua berlaku semasa Akta Hasutan masih ada, apatah lagi sekiranya akta ini dimansuhkan. Tentulah anasir-anasir yang menggugat keamanan dan perpaduan akan lebih berleluasa dan akan lebih mudah menular.

Walaupun Akta Hasutan 1948 ini dikekalkan dengan penambahbaikan yang dipinda, namun keberkesanannya tetap bergantung kuat kepada penguatkuasaan yang tegas. Penguatkuasaan yang lemah dan longgar tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Misalnya berlaku penerokaan haram di Cameron Highlands, Lojing, Kuala Koh dekat Taman Negara dan beberapa tempat walaupun sudah ada undang-undang mencegahnya. Berleluasanya aktiviti judi haram walaupun sudah ada undang-undang yang menghalangnya.

Ada suara-suara menghasut supaya membenci Sultan dan agama kaum lain walaupun kita sudah ada Akta Hasutan. Undang-undang ada, tetapi orang berani melanggarnya sehingga menjadi seperti perkara biasa dan lupa bahawa ianya melanggar dan menyalahi undang-undang yang sedia ada. Tindakan penguatkuasaan hanya diambil setelah sesuatu isu didedahkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada NGO ataupun media.

Demikianlah apa yang berlaku di Cameron Highlands dan Tanah Tinggi Lojing di mana perhatian mula diberi dan tindakan diambil apabila ia didedahkan oleh *Utusan Malaysia*. Begitu juga aktiviti judi haram, mula mendapat tumpuan hasil daripada pembongkaran akhbar *Utusan Malaysia*. Jadi dalam hal ini, kita patut ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak *Utusan Malaysia*. Walaupun ada pihak yang pernah memboikot dan membakar akhbar *Utusan Malaysia* tetapi sumbangannya terhadap rakyat dan negara amat bermakna. Peranan Utusan sebenarnya melangkaui pemangkin fikiran rakyat yang menjadi slogan mereka selama ini, tetapi mereka juga sebenarnya menjadi pencetus kesedaran dan penggerak penguatkuasaan.

■1830

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh isu capaian talian komunikasi. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk membawa isu capaian ataupun *coverage* talian komunikasi di tempat saya di Machang, yang boleh saya tafsirkan amat-amat mengecewakan. Misalnya pernah berlaku satu peristiwa salah seorang penduduk terpaksa mencari *line* telefon ini di atas rel kereta api kerana isterinya hendak bersalin. Jadi apa yang terjadi amat malang sekali, berakhir dengan tragedi apabila beliau dilanggar oleh kereta api kerana tidak sedar sewaktu beliau menelefon kepada pihak hospital. Oleh kerana itu, adalah diharapkan agar kerajaan lebih memberi tumpuan di kawasan

luar bandar bagi kedua-dua capaian talian komunikasi dan *broadband* supaya penduduk luar bandar juga merasai segala nikmat dan kemudahan yang dikecap oleh penduduk bandar.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut daerah Machang sebagai sebuah daerah yang memang mempunyai pusat rekreasi yang menarik, yang mampu ditonjolkan sebagai pusat riadah dan menarik para pelancong. Di sana ada Hutan Lipur Bukit Baka yang diuar-uarkan suatu ketika dahulu sebagai tapak untuk membina zoo sejak tahun 2004 lagi, tetapi tidak menjadi kenyataan sehingga hari ini. Di sana juga ada kolam air panas yang airnya mempunyai suhu yang panas, kawasannya cantik, teduh, jauh dari hiruk pikuk kota dan amat menyamankan. Ini pernah dijanjikan oleh kerajaan negeri untuk dibangunkan, tetapi nasibnya samalah seperti kawasan bukit bakau yang terbiar dan tidak terurus, sampah bertaburan, fasiliti rosak, malah tidak dibaiki sehingga hari ni dan menjadi pusat tumpuan penagih dadah untuk melepaskan gian. Saya juga bersedia membawa Yang Berhormat Menteri melawat sekitar kawasan yang saya maksudkan ini dan mungkin juga Yang Berhormat Menteri boleh membantu atau berbincang untuk mengusulkan apa-apa idea yang boleh membangunkan kawasan tersebut. Sekian, saya mohon menyokong Bajet 2015 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

6.33 ptg

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Bajet 2015 yang bertajuk 'Ekonomi Keperluan Rakyat'.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan tujuh strategi utama di dalam bajet-bajet tersebut. Saya ingin menyentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua. Satunya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar Negeri dan barisan jawatankuasa beliau yang mana dengan kerja erat mereka kita telah mendapat kejayaan menduduki kerusi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Perolehan yang kita dapat sebanyak 187 undi menunjukkan 187 negara menyokong dalam perjuangan Malaysia. Jadi tidak timbul lagi kalau ada orang yang hendak, orang dalam negara sendiri mempertikaikan dan sebagainya, kejayaan ini telah terbukti.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana Yang Amat Berhormat telah memperkasakan peranan wanita. Di dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat in Tuan Yang di-Pertua, ada juga di dalamnya ada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya terpaksa menyentuh perkara ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anak-anak yatim. Saya sering kali membangkitkan perkara ini yang mana untuk anak-anak yatim diberi *ransom* sebanyak RM8 sehari. Kalau kita bandingkan dengan penagih dadah, PATI dan yang duduk di

dalam penjara, mereka ini dapat paling kurang RM20 ke atas, sedangkan untuk anak yatim kita bagi RM8.

Saya sebagai salah seorang daripada Naib Presiden PEYATIM Malaysia, tidak akan senang kalau benda ini saya tidak bawa kepada Dewan yang mulia ini. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri menjawab persoalan ini. Baru-baru ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, Menteri telah memaklumkan kepada Presiden PEYATIM, iaitu YM Dato' Dr. Tengku Mahmud bin Mansor, yang mana beliau telah lulus sebanyak RM16 sehari. Jadi perkara ini tidak ada hitam putih. Beliau telah memaklumkan kepada YM Dato' Dr. Tengku Mahmud, kita telah lulus. Jadi saya minta perkara ini Yang Berhormat Menteri tolong jawab di dalam Dewan yang mulia ini, ya ataupun tidak. Jangan kita buat aniaya kepada anak-anak yatim. Saya harap perkara ini diambil serius lagi.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Saya telah baca dalam bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tahniah, beliau telah meluluskan membina dua hospital, satu di Terengganu dan satu di Perak. Soalan saya, di Dewan yang mulia ini juga Menteri Kesihatan telah mengumumkan soalan saya yang lalu, bahawa beliau telah lulus pembinaan hospital di Padang Besar. Jadi setelah bajet di bentang untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, jadi tanda tanya orang Perlis. Apa sudah jadi permintaan kita Yang Berhormat Menteri dulu jawab kata lulus. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, perkara ini lebih aneh, bulan lalu Radio 3 Perlis telah buat pengumuman jam pukul 4 petang, Berita Petang mengumumkan kata Hospital Padang Besar telah lulus. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab di dalam Dewan. Apabila saya lihat ini tidak ada, tidak tahu kalau ada yang *special* punya ni.

Ini kerana perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini ada pesakit di Hospital Kangar telefon saya minta saya tolong bangkitkan isu ini. Isu di mana pesakit duduk di dalam wad terpaksa pindah kerana tidak cukup, ada orang baru masuk yang lebih perlukan katil di hospital. Masalah di Perlis ini Tuan Yang di-Pertua, sebab jagaan yang dijalankan oleh kakitangan hospital Perlis ini, A1 saya kata. Orang Kedah, terutama sekali orang Jitra, orang belah Jerlun, Changlun, semua datang ke Kangar sebab layanan cukup istimewa Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pihak kerajaan perlu perhati perkara ini, tambah-tambah lagi di Padang Besar ini, kita hendak buka macam-macam di Padang Besar. Kasihan pada orang Padang Besar Tuan Yang di-Pertua. Ini bukti-bukti luar bandar, kawasan yang dapat satu Parlimen ini, *five states*, menang semua Tuan Yang di-Pertua. Ini bermakna orang luar bandar menyokong kerajaan. Tolong perhati sedikit bab ini. Bagi UTC, hendak buat apa Tuan Yang di-Pertua? Ini Menteri saya ada, duduk depan ini. Penghulu pun ada... [Disampuk] Lulus? *Alhamdulillah*. Tolong catat Tuan Yang di-Pertua.

■1840

Tuan Yang di-Pertua: Itu bisik-bisik sahaja. Dia kena *announce* betul-betul.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya? Kena *announce* betul-betul. Saya hendak balik ini nanti orang tanya. *You* ini mai Padang Besar, *you* cakap kah tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Menteri ini dia tak jawab sekarang, *you* bercakap sahajalah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Oh, bercakap sahaja, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan sahaja akan jawab.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Line clear.*

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Apa saya cakap ini. Saya tulis pun saya tak berapa nampak ini. Nanti sat-sat. Kacau sedikit ini. Kacau saja dia lari lah. Hospital okey. Dua perkara lagi saya nak sentuh, hendak menghargai sumbangan penjawat awam. Dato' Khairudin sudah bercakap panjang lebar berkenaan dengan gaji dan sebagainya. Saya pun nak bercakap juga untuk sumbangan kepada penjawat awam.

Walaupun ada segelintir yang tidak sokong kerajaan dan sebagainya, kita tidak kisah. Pertama, untuk kakitangan Parlimen. Saya dapati untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang orang kata kerja tidak tetap. Lebih kurang 10 hingga 15 orang, lebih kurang begitulah. Jadi saya merayulah kepada pihak Parlimen untuk memberi keutamaan kepada mereka. Parlimen ini satu tempat yang payung lah untuk negara. Tempat yang membuat dasar dan sebagainya. Adalah kurang aneh kita lantik orang-orang ini, kita bubuh sebagai sementara atau kita katalah 10 tahun, kita suruh dia berhenti. Apa di impak orang di luar? Jadi saya merayulah, saya merayu kalau boleh diberi peluang tetapkan mereka. Bukan ramai pun. Kalau 10, 13 orang begitulah, ya Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya hendak cadangkan kepada pegawai kerajaan ini yang mana gaji bawah daripada RM3,000- saya difahamkan mereka ini tidak ada insurans. Kalau yang mana kerja lima tahun, 10 tahun tiba-tiba meninggal. Tidak ada apa. Pencen pun saya tak tahu sama ada mereka boleh dapat tidak boleh dapat. Jadi saya cadangkan oleh sebab kerajaan ataupun kita telah ada satu sistem iaitu PERKESO. Saya ingin cadangkan kerajaan masukkan kakitangan-kakitangan yang gaji bawah daripada RM3,000 diserapkan untuk mengambil SOCSO. Sebab ia ada insurans dalam itu. Jadi kalau mereka bekerja telah lebih daripada 24 bulan, *insya-Allah*, mereka akan dapat pencen. Jadi inilah cara yang untuk kita menghargai sumbangan kepada penjawat awam. Ramai. Saya tidak tahulah berapa ribu orang, berapa ratus ribu yang gaji bawah daripada RM3,000.

Kelima Tuan Yang di-Pertua saya nak bawa satu isu berkenaan dengan MoF iaitu isu rangkaian Hotel Seri Malaysia. Isu ini lama Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kena baca sikit bab ini Tuan Yang di-Pertua. Ekuiti bumiputera di dalam perhotelan. Ekuiti bumiputera di dalam perhotelan begitu menyedihkan ataupun *stakeholder* bumiputera yang tidak melebihi 15%. Namun yang lebih menyedihkan lagi francais-francaisi Hotel Seri Malaysia yang telah berjaya menguruskan hotel di bawah sistem francais kini telah disuruh berhenti menjalankan francais pada tahun 2019 dan tahun 2020.

Ini bercanggah dengan dasar francais Hotel Seri Malaysia yang bermula pada tahun 1994, lebih kurang 20 tahun yang lalu, kita keluarkan satu dasar iaitu francais dan francaisor. Kita keluarkan bumiputera, kita bina kan lebih kurang 20 hotel ataupun 21 hotel, kita bagi pada bumiputera ini untuk mengendalikan hotel. Kita tahu Hotel Seri Malaysia ini banyak membantu kita terutama orang-orang yang berpendapatan rendah, Hotel Seri Malaysia lah tempat kita berteduh.

Mereka- tidak ada saya tak jumpa lagilah yang depa ambil pekerja-pekerja asing. Semua *local*, bumiputera, bercampur. Bermacam-macam kaum dok ada di situ. Ini kehebatannya Hotel Seri Malaysia. Mereka ini tidak ada pilihan lain kerana pihak francaisor telah mengenakan syarat supaya mereka dihentikan mengendali francais ini pada tahun yang saya sebutkan tadi. Sepatutnya, memandangkan kejayaan mereka, lanjutan dan bantuan untuk francais bumiputera yang berjaya patut diteruskan, supaya ekuiti bumiputera di dalam perhotelan ini akan terus berkembang pada tahap di mana bumiputera dapat menguasai bidang tersebut di dalam dunia yang penuh dengan cabaran.

Ketika ini ia dikuasai oleh bukan bumiputera, hotel tidak ada. Kalau kita tengok *five star hotel*, *four star hotel* mana ada bumiputera Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. So yang ada ini rangkaian Hotel Seri Malaysia. Itu pun ekuitinya 15% paling maksimum. Kedudukan Hotel Seri Malaysia sekarang daripada 21 Hotel Seri Malaysia yang ada sekarang, lapan hotel dikendalikan oleh francaisor. Itu sudah lari dah daripada konsep francais dan francaisor.

Francaisor ini dia cari francais, dia bagi. Sekarang ini terbalik kuang. Dia pula mengendalikan hotel. Ini konsep ini sudah lari dah. Jadi minta maaf, kalau saya tidak tegur ini, siapa nak bangkit perkara ini Tuan Yang di-Pertua? *It's a new thing*. Lagipun hal benda ini 20 tahun dulu sudah kita buat hotel ini. Jadi kita teruskanlah, jangan orang yang dok bekerja elok-elok, tengah dok berkembang, orang pun tengok Hotel Seri Malaysia ini jadi satu macam model. Semua orang tahu.

Sedangkan dasar Hotel Seri Malaysia sepatutnya memberi peluang kepada francais-francaisi bumiputera yang berkeelayakan bukan untuk francaisor mengendalikannya. So, benda ini kena perbetulkan. *It's the run by MoF*. Francaisor ini dia jawab kepada MoF. Benda ini kita buat benda tidak betul. Saya nampak sudah 20 tahun, *nobody seems to see this better*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pengambilan lapan hotel oleh francaisor tidak membantu untuk mengembangkan ekuiti bumiputera dalam bidang ini. Makna kita, kita lagi kohort. Sepatutnya lapan hotel yang mungkin akan tak berjaya dan sebagainya, kita cari *new* bumiputera, kita bagi, itu cara kita mendidik.

Then orang- saya nak *habaq* dekat Tuan Yang di-Pertua ini, dok ada lebih kurang 13 Hotel Seri Malaysia *in the run* ini, *you give them five star hotel*. Depa boleh *run*. Ini bumiputera. Akan tetapi, apa kita buat? Kita panggil 'Mat Saleh' pula mai *run*, *hold the five star*. *We have the best manager, the best CEO* in Hotel Seri Malaysia. Mengikut dasar kerajaan yang berpandukan Risalah Maklumat Asas Program Pembangunan Francais Rangkaian Hotel yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan pada tahun 1994, ianya menjanjikan kepada francais-francaisi bumiputera ini untuk membina satu kerjaya dan profesion yang berkekalan.

Ini masa kita buat tahun 1994 dulu di bawah Kementerian Pelancongan, ini janji kita sebagaimana yang termaktub dalam muka surat enam, risalah tersebut yang dibeli oleh francais. Jadi Kementerian Pelancongan dia keluarkan satu risalah, tiap-tiap francais you ambil ini okey. Ini janji kita. Akan tetapi, masalah sekarang ini Hotel Seri Malaysia ini duduk bawah MoF. So, MoF dia bubuh, dia jadikan sebagai rangkaian. Rangkaian ini yang dok *running*, dia francaisor. Sekarang ini dia pula ada lapan hotel rangkaian ini. Sepatutnya dia ini monitor. Sebagai francaisor, dia tengok 21 hotel ini berjalan

kehendak yang dia hendak. Tang mana tidak boleh, itu dia *check*. Sekarang dia dah terbalik kuang, depa pula jadi *hotelier* pula dah.

■1850

Hasrat francais untuk membina kerjaya dan profesion yang berkekalan tidak tercapai sekiranya hal sedemikian berterusan. Ini mereka kata sebagai pepatah kata, “*Yang ada kita tidak jaga, yang belum ada kita hendak bina*”. Hotel kita sudah ada siap ini, yang sudah ada kita tidak jaga. Kita hanya kira hendak buat hotel baru pula sudah. Tidak betul ini, tolong perbetulkan. Saya harap MoF tolong jawab benda ini, “Yang terang kita membuta, di dalam gelap kita mencari”. Jadi saya harap sekiranya perkara ini dibiarkan pencapaian ekuiti bumiputera yang disasarkan dalam perhotelan akan tentu gagal. Inilah rintihan-rintihan daripada francais-francaisi Hotel Seri Malaysia. Saya minta perkara ini saya dapat jawapan Tuan Yang di-Pertua.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Akta Hasutan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sebagai rakyat yang kerdil, saya menyanjung tinggi pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekalkan Akta Hasutan 1948. Tidak payah kisah bab *council* ini mereka hendak tunjuk perasaan atau apa kah, *put them aside*. Saya pun hendak tanya juga, semenjak tahun 1948 akta ini, berapa ramai yang kita dakwa? Kalau *you* tidak buat salah, apa *you* takut? Sedangkan Akta 1948 sudah ada 64 tahun, 66 tahun, undang-undang ini ada tidak ada masalah pun. *You* tidak jaga, *you* tidak hentam kerajaan tidak ada masalah. *You can check the government all the time*. Tidak ada masalah, tetapi undang-undang ini yang ada *pressure* mai.

Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sebagai Perdana Menteri yang semua kita tahu yang adil, yang baik, dia dengar rintihan. Baguslah orang ‘duk’ kata, *you* ini *flip floplah*, apa lah *you* janji. Biar luar negara hendak bercakap, biar mereka bercakap. *They never support us. Vice President America Joe Biden, they care kah apa yang berlaku di Palestin? He doesn't care... [Disampuk] Ya, Joe Biden? So...*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat teruskanlah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya. Orang-orang ini semua kita *don't bother. Bar council put them aside*. Sepatutnya kita kena ada pula akta untuk *Bar Council* ini. Ia ada satu badan pula untuk monitor dia orang ini. Macam baru ini sahabat saya Yang Berhormat Dato’ Asyraf bangkit, ini betul. *You should have one act to see them*. Dulu tidak ada pun, tidak ada masalah. Akta ini 1948. *Bar Council* dahulu pun tidak pernah bising pun. *Why these ways* ini?

Kebelakangan ini, apabila pembangkang dapat banyak sikit kerusi dalam Parlimen, bangkitlah semua. Mereka cuba hendak cucuk ini. Kesabaran- ya? *[Disampuk] Oh, minoriti. So, mereka duk balun kita. Oleh sebab kita tidak dapat two-third. So, mereka ingat kena hantuk, kita pun kena tunduklah, “Yes Sir, okay Sir”*. Kita tarik akta ini. Akan tetapi rakyat yang tidak berpolitik, yang mengundi lebih ramai suara rakyat.

Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia kena dengar. Oh dia kata, “Walaupun aku berjanji”, ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang betul. Dia bercakap yang mana dia akan tarik, okeylah kita terima Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila dia dengar suara akar umbi duk

bercakap *whole over*, oh dia kata bahaya. Takut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang susah. So, dengan denyutan nadi rakyat-rakyat di bawah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kekalkanlah Akta Hasutan. So, saya berdiri di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *Salut* telah beritahu betul-betul Tuan Yang di-Pertua. *That mean* dia seorang Perdana Menteri yang berani saya cakap. Oleh sebab dia sayang pada rakyat.

Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada akta ini, lingkup. Saya cerita betullah, saya cakap lingkup. Tidak ada siapa lagi hendak peduli kita. Akta ini bukan apa salah pun. *The law is there*. Sekarang ini hendak tambah pula, hendak tambah lebih baik. Hendak jaga pula bab orang India, bab orang Cina, semua hendak masuk hendak memperkemaskan lagi. *So what's wrong?*

Tidak ada sebab melainkan orang yang tidak siuman yang tidak sokong ini. Orang yang tidak siuman tidak akan sokong ini. Akan tetapi kalau dia siuman, dia fikir betul-betul *it's for the country* bukan untuk individu. Dia Perdana Menteri bukan untuk dia. Saya pun hairan kenapa mereka tidak hendak sokong benda ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingat cukuplah masa saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanyalah. Kalau Yang Berhormat rasa sudah habis.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Habis modal sudah Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta, apakah Yang Berhormat hendak masuk dalam ucapan Yang Berhormat bahawa pembangkang berkata seolah-olahnya mereka menang dalam pilihan raya yang lepas berdasarkan *popular vote*. Apakah Yang Berhormat hendak masuk dalam ucapan bahawa, apakah benar pembangkang yang menang atau Barisan Nasional yang menang dalam pilihan raya yang lepas?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya hendak masuk kata, yang menang ini Barisan Nasional...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekarang ini untuk maklum Yang Berhormat juga. Kita baru sahaja buat keputusan- sekarang ini di Dewan Negara tidak ada pembangkang, minoriti.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Minoriti.

Tuan Yang di-Pertua: Ia minoriti.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Oh minoriti, saya sebut pembangkang tadi ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ia minoriti ini...

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Minoriti ya?... [Disampuk]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ucapan tadi...

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Allah, minta maaf.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat hendak masuk dalam ucapan hendak bertanya kepada kerajaan supaya kerajaan bagi angka yang tepat, tetap, bahawa siapa yang sebenarnya menang dalam pilihan raya lepas. Oleh sebab mereka masih lagi pergi seluruh dunia mengatakan bahawa mereka yang menang.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walaupun mereka dapat 89 Kerusi dan kita 133 Kerusi campur satu Telok Intan. So, 34 Kerusi.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya ambil itu sebagai ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh sebab saya hendak jawab.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, saya masuk...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Oleh sebab itu saya masuk sebagai ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Bolehkah tiga minit?

Tuan Yang di-Pertua: Gunakan masa tiga minit itu.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey. Jadi *come on* lah 134 dengan 89, *Allahuakbar*, dunia. Saya ingat bawa cucu saya, cucu saya tunjuk 134 dengan 89 dia akan tunjuk yang mana besar, yang mana kecil.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya kah? Ilmu hisab. *Allahuakbar*. Jadi...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Mahal sekarang ini. Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua saya pun tidak tahu hendak pergi ke mana sudah ini. Duk bawa Akta Hasutan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tidak ada berhentilah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tamat sahajalah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, saya tak sokong lagi ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa saya bagi orang lain pula ini.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Okay, all right*. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Dia ini boleh cakap dua hari.

6.58 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tinggal dua minit. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Disampuk] Mukadimah panjang sikit. Saya terlebih

dahulu ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Seorang Menteri yang rajin duduk dekat dalam Dewan kita dan belanja orang saya datang makan hari ini, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan terima kasih.

Satu lagi Yang Berhormat Datuk Halimah Sadique, walaupun tangan dia bergantung hari ini dia sanggup datang. Kita tahniah banyak-banyak. Inilah satu contoh yang baik, Yang Berhormat Dato' Kamal. Saya tidak hendak sebut Kamalanathan, Kamal sahajalah. Ini tiga orang walaupun diarah tetapi rajinlah. Yang Berhormat Datuk Halimah walaupun sangkut, saya tanya, "Kenapa, Datuk jatuh dekat mana?" "Jatuh katil." kata dia. *Alhamdulillah. [Ketawa]*

Terima kasih juga Yang Berhormat Dato Seri Shahidan, masa dua minit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Hari ini Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan pun belanja makan kita semua sekali, murahkan-mi goreng. Esok kita buat malam lagi ada ayam, lagi ada nasi beriani. Jangan takut. Yang Berhormat Dato' Nalla pun belanja makan tengah hari. Hari ini duduk dekat Dewan Negara ini memang walaupun gaji tidak naik Tuan Yang di-Pertua, tetapi Menteri-menteri ini sanggup belanja makan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia Menteri yang cukup bermurah hati.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Hari-hari belanjalah duduk dekat Dewan Negara, ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri yang cukup murah hati.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Betullah ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Maka itu cukuplah masa Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung pada hari esok. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana masa telah cukup jam 7 malam dan juga kita akan sambung semula dan Yang Berhormat akan menyambung ucapan Yang Berhormat yang pertama esok. Dengan itu saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 10 pagi pada 10 Disember 2014. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.]